

Setitis air mampu mencipta gelombang perubahan.  
ASM penggerak perubahan.

# CHANGEMAKER

We may be a droplet but a droplet is what it takes to create ripples.  
Together we create waves of change.

LAPORAN TAHUNAN 2022  
ANNUAL REPORT



**IMBAS UNTUK BACA  
VERSI DIGITAL  
LAPORAN INI**

# KONSEP REKA BENTUK KULIT LAPORAN



Gelombang ini melambangkan visi dan misi ASM ke arah menjadi Penggerak Perubahan, di mana satu titisan mampu membentuk gelombang yang mempengaruhi keadaan sekeliling. ASM adalah titisan yang akan membentuk gelombang perubahan serta memberi inspirasi ke arah dunia yang lebih baik.

# KANDUNGAN

05 Bina Kekuatan  
Dalaman, Maju  
Faedah Bersama

12 Renungan:  
Berbakti kepada  
Negara

73 Kesedaran  
Awam

83 Rangkaian dan  
Kerjasama  
Antarabangsa

19 Laporan Tadbir  
Urus Korporat

31 Nasihat kepada  
Kerajaan

89 Penerbitan dan  
Laporan Sainifik

95 Dalam  
Kenangan

53 Budaya  
Kecemerlangan

67 Menaik Taraf  
Keupayaan  
Teknologi Sektor  
Perindustrian

103 Penyata &  
Analisis Kewangan

133 Maklumat  
Lanjut

# **BINA KEKUATAN DALAMAN MAJU FAEDAH BERSAMA**



# VISI

Badan Pemikir dalam Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) ke arah masyarakat yang progresif, harmoni, makmur dan mampan di peringkat nasional dan antarabangsa

# MISI

- 1 Selaku **Badan Pemikir** STIE di peringkat nasional dan antarabangsa
- 2 Selaku **Badan Penasihat** bagi polisi STIE nasional dan perkara berkaitan
- 3 Selaku **Rakan Strategik** STIE di Malaysia dan antarabangsa
- 4 **Menyokong** dan menjadikan STI sebagai asas pembangunan ekonomi serta kesejahteraan masyarakat tempatan dan global
- 5 **Melibatkan** masyarakat melalui komunikasi STIE



# MATLAMAT



1

Selaku Badan Pemikir bebas bagi STIE di peringkat nasional dan antarabangsa

2

Selaku Badan Penasihat yang dipercayai mengenai dasar STIE nasional dan perkara-perkara berkaitan

3

Selaku Rakan Strategik penting bagi STIE di Malaysia dan di peringkat global

4

Selaku penggerak yang berkesan dan menjadikan STI asas bagi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat di peringkat tempatan dan global

5

Selaku komunikator STIE efektif yang menarik penglibatan orang ramai

# FALSAFAH & NILAI

## Society-based/ Berasaskan Masyarakat

Memposisikan STIE bagi faedah masyarakat

## Credible/ Dipercayai

Dipercayai, berkesan dan tepat

## Independent/ Bebas

Mengesan dan menyediakan input mengenai isu sistematik tanpa takut atau berat sebelah

## Evidence-based/ Berasaskan Bukti

Memastikan setiap perkara yang dilakukan akan dimaklumkan mengikut pengetahuan dan maklumat yang betul

## Network-centric/ Hubungan

Platform Pertemuan Ilmu dinamik (sebagai sebuah organisasi yang menghubungkan individu bagi memanfaatkan pemegang taruh menerusi kepercayaan yang tinggi)

## Transparent/ Telus

Penglibatan dan proses terbuka

## Impactful/ Berkesan

Menggunakan cara baharu dan lebih baik untuk hasil yang lebih berkesan

## Action-oriented/ Berasaskan Tindakan

Mengubah inisiatif sebagai penyelesaian yang membawa kepada perubahan mampan

S

C

I

E

N

T

I

A



# STRATEGI ASM

Menjadikan ASM sebagai pelopor yang berdikari dan berimpak dalam STIE

**BEBAS**

1

Meluaskan pengaruh ASM sebagai rakan kongsi yang dipercayai di peringkat persekutuan, negeri dan global

**BERPENGARUH**

2

Mendapatkan sumber yang mampan untuk organisasi progresif ke arah menyokong kepentingan negara

**MAMPAN**

3

Mempertingkatkan ketangkasan organisasi dengan mempraktikkan tadbir urus yang baik dan profesional

**TANGKAS**

4

Menjadikan ASM sebagai tempat rujukan pilihan dalam semua hal STIE

**RUJUKAN**

5

Memacu advokasi yang efektif ke arah sektor sosioekonomi yang kukuh pada masa hadapan

**PEMACU**

6

Menubuhkan platform komunikasi sains dengan pihak berkepentingan yang efektif di seluruh peringkat persekutuan, negeri dan global

**HIMPUNAN**

7

# 12 PELAN TINDAKAN



1

Memaximumkan penglibatan pakar sepanjang perancangan STIE nasional bagi menjana idea, pemikiran dan pengetahuan



2

Mempergiatkan kerjasama dalam bidang strategik bersama platform akademi tempatan & serantau



3

Menjalankan projek demonstrasi yang boleh menterjemah idea baharu kepada tindakan dan membina kapasiti dengan rakan kongsi strategik dalam memastikan kelestarian



7

Pemantauan & penilaian berterusan ekosistem STIE yang sistematik



8

Menubuhkan mekanisme dalam ASM untuk menjana pendapatan dan memastikan sumber yang mampan



9

Menerapkan kualiti pengetahuan pelbagai kepada bakat kami dengan memupuk kecekapan dan keupayaan tahap tinggi dalam pelbagai bidang



4

Menaik taraf amalan organisasi bagi mematuhi akreditasi nasional dan amalan terbaik antarabangsa



5

Menilai & memantau prestasi organisasi secara dalaman dan luaran untuk memenuhi hasil dan impak yang boleh diukur



6

Mewujudkan bersama inisiatif STIE berimpak tinggi di lokaliti untuk transformasi sektor sosioekonomi



10

Meningkatkan kecekapan & kemahiran bakat bagi kesediaan masa depan melalui visi dengan penyertaan inklusif daripada *quadruple helix*



11

Menyokong perkembangan kerjaya penyelidik muda ke arah menyemai falsafah “*World Class, Outstanding, Winnable*” (WOW)



12

Mewujudkan ekosistem sains terbuka, akses terbuka dan inovasi terbuka melalui platform kerjasama bagi rintangan inovasi



# RENUNGAN: BERBAKTI KEPADA NEGARA

ASMA ISMAIL

ASM telah mencapai kejayaan besar tahun ini, sekaligus mampu membuktikan kemampuannya sebagai peneraju badan pemikir negara bagi sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE). Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, ASM telah menunjukkan impak yang terbaik kepada pihak berkepentingan, mempamerkan kepakarannya dalam menyediakan perkhidmatan yang cemerlang. Dengan meneroka pendekatan yang berbeza dan memanfaatkan peluang, ASM telah memberi sumbangan yang penting kepada pertumbuhan serta pembangunan negara dan rakyatnya.

Sejak penubuhan ASM pada 1 Februari 1995, agensi di bawah bidang kuasa MOSTI, telah bekerja keras secara konsisten untuk mencapai matlamatnya. Didorong oleh Perancangan Strategik ASM 2021-2025, agensi ini berhasrat untuk meninggalkan kesan positif yang berkekalan kepada masyarakat sebagai badan pemikir bebas dalam STIE.

Setelah dilantik sebagai Presiden ASM pada Disember 2016, saya gembira menyaksikan perkembangan ASM setiap tahun. Mengambil alih peranan ini daripada presiden terdahulu, saya menjalankan tanggungjawab untuk meneruskan kemajuan ASM dan mempertingkatkan peranan agensi ini di peringkat tempatan dan antarabangsa. Ini merupakan tinta terakhir saya selaku Presiden. Mari kita mengimbuai semula pencapaian cemerlang ASM sepanjang dua penggal saya memegang jawatan ini.

Sejak penubuhannya, ASM telah memainkan peranan penting sebagai sebuah agensi pendorong STI. Bermula tahun 2010, ASM telah berkembang menjadi sebuah badan pemikir yang berkongsi input yang bebas dan berasaskan bukti untuk mempengaruhi penggubal dasar dalam usaha membangunkan negara dan memberi manfaat kepada manusia. Selaku Penggerak Perubahan, ASM berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara Berteknologi Tinggi menjelang 2030. Dengan pandangan menyeluruh terhadap ekosistem STI, ASM telah membangunkan 10-10 MySTIE, sebuah instrumen untuk menyepadukan STI dengan ekonomi dan menghidupkan semula aktiviti penyelidikan, inovasi dan perusahaan Malaysia.

Dilancarkan  
pada Disember  
**2020**

**12,722** muat  
turun daripada  
**79** negara

**10** | **MySTIE**  
FRAMEWORK



“Application of 10-10 MySTIE in every location will move each socioeconomic sector up the innovation value chain. Only then can science be seen and felt to benefit the community and industry.”

Sesi Pleno World Science Forum 2022

“Justice in Science - How to Ensure Science Reflects the Society We Want - The Malaysian Experience”


## MEMBERI NASIHAT KEPADA KERAJAAN MENGENAI STIE YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN NASIONAL DAN ANTARABANGSA

Rangka Kerja 10-10 MySTIE ialah mekanisme operasi bagi Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN). Rangka kerja tersebut akan menggerakkan inisiatif berimpak tinggi untuk pembangunan sosioekonomi di kawasan sasaran. ASM telah menerima pakai beberapa cadangan daripada 10 Program *Game Changer* yang disenaraikan dalam DSTIN, seperti *Technology Commercialization Accelerator* (TCA) dan *Malaysia Science Endowment* (MSE) untuk merapatkan jurang antara pemacu STI dan sosioekonomi.

### 10 Pemacu Sains & Teknologi



### 10 Pemacu Sosioekonomi



ASM telah melengkapkan kajian perdana, *Science Outlook 2020*. Laporan ini akan terus menjadi karya penting ASM untuk meneroka kemajuan dan pembangunan ekosistem STI. SO2020 telah menggunakan pendekatan ekosistem untuk menilai semula perkembangan Malaysia dari segi pembangunan ekonomi, kesejahteraan masyarakat, serta pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar melalui lensa STI sepanjang 30 tahun.

### Pengambilan cadangan:

**50%** ↑  
untuk dua  
laporan yang  
lalu  
(2015 & 2017)



Dilancarkan pada  
**2015**

**80%** ↑  
daripada  
SO2020



Ekosistem STI Malaysia perlu menyatukan pengurusan infrastruktur, pelaburan, pembangunan bakat dan tadbir urus. Bagi tujuan berkenaan, Pelan Hala Tuju Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi dan Ekonomi (RDICE) telah diwujudkan untuk menyepadukan STI ke dalam perancangan ekonomi dan menggalakkan inovasi dipacu permintaan. Pelan Hala Tuju RDICE akan melaksanakan keputusan dasar melalui Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU).

ASM telah menubuhkan semula jawatankuasa WEHAB++ yang berfungsi sebagai komponen penting dalam bilik gerakan MOSTI untuk menyediakan penyelesaian segera bagi isu nasional, seperti pengambilan aliran STEM yang rendah dalam kalangan pelajar dan masalah pertanian. Kerajaan memberi kepercayaan kepada jaringan pakar ASM untuk menangani isu-isu ini, yang juga merupakan pengiktirafan kepada mereka dan ASM.

ASM telah memperluas perannya dengan menunjukkan "How to do the how" kepada pihak berkepentingan, di samping mengiktiraf dan bekerjasama dengan mereka sepanjang tahun. Projek-projek ini terdiri daripada Biodiversiti Kepersisan, *Social Innovation Sandbox* (pemulihan dan pemuliharaan Gamat) dan *Wireless Bridging System*. Kerajaan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan jaringan pakar ASM untuk memberi hasil yang berimpak.

Majlis Sains Negara (MSN) merupakan badan utama dalam melaksanakan dasar dan strategi terbaik untuk meningkatkan sektor STIE negara demi kesejahteraan rakyat, pembangunan ekonomi, dan kelestarian daya saing negara. ASM telah menjadi sebahagian daripada MSN dalam menggubal dasar dan memberi input kepada pelbagai kementerian dan agensi.

Usaha dan penyelarasan ASM bersama kementerian dan agensi lain menunjukkan kebolehannya sebagai sebuah badan yang dipercayai dalam memberi input penting kepada dasar nasional. ASM merupakan rakan strategik kepada EPU di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah menyiapkan pelan hala tuju kajian pembangunan Transformasi Sektor Air 2040 (WST2040).



Inisiatif oleh  
Tahun  
penerbitan  
**2022**



Dipertanggungjawabkan  
kepada

Jumlah  
penerbitan  
**21**

Cadangan  
keseluruhan  
**83**



ASM telah diamanahkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) untuk menyediakan model pembangunan perniagaan bagi industri Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Malaysia yang kemudiannya akan menjadi panduan kepada pemegang taruh berkaitan. Pada tahun 2022, pendekatan ekosistem hulu, pertengahan dan hiliran kajian NR-REE telah berjaya dijalankan di Perak.

Salah satu inisiatif penting yang diterajui oleh ASM pada tahun 2022 ialah konsep Kesihatan Planet. Idea ini telah diterapkan dalam beberapa kajian, termasuk *Science Outlook*, *Zoonosis*, *Blue Economy*, *COVID-19* dan *Strengthening the Environmental Governance in Malaysia* (SEG). Penerapan konsep Kesihatan Planet dalam kajian-kajian tersebut telah memainkan peranan penting dalam membangunkan kertas kerja Kesihatan Planet, yang berfungsi sebagai rangka kerja kritikal untuk menangani cabaran kesihatan global dan memahami hubungan antara kesihatan manusia dan alam sekitar.

Dimandatkan kepada  dan  Laporan akhir **2023**

## MEMBANTU DALAM MENAIK TARAF KEUPAYAAN TEKNOLOGI SEKTOR PERINDUSTRIAN MALAYSIA

Penyelidik Malaysia mesti beralih daripada penyelidikan asas kepada penyelidikan *translational* untuk memberi impak dan mencipta ekosistem inovasi di negara ini. Dengan itu, platform *i-Connect*, yang ditubuhkan pada 2019, menjadi pemudahcara kerjasama antara ahli akademik dan industri untuk mewujudkan ekosistem inovasi di Malaysia. Pengantara neutral dan Tahap Kesiediaan Inovasi merupakan komponen utama dalam inisiatif ini untuk memastikan setiap prototaip sedia dipasarkan.

MOSTI telah melancarkan Platform Sains Terbuka Malaysia (MOSP) pada 2019, yang diterajui oleh *Malaysia Open Science Alliance* (MOSA) dengan kerjasama pelbagai kementerian serta *Malaysian Research University Network* (MRUN) untuk menggiatkan pergerakan sains terbuka global. ASM telah menandatangani MoU bersama lima buah universiti penyelidikan pada 14 Julai 2022 untuk membangunkan MOSP. MOSP bertujuan meningkatkan penghasilan data saintifik Malaysia (kini di tempat ke-24 di peringkat antarabangsa) melalui penghasilan ekosistem perkongsian data penyelidikan. Pendekatan sains secara demokratik ini akan memberi impak kepada negara khususnya keupayaan menanganai krisis.

Melalui cadangan di dalam DSTIN, ASM telah mengaplikasikan *Malaysia Science Endowment* (MSE) sebagai sumber pembiayaan yang mampan untuk penyelidikan dan pembangunan (P&P). Inisiatif MSE bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan pada dana kerajaan dengan mewujudkan

rizab RM2 bilion yang dibiayai oleh kerajaan dan industri. Dengan ini, peruntukan tahunan sebanyak RM100 juta diunjurkan bagi P&P. Peruntukan tahunan tersebut akan diagihkan sebagai dana padanan bersama rakan industri dan antarabangsa yang seterusnya mencapai 75% dana daripada sumber bukan kerajaan. Ini akan menjadikan MSE salah sebuah sumber pembiayaan ekosistem STI yang mampan di Malaysia.

## MEMUPUK BUDAYA KECEMERLANGAN STIE DI MALAYSIA

ASM berhasrat untuk memanfaatkan potensi sebagai organisasi yang efektif untuk mencipta perubahan yang berkekalan. Oleh itu, ASM komited bagi melengkapkan bakat masa depan dengan kemahiran yang perlu untuk membangunkan diri dan negara. Aspirasi tersebut telah direalisasikan dengan penubuhan *Young Scientists Network-Academy Sciences Malaysia* (YSN-ASM) pada tahun 2012. Jaringan tersebut telah menyatukan institusi, industri dan organisasi untuk menjalankan program dan penglibatan yang berimpak. YSN-ASM telah berjaya mempengaruhi komuniti STI Malaysia di setiap peringkat termasuk sekolah, universiti, industri, masyarakat dan kerajaan.

Tahun 2022 merupakan ulang tahun ke-10 YSN-ASM, dan saya berbangga bahawa mereka kini berpengaruh dalam membuat keputusan pada peringkat kebangsaan: pengerusi YSN-ASM telah dilantik sebagai ahli Majlis Sains Negara. Pengiktirafan ini akan menguatkan suara saintis muda dalam melakarkan hala tuju perjalanan STIE Malaysia.

YSN-ASM telah menganjurkan program *Chrysalis Award*, sebuah program perdana untuk membentuk calon PhD menjadi saintis yang matang melalui latihan khusus sepanjang program tersebut.

 Dilancarkan **2020** **3 pemenang (2020-2022)**  
Satu-satunya program bimbingan di Malaysia bagi memperkasakan pelajar PhD tahun akhir untuk menjadi pemimpin sains masa depan.

Untuk makluman semua, ASM telah menghantar enam saintis muda dari Malaysia untuk menyertai Mesyuarat Nobel Laureate di Lindau. Objektif mesyuarat itu adalah bagi membolehkan saintis dari seluruh dunia untuk mengadakan perbincangan serta berkongsi hasil penyelidikan dalam bidang masing-masing. Ia adalah platform yang baik untuk mereka membina rangkaian dan merebut peluang untuk bekerjasama dengan saintis di makmal bertaraf dunia.

Tahun diperkenalkan **2004** Penyertaan **79 saintis muda (2004-2022)**

Selama lebih dua dekad, ASM telah menjalin kerjasama strategik dengan Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dengan wawasan yang murni untuk mengiktiraf saintis muda Malaysia dengan impak tertinggi dalam penyelidikan dan kemajuan kanser.

Tahun diperkenalkan	Jumlah penerima	Geran penyelidikan diberikan
<b>2001</b>	<b>67</b> (2001-2022)	<b>RM2,181,716</b> (2001-2022)

Selaras dengan wawasanyang sama, ASM dan MOSTI terus mengiktiraf saintis tempatan Malaysia dengan teknologi termaju dalam bidang bioperubatan melalui Program Akaun Amanah Tabung Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh 2022. Program tahunan tersebut menunjukkan komitmen ASM untuk membantu saintis muda pada awal kerjaya dengan dana pemula seterusnya meningkatkan potensi mereka untuk menghasilkan penyelidikan saintifik yang berimpak.

Tahun diperkenalkan	Jumlah penerima	Geran penyelidikan diberikan
<b>1996</b>	<b>26</b> (1997-2022)	<b>RM762,265</b> (1996-2022)

*Mahathir Science Award* (MSA) mengiktiraf individu atau organisasi yang cemerlang dalam penyelidikan atau penemuan bidang Sains Tropika, sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. MSA 2022 telah dianugerahkan kepada Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biakbaka (ABBC) dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Kejayaan ABBC adalah penanda aras baharu dalam bidang industri minyak sawit global.

Tahun diperkenalkan	Jumlah penerima
<b>2005</b>	<b>12</b> (2005-2022)

4 Kategori



**Pertanian Tropika**



**Kejuruteraan dan Senibina Tropika**



**Perubatan Tropika**



**Sumber Asli Tropika**

## MENGALAKKAN KESEDARAN AWAM BAGI MEMAHAMI SAINS

*National Science Challenge* (NSC) adalah usaha berterusan ASM yang bertujuan untuk membina kapasiti, keupayaan serta memupuk minat generasi muda dalam STEM. Pertandingan ini meningkatkan minat pelajar dalam ilmu STEM dan menambahbaik kemahiran *soft-skill* mereka, seperti komunikasi dan kerjasama berpasukan.

Tahun diperkenalkan	Peserta
<b>1999</b>	<b>94,887</b> pelajar (dalam tempoh 10 tahun)

*IdeaXchange* yang diperkenalkan sejak 2011 menyediakan platform bagi komuniti saintifik berkongsi idea dan pengetahuan, mempertingkatkan dasar, tadbir urus dan infrastruktur STI. Dengan memanfaatkan pakar dan pihak berkepentingan ASM, program ini memperkukuh strategi STIE negara melalui perbincangan interaktif dan pertukaran intelektual.

Dilancarkan	Edisi	Ahli panel
<b>2011</b>	<b>36</b> siri	<b>57</b> individu tempatan dan antarabangsa

ASM sentiasa berusaha untuk membantu meningkatkan penglibatan orang ramai dalam perkara berkaitan sains. Bagi tujuan itu, YSN-ASM telah menerbitkan Modul Komunikasi Sains sebagai rujukan oleh komuniti sains untuk memudahkan penyampaian pengetahuan saintifik. Usaha mendemokrasikan ilmu ini akan melahirkan masyarakat yang dapat menilai dan memahami idea serta ilmu sains dengan pantas dan tidak lagi terhad kepada golongan yang berpendidikan tinggi.



Kandungan  
**6 bab**  
**5 panel penilai tempatan dan antarabangsa**  
**Disumbangkan oleh 9 penulis dari YSN-ASM dan Malaysian Science Communication Network**

ASM telah memperkenalkan *estidotmy*, majalah sains pertamanya, pada tahun 2002. Sehingga tahun 2012, lebih 100 isu tematik telah dihasilkan sebagai sisipan Utusan Malaysia, dengan capaian melebihi 300,000 jumlah pembaca bulanan. ASM telah menjadikan ilmu sains dan teknologi mudah diakses oleh pembaca dengan menjenamakan semula penerbitan itu sebagai majalah digital dikenali sebagai *e-estidotmy* pada tahun 2021.

Kandungan  
**139** artikel berkaitan STEM (2021 - 2022)

## MENINGKATKAN RANGKAIAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

ASM menjalinkan hubungan yang kukuh dengan organisasi STI lain di seluruh dunia. ASM merupakan salah sebuah organisasi yang aktif di peringkat global untuk menarik rakan kongsi strategik dengan minat dan matlamat bersama.

ASM, melalui MOSTI, telah menubuhkan *ASEAN Foresight Alliance* (AFA) pada 2018. Inisiatif tersebut merupakan peluang untuk pemegang taruh menggunakan paradigma yang imaginatif dan realistik dalam perancangan strategik melalui daya jangka (*foresight*) atau pemikiran masa depan. Melalui AFA, penyertaan aktif *ASEAN Foresight Research Cohort* (AFRC) dari setiap Negara Anggota ASEAN akan mengeluarkan laporan *ASEAN STI Ecosystem Foresight 2035* yang akan diterimapai semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN tentang Sains, Teknologi dan Inovasi pada tahun 2024.

ASM turut menyertai *Global Knowledge Dialogue* yang dianjurkan oleh *International Science Council* (ISC). Program tersebut merupakan salah satu daripada program yang dianjurkan ISC di peringkat global, bermula di benua Afrika dengan *World Science Forum* pada tahun 2022, diikuti dengan rantau lain pada tahun 2023.

Jaringan pakar muda ASM juga telah mengangkat Malaysia di persada saintifik global. Ahli YSN-ASM telah menjalin rangkaian di rantau Asia Tenggara untuk menangani isu maklumat palsu tentang ancaman biologi. Selain itu, terdapat juga ahli YSN-ASM yang telah menyertai *World Federation for Young Scientists*. Melalui jaringan YSN-ASM, saintis muda telah mengukir nama di peringkat antarabangsa melalui penyertaan forum STS bersama pemimpin muda di Kyoto, Jepun.

Pada tahun 2022, jaringan pakar ASM terus diiktiraf secara meluas di seluruh dunia. Mereka telah dimasukkan sebagai ahli jawatankuasa dan menerima anugerah daripada pelbagai organisasi sains antarabangsa, seperti *International Science Council* (ISC), *Inter-Academy Panel* (IAP), *The World Academy of Sciences* (TWAS), *UNESCO Open Science Advisory Committee*, *Science Council of Asia* (SCA) dan *World Organization for Science Literacy* (WOSL).



## PENERBITAN SAINTIFIK DAN KOMUNIKASI

ASM sentiasa berazam untuk meluaskan capaian dan menggalakkan penyertaan awam untuk memastikan keterlihatan ASM dan mengukuhkan identiti korporat. Bahagian Komunikasi ASM telah bekerjasama dengan jaringan pakar ASM untuk menghasilkan pelbagai bahan hebahan untuk menyampaikan inisiatif dan aktiviti ASM kepada semua lapisan masyarakat.

Unit ASM Press memainkan peranan yang signifikan dalam menerbitkan kertas posisi, kertas strategik, modul, pelan strategik, rangka kerja, kajian pelbagai disiplin dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk jangkauan pembaca yang lebih menyeluruh.

Dilancarkan **2007** e-Penerbitan (sepanjang masa):  
**121** e-Penerbitan  
**108,112** muat turun  
Pembaca daripada **125** negara

*ASM Science Journal* merupakan platform berciri terbuka (*open access*), semakan setara, dan kajian pelbagai disiplin yang diindeks dengan 937 artikel yang telah diterbitkan dan dimuat turun sebanyak 345,901 kali di seluruh dunia. Tahun lepas, *ASM Science Journal* telah diindeks dalam *Directory of Open Access Journals* (DOAJ), selain pengindeksan sedia ada yang merangkumi *Elsevier Scopus*, *ASEAN Citation Index* (ACI), Pusat Sitasi Malaysia (MCC) dan Google Scholar.

Untuk memastikan pemegang taruh dan orang awam sentiasa maklum tentang aktiviti semasa ASM, satu siri buletin yang bertajuk *ASM Focus* telah diterbitkan di laman web ASM yang merangkumi aktiviti ASM seperti sorotan program, penerbitan terkini, dan maklumat terbaru mengenai jaringan pakar ASM.

Disebabkan jaringan ASM yang meluas menjangkau sempadan negara dan antarabangsa, menyampaikan maklumat terkini tentang aktiviti ASM adalah suatu perkara yang penting. Sebagai Presiden, saya berbangga untuk mengarang "Mesej daripada Presiden" sebanyak dua kali setahun sebagai medium komunikasi secara peribadi untuk memberi gambaran inisiatif dan pencapaian terkini ASM. Ini juga merupakan peluang untuk mendapatkan maklum balas dan penyertaan dari jaringan pakar bagi memanfaatkan aktiviti yang sedang berlangsung.



Kemampuan komunikasi ASM terus utuh pada tahun 2022 dalam usaha untuk membolehkan kepakaran dan suara jaringan pakar ASM disampaikan kepada orang ramai melalui media arus perdana dan pengguna media sosial yang kian meningkat. Sepanjang aktiviti ASM tahun lepas, ASM telah mendapat pelbagai liputan melalui siaran berita tempatan, media cetak serta media dalam talian. ASM Podcast yang baru dilancarkan juga telah mendapat sambutan yang baik daripada pendengar. ASM juga merupakan antara salah satu agensi yang menggunakan keenam-enam media sosial terkemuka: Facebook, Twitter, Instagram, LinkedIn, YouTube, dan TikTok, dengan jumlah hampir 55,000 pengikut.

Jumlah keseluruhan pengikut media sosial

**54,918** (sehingga tahun 2022)



## PERJALANAN DITERUSKAN

Dengan apa yang telah saya sampaikan di atas, terbukti bahawa ASM telah berubah daripada agensi pendorong STI kepada Penggerak Perubahan. Kapasiti penting ini telah meletakkan ASM dalam tumpuan, yang mana Presiden ASM kini dilantik sebagai Penasihat Sains, Teknologi dan Inovasi kepada Negara. Saya yakin bahawa ASM akan terus berkembang menjadi badan penasihat sains yang teguh dan boleh dipercayai untuk negara melalui pencadangan dan pengemaskinian dasar, kaedah, proses dan tindakan untuk meningkatkan pencapaian dan kemampuan negara dalam STI berbekalkan jaringan pakar yang luas.

Saya sentiasa berbangga dengan hasil kerja ASM, yang dijayakan melalui dorongan dan panduan jaringan pakar yang luas. Seiring dengan perkembangan jaringan kerjasama, ASM turut meningkatkan kebolehan untuk memanfaatkan kepakaran tersebut dalam usaha penambahbaikan isi kandungan, data, analitik dan rangkaian untuk memupuk perubahan ketara secara dalaman, dan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Anda akan mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif dan pencapaian terkini ASM dengan membaca laporan tahunan ini. Anda juga akan melihat betapa ASM berdedikasi untuk memberi impak positif kepada masyarakat dan mencapai matlamatnya untuk menjadi Penggerak Perubahan.

**Profesor Emerita Datuk Dr  
Asma Ismail FASc**





# TADBIR URUS KORPORAT

# LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT

Aspirasi ASM untuk menjadi sebuah Badan Pemikir bebas dalam bidang STIE didorong oleh Pelan Strategik ASM 2021-2025 yang menyusun strategi untuk ASM menjadi Penggerak Perubahan berpandukan falsafah, 'Bina Kekuatan Dalaman, Maju Faedah Bersama'.

ASM berusaha untuk meningkatkan ketangkasan organisasi tanpa menjejaskan integriti melalui tadbir urus yang baik dan mengekalkan tahap profesionalisme tertinggi.

## **Majlis ASM**

Majlis ASM merupakan badan pentadbir ASM yang ditubuhkan di bawah Akta Akademi Sains Malaysia 1994. Majlis ASM bertanggungjawab terhadap pelaksanaan 14 fungsi Akademi selain menguruskan hal-ehwal ASM. Mereka juga bertanggungjawab untuk memastikan ASM menjadi sebuah badan berkanun yang bebas dan berwibawa dalam menerajui hal-hal berkaitan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi yang penting kepada negara. Selain itu, Majlis ASM bertanggungjawab mentadbir urus Kumpulan Wang ASM.

## **Pemilihan dan Komposisi Majlis ASM**

Majlis ASM terdiri daripada Felo-felo ASM. Keahlian Majlis ASM merangkumi 16 jawatan iaitu Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari Kehormat dan 12 ahli Majlis Biasa.

Presiden ASM dilantik dari kalangan Felo ASM oleh SPB Yang di-Pertuan Agung untuk tempoh tiga tahun dengan cadangan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Presiden layak dilantik semula bagi penggal kedua, dengan syarat seseorang calon itu tidak memegang jawatan Presiden selama enam tahun berturut-turut.

Selain Presiden, semua ahli Majlis yang lain dicalonkan oleh Felo dalam kalangan Felo-felo ASM. Ahli Majlis yang tercalon dipilih oleh Felo ASM di Mesyuarat Agung Tahunan ASM. Felo yang dipilih untuk menyandang jawatan Naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari Kehormat dan 12 ahli Majlis Biasa layak menyandang jawatan tersebut selama dua tahun. Mereka juga layak dicalonkan semula untuk memegang jawatan yang sama untuk penggal kedua, dengan syarat seseorang calon itu tidak memegang jawatan yang sama selama empat tahun berturut-turut.

Setiap tahun, sebilangan ahli Majlis mengakhiri tempoh khidmat mereka dan ahli Majlis baru akan dipilih pada Mesyuarat Agung Tahunan ASM. Ini membolehkan ASM mengekalkan keseimbangan peluang kepada Felo lain untuk menerajui kepimpinan ASM serta memastikan kesinambungan dasar-dasar ASM.

# AHLI MAJLIS



1



2



3



4



5



6



7



8



9



10



11



12



13



14



15



16

1. Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc  
Presiden
2. Profesor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc  
Naib Presiden
3. Datuk Profesor Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud FASc  
Setiausaha Agung
4. Academician Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc  
Bendahari Kehormat
5. Profesor Dr Mahendhiran Sanggaran Nair FASc
6. Academician Tan Sri Dato' Ir Ts Ahmad Zaidee Laidin FASc
7. Dr Helen Nair FASc
8. Profesor Dato' Dr Jafri Malin Abdullah FASc
9. Academician Profesor Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff FASc
10. Profesor Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc
11. Dr Hj Mohamad Kamal Hj Harun FASc
12. Emerita Profesor Dr Phang Siew Moi FASc
13. Profesor Dr Yvonne Lim Ai Lian FASc
14. Profesor Dato' Dr Ahmad Ibrahim FASc
15. Profesor Dato' Ir Dr Mohd Saleh Jaafar FASc
16. Dato' Seri Ir Dr Zaini Ujang FASc

## Konflik Kepentingan

Ahli Majlis ASM perlu mengisytiharkan penglibatan mereka terhadap sesuatu agenda yang dibentangkan di Mesyuarat Majlis ASM. Ahli Majlis tersebut turut, jika terdapat percanggahan kepentingan, dikehendaki untuk meninggalkan mesyuarat pada ketika agenda tersebut dibincangkan dan tidak terlibat dalam proses membuat keputusan. Perkara ini akan direkodkan dalam minit mesyuarat tersebut.

## Peranan Presiden dan KPE

Peranan dan tanggungjawab Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) telah ditetapkan secara berasingan dan jelas. Presiden merupakan Pemimpin ASM dan mengetuai Majlis ASM dalam menentukan hala tuju, dasar, prinsip dan pendirian, dan aktiviti ASM. Presiden mengetuai perbincangan berkenaan semua perkara yang dibawa kepada perhatian Majlis ASM. Presiden, bersama EXCO, memastikan segala keputusan Majlis ASM mempunyai tindakan eksekutif. Presiden melaksanakan tanggungjawabnya secara pro-bono sepanjang tempoh lantikannya dan tidak digaji oleh ASM.

Manakala KPE adalah ketua pegawai pengawal ASM yang bertanggungjawab memimpin barisan Pengurusan ASM dan mengawal selia segala urusan pentadbiran. KPE juga berperanan menyusun strategi dalam menterjemah keputusan Majlis ASM kepada tindakan eksekutif berdasarkan strategi, dasar dan prosedur sedia ada ASM. KPE dilantik oleh Majlis ASM dan merupakan penjawat awam yang digaji oleh ASM.

## Mesyuarat Majlis dan Kehadiran

Mesyuarat Majlis ASM dipengerusikan oleh Presiden. Mesyuarat ini akan membincangkan perkara-perkara yang memerlukan kelulusan, perbincangan, dan makluman. Berikut adalah laporan-laporan yang dibentangkan di mesyuarat Majlis ASM:

- (i) Minit Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)
- (ii) Laporan Jawatankuasa Kewangan
- (iii) Laporan *Science, Technology and Innovation Policy Advisory Committee (STIPAC)*
- (iv) Laporan Jawatankuasa Keahlian
- (v) Laporan Jawatankuasa Audit
- (vi) Laporan KPI ASM dan Kementerian

Selain laporan di atas, Pengurusan ASM akan turut mendapatkan kelulusan Majlis untuk pelaksanaan sesuatu program atau kajian baru dan membentangkan status pelaksanaan program atau kajian tersebut.

Majlis ASM telah bersidang sebanyak lima kali pada tahun 2022. Berikut adalah tarikh-tarikh mesyuarat Majlis ASM:

Mesyuarat ke-148	10 Mac 2022	mesyuarat dalam talian
Mesyuarat ke-149	20 Mei 2022	mesyuarat dalam talian
Mesyuarat ke-150	28 Julai 2022	mesyuarat dalam talian
Mesyuarat ke-151	26 Oktober 2022	mesyuarat dalam talian
Mesyuarat ke-152	13 Disember 2022	mesyuarat secara hibrid

Kehadiran ahli Majlis ASM di Mesyuarat Majlis sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

Ahli Majlis	Bilangan mesyuarat yang dihadiri	Peratus kehadiran
Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc	5/5	100%
Profesor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc	3/5	60%
Academician Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc	5/5	100%
Profesor Datuk Dr Awg Bulgiba Awg Mahmud FASc	4/5	80%
Academician Tan Sri Dato' Ir Ts Ahmad Zaidee Laidin FASc	5/5	100%
Academician Profesor Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff FASc	4/5	80%
Profesor Dato' Dr Ahmad Ibrahim FASc	4/5	80%
Dr Helen Nair FASc	4/5	80%
Profesor Dato' Dr Jafri Malin Abdullah FASc	5/5	100%
Profesor Dr Mahendhiran Sanggaran Nair FASc	4/5	80%
Dr Hj Mohamad Kamal Hj Harun FASc	3/5	60%
Profesor Dato' Ir Dr Mohd Saleh Jaafar FASc	5/5	100%
Profesor Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc	5/5	100%
Emeritus Profesor Dr Phang Siew Moi FASc	3/5	60%
Profesor Dr Yvonne Lim Ai Lian FASc	3/5	60%
Dato' Seri Ir Dr Zaini Ujang FASc	3/5	60%

Ahli Majlis tidak dibayar sebarang imbuhan. Walau bagaimanapun, mereka dibayar elaun mesyuarat setiap kali menghadiri mesyuarat Majlis ASM. Presiden, sebagai pengerusi, dibayar RM750 manakala ahli mesyuarat dibayar RM500 untuk setiap mesyuarat.

### Bekalan Maklumat

Ahli Majlis diberikan akses kepada dokumen-dokumen mesyuarat secara dalam talian sekurang-kurangnya tiga hari sebelum mesyuarat. Setiap ahli mesyuarat dikehendaki meneliti dokumen dan agenda yang disediakan terlebih dahulu untuk pelaksanaan mesyuarat yang berkesan. Dokumen mesyuarat Majlis mengandungi sekurang-kurangnya perkara berikut:

- (i) Minit mesyuarat terdahulu
- (ii) Laporan-laporan daripada Jawatankuasa yang memerlukan kelulusan Majlis
- (iii) Laporan program dan kajian ASM

## Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-27 telah diadakan pada 28 Mei 2022 secara dalam talian dan telah dihadiri oleh 173 Felo ASM. Mesyuarat tersebut telah mengesahkan minit mesyuarat AGM ke-26 serta meluluskan Penyata Kewangan ASM yang berakhir pada 31 Disember 2021 dan Laporan Tahunan ASM bagi tahun 2021 untuk dibentangkan di Parlimen. Laporan Tahunan ASM 2021 telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 4 April 2023 dan Dewan Negara pada 10 April 2023.

Selain itu, AGM ke-27 juga telah memilih 39 calon sebagai Felo baharu. Felo baharu yang telah dipilih adalah seperti berikut:

### Felo Baharu



#### Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar

- Dr Tan Chon Seng FASc
- Profesor Dr Vijay Kumar FASc
- Profesor Dr Clemente Michael Wong Vui Ling FASc
- Profesor Ts Dr Mohd Effendy Abd Wahid FASc
- Profesor Dr Ida Idayu Muhamad FASc
- Profesor Datin Dr Siti Nor Akmar Abdullah FASc



#### Sains Kimia

- Profesor Dr Wong Tin Wui FASc
- Profesor Dr Charles Santhanaraju Vairappan FASc
- Profesor Dr Zainudin Arifin FASc



#### Sains Kejuruteraan

- Profesor Dr Mohd Razman Salim FASc
- Profesor Ir Dr Siti Kartom Kamaruddin FASc
- Profesor Ir Dr Fatimah Ibrahim FASc
- Profesor Ir Dr Lim Yun Seng FASc
- Profesor Ts Dr Safian Sharif FASc
- Datuk Ir Dr Azuhan Mohamed P Geol FASc
- Profesor Dr M Iqbal Saripan FASc
- Profesor Dr Lim Eng Hock FASc
- Profesor Ir Dr Haslenda Hashim FASc
- Profesor Ir Dr Shaliza Ibrahim CEng FICHEM FASc



#### Teknologi Maklumat dan Sains Komputer

- Profesor Ir Dr Aduwati Sali FASc
- Dr Mahamod Ismail FASc
- Profesor Datin Dr Sameem Abdul Kareem FASc

### Felo Baharu



#### Matematik, Fizik dan Sains Bumi

- Profesor Ts Dr Kasturi Devi Kanniah FASc
- Dr Saim Suratman P Geol FASc



#### Sains Perubatan dan Kesihatan

- Profesor Dr Cheah Fook Choe FASc
- Profesor Dr Zaleha Abdullah Mahdy FASc
- Profesor Dr Lee Yeong Yeh FASc
- Profesor Dr Chua Kek Heng FASc



#### Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri

- Dato' Indera Dr Hj Ahmad Sabirin Arshad FASc
- Profesor Datuk Ir Ts Dr Siti Hamisah Tapsir FASc
- Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad FASc
- Dato' Dr Zairossani Mohd Nor FASc
- Dr Faridah Hanim Ab Hanan FASc
- Dr Hjh Hafsa Mohd Ghazaly FASc
- Ts Dr Chantara Theyy Ratnam FASc



#### Sains Sosial dan Kemanusiaan

- Emeritus Profesor Datuk Dr Ahmat Adam FASc
- Profesor Datuk Dr Jayum Anak Jawan FASc
- Profesor Datuk Dr Mad Nasir Shamsuddin FASc
- Emeritus Profesor Datuk Dr Osman Bakar FASc



Pada mesyuarat AGM ke-27, tempoh khidmat Naib Presiden dan empat Ahli Majlis Biasa telah tamat. Berikut adalah Felo yang telah dipilih sebagai ahli Majlis bagi tempoh 2022-2024:

- (i) Profesor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc sebagai Naib Presiden
- (ii) Profesor Dato' Dr Ahmad Ibrahim FASc sebagai ahli Majlis Biasa
- (iii) Profesor Dato' Ir Dr Saleh Jaafar FASc sebagai ahli Majlis Biasa
- (iv) Profesor Dr Yvonne Lim Ai Lian FASc sebagai ahli Majlis Biasa
- (v) Dato' Seri Ir Dr Zaini Ujang FASc sebagai ahli Majlis Biasa

Pada mesyuarat ini juga, Presiden ASM telah mengumumkan pelantikan dua orang Felo ASM sebagai Felo Kanan. Pelantikan Felo Kanan ini dibuat oleh Majlis ASM berdasarkan syor dari Panel Khas. Felo Kanan bagi tahun 2022 adalah:

- Academician Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc sebagai pengiktirafan di atas pencapaian cemerlang dan sumbangan beliau sebagai seorang penyelidik terkemuka dalam bidang penyakit virus burung (*avian viral diseases*), kepimpinan berprofil tinggi dalam bidang pendidikan dan dalam kerjaya, serta penglibatan beliau secara konsisten dalam aktiviti ASM.
- Academician Emeritus Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak FASc sebagai pengiktirafan di atas pencapaian dan sumbangan beliau dalam kepimpinan bidang pendidikan, penulisan prolific berkenaan isu kelestarian, masyarakat, moral dan etika dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi.

### Jawatankuasa ASM

Dalam memastikan operasi ASM berjalan dengan lancar, Majlis ASM menubuhkan pelbagai jawatankuasa dan mengagihkan tanggungjawab tertentu kepada jawatankuasa-jawatankuasa tersebut. Majlis ASM berkuasa untuk menubuhkan sesuatu jawatankuasa dan melantik pengerusi. Majlis ASM turut menilai prestasi jawatankuasa-jawatankuasa ini dari semasa ke semasa dan menutup jawatankuasa yang telah selesai tugasannya.

Majlis ASM menubuhkan pelbagai jawatankuasa seperti jawatankuasa kerja, badan bertindak dan *Special Interest Group* (SIG) bagi melaksanakan program dan kajian. Setiap jawatankuasa ini diwakili oleh ahli-ahli daripada Jaringan Pakar ASM terutamanya Felo-felo ASM. Pada tahun 2022, Majlis ASM telah menubuhkan 36 jawatankuasa dan 30 badan bertindak.

### Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)

Jawatankuasa Eksekutif yang dikenali sebagai EXCO bertanggungjawab memantau dan menyelia urusan hal ehwal Akademi selain memudahkan pelaksanaan fungsi-fungsi ASM. Pengurusan ASM akan merujuk kepada EXCO untuk perkara-perkara yang memerlukan kelulusan segera dan nasihat atau panduan dalam menguruskan operasi harian ASM. Jawatankuasa ini juga membincangkan dan menilai kertas cadangan program dan draf dasar-dasar ASM sebelum ianya dibentangkan di mesyuarat Majlis ASM untuk kelulusan.

EXCO yang dianggotai oleh Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari Kehormat bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun. Mesyuarat Jawatankuasa EXCO dipengerusikan oleh Presiden ASM. Tahun ini, EXCO bermesyuarat sebanyak enam kali.

### Jawatankuasa Kewangan

Jawatankuasa Kewangan bertanggungjawab mengawasi perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan prosedur, sistem, dan pelaporan berkaitan kewangan ASM.

Fungsi Jawatankuasa Kewangan adalah seperti berikut:

- Mengatur dan mengawal kewangan ASM;
- Mempertimbang dan mengesahkan Anggaran Belanjawan Tahunan ASM dan mendapatkan kelulusan Majlis ASM;
- Meneliti dan mengesahkan Penyata Kewangan Tahunan ASM dan mendapatkan kelulusan Majlis ASM;
- Memberi nasihat berkaitan dengan pelaburan;
- Meneliti laporan-laporan prestasi pelaburan dana ASM;
- Meluluskan dasar kewangan dan perakaunan ASM dan mencadangkan untuk menerimapakai pekeling Kerajaan sekiranya bersesuaian dengan ASM;
- Menerima apa-apa laporan kedudukan kewangan ASM dari semasa ke semasa; dan
- Meluluskan cadangan pelupusan harta dan hapuskira hutang ASM.

Jawatankuasa Kewangan dipengerusikan oleh Bendahari Kehormat dan mempunyai sekurang-kurangnya enam ahli mesyuarat dari kalangan Felo ASM. Jawatankuasa Kewangan bersidang sekurang-kurangnya enam kali setahun. Tahun ini, Jawatankuasa Kewangan telah bermesyuarat sebanyak enam kali.

## Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab mempertingkatkan kawalan dalaman ASM serta mengenalpasti kelemahan tadbir urus ASM. Pengerusi Jawatankuasa Audit dilantik oleh Majlis ASM. Jawatankuasa ini terdiri daripada empat ahli dan bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun.

Jawatankuasa Audit berperanan menetapkan aktiviti tahunan audit termasuk piagam audit ASM dan mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman ASM. Jawatankuasa ini akan membuat laporan kepada Majlis ASM sekiranya terdapat sebarang penyelewengan dan memerlukan tindakan.

## Jawatankuasa Keahlian

Jawatankuasa Keahlian dipengerusikan oleh Naib Presiden dan mempunyai 18 orang ahli termasuk Setiausaha Agung dan Pengerusi Kumpulan Disiplin. Jawatankuasa ini berperanan memelihara kualiti keahlian ASM. Mereka mengesyorkan dasar, prosedur, dan strategi untuk mengekalkan kumpulan kepakaran yang seimbang di kalangan Felo ASM. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengawalselia proses pemilihan Felo baru dan pelantikan *Associates*. Selain itu, jawatankuasa ini juga berperanan untuk mengendalikan urusan hal ehwal berkaitan keahlian ASM.

Jawatankuasa ini dikehendaki untuk bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk mencadangkan calon-calon Felo baharu dan *Associates* untuk pertimbangan Majlis ASM.

## ***Science, Technology and Innovation Policy Advisory Committee (STIPAC)***

*Science, Technology and Innovation Policy Advisory Committee* (STIPAC) bertanggungjawab menyelaras, menyatu dan menilai kertas cadangan atau laporan kajian yang disediakan oleh jawatankuasa kerja. STIPAC memastikan semua cadangan yang diutarakan oleh ASM melalui kertas kajian, ulasan, dan kertas cadangan tersebut adalah untuk memenuhi kepentingan negara. Semua kertas cadangan atau laporan kajian hendaklah mendapatkan kelulusan STIPAC sebelum ianya dikemukakan kepada Kementerian berkaitan.


Mesyuarat STIPAC dipengerusikan oleh Presiden dengan keahlian sekurang-kurangnya 12 orang yang terdiri daripada Pengerusi Kumpulan Disiplin dan wakil jawatankuasa strategik yang dikenalpasti bersesuaian penglibatannya. STIPAC bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun. Tahun ini, STIPAC bermesyuarat sebanyak tujuh kali.

## Pengurusan ASM

ASM diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dibantu oleh tiga orang Ketua Pegawai dalam mengawal selia, memantau, dan menguruskan operasi ASM.

Pengurusan ASM terdiri daripada kakitangan dari kumpulan Pengurusan Tertinggi (1%), Kumpulan Pengurusan dan Profesional (69%) dan Kumpulan Pelaksana (30%). Pengurusan ASM merupakan penjawat awam yang dilantik dan digaji oleh ASM. Sejumlah 9% daripada kakitangan adalah lantikan tetap manakala 91% adalah lantikan di bawah skim Contract of Services (CoS). Seramai 40 Analis, 31 Eksekutif, dan 32 kakitangan pelaksana menjalankan kajian dan program yang dirancang oleh ASM, termasuk menguruskan pentadbiran dan kewangan ASM. Tahun ini, ASM telah menjalankan lebih dari 100 aktiviti dan inisiatif.

Berikut adalah struktur organisasi ASM:



Bahagian Kajian, Analitik dan Kerjasama Strategik STI diketuai oleh Ketua Pegawai Strategi (KPS). Bahagian ini bertanggungjawab untuk menjalankan program dan kajian strategik termasuk kajian bersama rakan kongsi. Bahagian ini juga mengendalikan aktiviti daya jangka, analisis data, dan menyediakan ulasan berkaitan bidang sains, teknologi, inovasi dan ekonomi.

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Komunikasi pula diketuai oleh Ketua Pegawai Hal Ehwal Antarabangsa dan Komunikasi (KPHAK). Bahagian ini bertanggungjawab untuk menguruskan rangkaian dan program antarabangsa serta menterjemah hasil kerja ASM kepada bentuk yang mudah difahami. Bahagian ini juga menguruskan komunikasi korporat ASM dengan pihak luar.

Bahagian Perkhidmatan Korporat diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi (KPO). Bahagian ini berperanan memberi sokongan kepada bahagian dan unit di bawah ASM dalam melaksanakan program dan kajian. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pengurusan pentadbiran, kewangan, perolehan, aset dan fasiliti, sumber manusia dan hal ehwal keahlian ASM.



## DARI MEJA KPE, HAZAMI HABIB

Di ASM, kami mulakan tahun ini dengan satu fokus, iaitu untuk menjadi 'Penggerak Perubahan'. Kami memahami bahawa perubahan yang diaspirasikan bukan sahaja memerlukan 'perancangan', tetapi juga 'azam' untuk melaksanakannya. Pengurusan ASM, di bawah kepimpinan Presiden dan ahli Majlis, telah meneruskan usaha untuk mencapai misi ASM.

### Tahun yang Dinamik

Tahun 2022 telah mencatatkan beberapa peristiwa penting dalam perjalanan ASM. ASM telah menggerakkan ASM *Chapters* di Pantai Timur, Sabah, dan Sarawak untuk melebarkan jangkauan kepada komuniti saintifik dan melaksanakan aktiviti yang bermanfaat kepada komuniti tempatan. Penubuhan dan keterlibatan ASM *Chapters* adalah untuk meningkatkan keterlihatan ASM secara tidak langsung dan meningkatkan penglibatan komuniti di luar kawasan Lembah Klang dalam aktiviti ASM.

Selain itu, satu lagi pencapaian yang signifikan adalah penubuhan 10 jawatankuasa WEHAB++ bagi memberikan input STI dalam isu sektoral berkepentingan negara. Jawatankuasa ini bertindak sebagai titik rujukan ASM. Contohnya, Jawatankuasa Pertanian ASM ditubuhkan tepat pada masanya apabila negara dilanda masalah keterjaminan makanan pada ketika itu. Pakar dari pelbagai disiplin dan sektor telah bekerjasama menerusi Jawatankuasa Pertanian ASM dalam memberi khidmat nasihat secara terus kepada kerajaan.

ASM juga telah mengorak langkah ke arah projek inovasi sosial seperti Projek Pembuktian Konsep Sistem Perhubungan Tanpa Wayar di sebuah kampung pedalaman dan Projek Pemulihan Gamat di Langkawi. Walaupun

pelaksanaan projek-projek ini ibarat menjelajah ke kawasan yang tidak pernah diterokai, namun ia memberi pengalaman baharu kepada ASM. Ia juga memberi peluang kepada ASM untuk menonjolkan pendekatan berimpak melalui STIE dalam memberikan jalan penyelesaian secara terus kepada masyarakat. Kami percaya STI bukan sahaja perlu didengar dan dilihat, malah ia juga perlu dirasai oleh komuniti setempat.

Pada tahun 2022, kami melihat suatu peningkatan dalam kolaborasi dengan pelbagai kementerian, kerajaan negeri, dan juga badan antarabangsa. Antara projek yang signifikan adalah penglibatan ASM dalam pembangunan *Business Model for Ion-Adsorption Clay Rare Earths Elements* (IACREE) bersama Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) serta kerajaan negeri Perak. Kami juga telah bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) untuk memperkasakan kapasiti STIE negeri Sabah di pelbagai peringkat dan bekerjasama dengan kerajaan negeri Sarawak dalam pembangunan perancangan peringkat negeri dengan menggunakan Rangka Kerja 10-10 MySTIE.

## Peruntukan dan Operasi

ASM telah menerima pendapatan sejumlah RM19,773,638 pada tahun ini. Sebahagian besar pendapatan ini merupakan geran operasi tahunan yang diterima oleh ASM untuk operasi pejabat, bekalan, dan emolumen kakitangan berjumlah RM13,500,000. Selain itu, ASM telah menggunakan RM1,945,923 daripada dana ASM untuk menampung perbelanjaan program dan aktiviti ASM. Pada tahun 2022, ASM telah menyelesaikan lapan geran tertunda dan satu geran pembangunan.


Berikutan persetujuan Kerajaan Malaysia untuk menyambung operasi *International Science, Technology and Innovation Centre* (ISTIC), ASM telah menandatangani MoU bersama UNESCO selaku hos pusat tersebut. ASM telah menyediakan pembiayaan sejumlah RM250,000 daripada geran operasi tahunan ASM kepada ISTIC. Untuk laporan penuh prestasi kewangan ASM, sila rujuk kepada Penyata Kewangan Tahun 2022 yang telah diaudit.

## Pencapaian Tahun 2022 Secara Ringkas

Bagi merealisasikan Pelan Strategik ASM 2021- 2022, sebanyak 113 aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan. Selain itu, terdapat 31 lagi aktiviti tambahan. Pada penghujung tahun, Pengurusan ASM telah berjaya melaksanakan 125 dari 164 aktiviti. Aktiviti yang tertangguh diselaraskan semula dan dirancang untuk dilaksanakan pada Q1 2023. Berikut adalah gambaran pencapaian ASM:

## STATUS KESELURUHAN PROGRAM PADA TAHUN 2022

(Dirancang + Tambahan)



## Persekitaran Kerja yang Positif

MBJ ASM, yang dipengerusikan oleh KPE, telah bersidang pada julung kalinya pada 11 April 2022. Ahli-ahlinya yang terdiri daripada sembilan wakil kakitangan dan lapan wakil majikan menyediakan saluran untuk kakitangan memberi cadangan serta menyelesaikan isu-isu yang dihadapi.

Bagi mengukuhkan lagi keadaan tempat kerja serta mempertingkatkan keberkesanan mesyuarat, kami telah memasang unit pembersih udara, menambahbaik ruangan pejabat, dan menaiktaraf fasiliti audio-visual di bilik mesyuarat dan dewan serbaguna ASM.

Pelbagai program keterlibatan juga telah dilaksanakan untuk meningkatkan motivasi dan keseronokan di tempat kerja. Kongsi Dengar, pembinaan pasukan, majlis penghargaan dan sambutan harijadi yang dilaksanakan adalah bertujuan mengeratkan ikatan antara kakitangan.

## Cabaran

Kemajuan sesebuah organisasi bergantung kepada kelestarian kakitangannya. Seperti organisasi yang lain, ASM juga menghadapi aliran keluar kakitangan. Dalam masa tiga tahun ini, seramai 46 kakitangan ASM telah menamatkan perkhidmatan mereka bagi menyahut cabaran di institusi lain. ASM menghadapi cabaran yang besar dalam mendapatkan kakitangan dalam jangka masa yang singkat dan melatih bakat baru dalam memenuhi jangkaan kerja di ASM. Kami amat berharap di masa hadapan, ASM akan dapat mengekalkan pasukan teras secara kekal untuk melindungi pengetahuan tersirat, nilai institusi, serta memori organisasi yang berharga.

## Penghargaan

Pencapaian tahun ini tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa kepimpinan dan bimbingan Majlis ASM. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Presiden ASM, Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc di atas sokongan beliau kepada kami yang tidak berbelah bagi serta dedikasi dan usaha beliau dalam mencapai kecemerlangan, di mana ia juga turut menyumbang kepada kemajuan kami pada hari ini.

ASM telah berjaya memenuhi mandatnya sebagai Badan Pemikir STIE Negara dengan sumbangan dan input kepakaran dari Felo, ahli YSN-ASM, TRSM dan ASM *Associates*. Saya juga amat berterima kasih kepada pasukan ASM yang komited dan bersungguh-sungguh untuk melakukan yang terbaik! Terima kasih kepada rakan-rakan di kementerian di atas kerjasama dan bantuan yang dihulurkan serta sokongan kepada ASM.

Saya yakin tahun yang mendatang akan lebih mencabar. Sesungguhnya, pengalaman ini adalah batu loncatan untuk kami mencapai hasil yang lebih baik. Terima kasih di atas pengalaman di tahun 2022 dan saya mengalu-alukan kedatangan tahun 2023.



# PENASIHAT KERAJAAN

DALAM HAL EHWAL STIE  
YANG BERKEPENTINGAN DI  
PERINGKAT NASIONAL DAN  
ANTARABANGSA

PELAN TINDAKAN

# KESIHATAN PLANET

NEGARA  
(PTKPN)



**1 April**

Webinar Kesihatan Planet  
sempena pelancaran  
Minggu Sains Negara 2022



**30 Jun**

*National Science Challenge Pocket  
Talk* berkaitan Kesihatan Planet  
oleh Profesor Dr Noorsaadah Abd  
Rahman FASc



**5 Julai**

Perkongsian berkenaan  
Kesihatan Planet melalui  
lembaran fakta di media  
sosial



**21 November 2021**

Pembentangan kepada  
Majlis High-Tech Nation



Pembangunan PTKPN telah dimandatkan oleh Perdana Menteri semasa mesyuarat Majlis Sains Negara (MSN) bertarikh 8 April 2022. Pelan tindakan peringkat kebangsaan ini adalah inisiatif yang dipacu STIE bagi mengarusperdanakan kesihatan planet di kesemua polisi dan pelan secara menyeluruh dan menggunakan pendekatan keseluruhan negara dalam menangani isu ekosistem, kesihatan biodiversiti dan perubahan iklim untuk pembangunan yang mampan.

ASM telah menjalankan webinar dan forum bersama pemegang taruh untuk mendapatkan input yang inklusif. Penglibatan-penglibatan tersebut juga bertindak sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran tentang keadaan terkini bumi selain mendapatkan input untuk pelan tindakan peringkat kebangsaan tersebut.

Pembangunan PTKPN yang komprehensif mengambil kira krisis alam semulajadi, sistem makanan yang mampan, tadbir urus dan pemeraksanaan rakyat, kepimpinan serta mencorak semula penyelesaian melalui pendekatan keseluruhan negara.

PTKPN juga mengambil kira perkara yang berikut:

- 1 Membangunkan sistem pengawasan, pemantauan dan pengesanan impak (STIE *Trend Watch*) bagi kesihatan planet sebagai pemboleh daya kepada pelaksanaan PTKPN.
- 2 Meningkatkan Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) bidang Zoonosis ke arah pembangunan pangkalan data nasional untuk genomik alam sekitar. Usaha ini bertujuan mengawal dan mencegah penyakit zoonotik secara menyeluruh melalui Institut Genom & Vaksin Malaysia (MGVI) dan agensi berkaitan.



Dari Kiri: Moderator Profesor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc (Naib Presiden ASM) bersama barisan panelis, Datuk Azman Ismail (Pengarah Urusan, PLUS Malaysia Berhad), Profesor Tan Sri Jemilah Mahmood (Pengarah, *Sunway Centre for Planetary Health*), Profesor Emerita Dato' Dr Rashidah Shuib (Profesor Kehormat, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, USM) & Mr Kiu Jia Yaw (Pengerusi Bersama, *Malaysian CSO-SDG Alliance Partner, Kiu & Co.*) di Forum Kesihatan Planet.



**17 Ogos**  
Bengkel strategik pertama PTKPN



**4 Oktober**  
Perkongsian oleh Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc di Simposium Agrobiodiversiti & Agroperekitaran (A-BES) 2022 Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara: Hubung Kait Sekuriti Makanan Biodiversiti & Perubahan Iklim



**18 Oktober**  
Forum berkaitan Kesihatan Planet: *Forging Commitment for A National Planetary Health Strategy to Drive Malaysia's Sustainability & Beyond*



ASM akan terus melibatkan pemegang taruh berkaitan bagi membangunkan pelan tindakan yang lebih menyeluruh.


## TRANSFORMASI SEKTOR AIR 2040 WST2040

Pada 2022, ASM meneruskan kerjasama strategik bersama EPU bagi Transformasi Sektor Air 2040 (WST2040) bertujuan mentransformasikan sektor air kepada sektor ekonomi yang dinamik dan menyerlah. Ini mampu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyediakan sumber air berkualiti kepada Rakyat dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu serta memudahcara pembangunan STIE dan RDIC yang berdaya tahan dalam sektor ini. ASM bekerjasama dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan EPU untuk menghasilkan bahan promosi WST2040. Laman web interaktif WST2040 juga telah dibangunkan untuk meningkatkan kesedaran awam.

Pada 21 Julai 2022, Laporan Akhir WST2040 yang telah disiapkan pada Disember 2021 mendapat kelulusan Majlis Air Negara dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Kerajaan Perpaduan juga memberi sokongan penuh kepada WST2040 menerusi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim (NRECC). Pada *United Nations 2023 Water Conference* di New York, Menteri NRECC mengenengahkan WST2040 sebagai fokus negara dalam ucapan beliau.

Bagi merealisasikan objektif (keselamatan & kemampunan air dan air sebagai peluang ekonomi) dan visi WST2040, sebanyak 87 strategi, 601 sasaran dan 601 KPI telah dirumuskan untuk pelaksanaan sepanjang empat Rancangan Malaysia yang akan datang.

### Visi WST2040



WST2040 memfokuskan kepada lapan sub-sektor ke arah lapan pemacu perubahan untuk sektor air:




### Kesedaran Awam

Memfokuskan usaha meningkatkan kesedaran, membina sokongan dan keupayaan berkaitan dengan pengurusan sumber air yang berpusatkan kepada empat kumpulan iaitu kerajaan, perniagaan, komuniti dan akademik. Output utama kajian terdiri daripada empat modul berasingan yang setiap satunya membincangkan empat kumpulan tersebut.



### Teknologi Pintar

Mengetengahkan penyepaduan dan penerimgunaan teknologi termaju berasaskan IR4.0 dalam pengurusan sumber air ke arah mewujudkan sektor air yang berasaskan bukti, cekap dan mampan. Sektor air berteknologi tinggi merupakan suatu kemestian dan akan menyokong serta menaiktaraf peranan sektor tersebut menjadi sebuah penggerak pertumbuhan yang dinamik yang akhirnya akan berfungsi sebagai hab industri air serantau.



### Integrasi Data

Menekankan keperluan sebuah pusat rujukan setempat di Malaysia yang akan menyediakan data dan maklumat yang dipercayai dan berkualiti tentang air, termasuk data primer dan sekunder. IWSDC merupakan sebuah elemen yang penting dalam usaha memudahcarakan pewujudan konsortium penyelidikan air yang merupakan kunci kejayaan pembangunan sektor air yang dipacu oleh data.



### Air Maya

Menekankan keperluan untuk meningkatkan kesedaran tentang air maya (Virtual Water atau VW) dan jejak air (Water Footprint atau WF) dalam kalangan pembuat keputusan dan orang awam bagi memastikan perancangan, pengurusan dan penggunaan air yang lebih baik. Ia membincangkan tentang elemen seperti pengiraan VW negara, penghasilan inventori WF bagi sektor ekonomi terpilih serta penerapan elemen WF dalam tadbir urus air persekutuan dan negeri.



### Adaptasi Terhadap Perubahan Iklim

Membincangkan tentang kesan perubahan iklim jika pemanasan global sebanyak 1.5°C tidak dihentikan. Strategi penting dirangka untuk memantapkan penyesuaian terhadap perubahan iklim serta penerimgunaan IWRM dan teknologi air. CCIA telah membangunkan input strategik dan strategi kebangsaan untuk meningkatkan keupayaan dalam penyesuaian serta membina ketahanan sektor air ke arah penyesuaian terhadap perubahan iklim.



### Sektor Ekonomi Baharu

Mentransformasikan sektor air negara menjadi sektor ekonomi berdaya saing yang menyumbang kepada KDNK negara tanpa menjejaskan kemampanan serta ketersediaan sumber dan peluang untuk generasi akan datang. Jilid ini mengkaji nilai dan daya maju ekonomi sektor air sebagai penyumbang kepada KDNK negara.



### Mekanisme Kewangan

Meneliti mekanisme pendanaan yang sedia ada dalam sektor air serta meneroka mekanisme pembiayaan alternatif yang mampan dan bersesuaian bagi menampung industri air dalam jangka masa panjang. Mekanisme yang dicadangkan ialah sistem holistik untuk memastikan kemampanan seluruh rantaian nilai sektor air.



### Nexus Air-Makanan-Tenaga

Berkisar tentang kesalinghubungan dan peranan air, makanan dan tenaga dalam memastikan keselamatan dan kemampanan pembangunan masyarakat dan negara. Ia membincangkan tentang kerumitan dan kesalingkaitan nexus untuk mewujudkan keseimbangan dan kesan sinergi yang lebih baik.

## Dapatan Utama & Cadangan

Dapatan utama dan cadangan adalah berdasarkan kepada lima bidang fokus kajian seperti berikut:



**Maklumat & RDIC**



**Infrastruktur & Teknologi**



**Rakyat**



**Tadbir Urus**



**Kewangan Alternatif**

Adalah disasarkan apabila potensi sektor air digunakan secara menyeluruh melalui transformasi sektor dan ekosistem air, Malaysia mampu mencapai nilai tambah sebanyak RM13.3 bilion, menyumbang sebanyak 0.46% kepada KDNK nasional menjelang 2040. Transformasi ini hanya mampu dicapai menerusi pengetahuan dan teknologi.

## Perancangan masa hadapan

ASM akan bekerjasama dengan NRECC untuk melaksanakan aktiviti promosi bagi meningkatkan kesedaran awam berkenaan WST2040.

## SPECIAL INTEREST GROUP (SIG) EKONOMI BIRU

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan Ekonomi Biru sebagai “ekonomi lautan lestari yang terhasil apabila kedua-dua aktiviti ekonomi dan kapasiti ekosistem lautan seimbang bagi lebih menggalakkan aktiviti ini supaya ia terus berdaya tahan dan sejahtera.” Ekonomi Biru mengambil kira aspek ekologi dan kelestarian lautan selari dengan aspek ekonomi, berbeza dengan Ekonomi Lautan yang hanya mengambil kira lautan sebagai mekanisme pembangunan ekonomik.

Tidak dinafikan, lautan dan sumber marin Malaysia memberikan keuntungan yang tinggi dan peluang sosial dan ekonomi yang tidak terhad sekiranya diuruskan dengan sempurna.

- Malaysia mempunyai pantai sepanjang 4,675 kilometer (WM 2,068km, EM 2,607km) dengan 449,477 km<sup>2</sup> EEZ (CIA, 2022)
- Nilai tambah kasar ekonomi lautan ke-3 tertinggi di rantau Asia Tenggara (GVA: USD 63.0 bilion) (PEMSEA 2018)
- Malaysia merupakan negara kelima terbaik di dunia dari segi jalinan laluan perkapalan, dan kedua terbaik di Asia Tenggara (UNCTAD, 2020)
- Pengeluar ke-7 terbesar bagi ternakan rumpai laut, ketiga dalam ternakan rumpai laut carrageenan tropika (SEAFDEC, 2022)

Walau bagaimanapun, amat penting untuk memahami dan mengurus dengan baik seluruh aspek-aspek kelestarian lautan Ekonomi Biru ini, bermula daripada kelestarian perikanan sehingga ke ekosistem kesihatan.

SIG Ekonomi Biru merupakan satu usaha untuk memahami ekosistem lautan Malaysia serta menangani cabaran yang berkaitan. SIG ini telah berganding bahu menghasilkan *Position Paper on Blue Economy: Unlocking The Value of The Oceans*.


Melalui rangka kerja 10-10 MySTIE, kertas posisi tersebut telah mengenalpasti 8 sektor strategik Ekonomi Biru yang penting dalam pembangunan sosioekonomik di Malaysia:



**Perikanan & Akuakultur**



**Industri Ekstraktif daripada Sumber Bukan Hidup**



**Pengangkutan Maritim, Pelabuhan, Dan Perkhidmatan Berkaitan Serta Perkapalan Dan Pembinaan Kapal**



**Pelancongan Pantai dan Maritim**



**Tenaga Boleh Diperbaharui**



**Bioteknologi Marin & Biotinjauan**



**Penyagaraman untuk Penjanaan Air Tawar**



**Pengurusan Pelupusan Sisa**

Cadangan di atas penting untuk memastikan pengurusan lautan dan sumber marin serantau yang efektif dengan kerjasama negara-negara ASEAN. Pengurusan Ekonomi Biru yang lestari selaras dengan 8R-NCBE (Kesihatan Planet) akan menjana pulangan nilai yang lebih tinggi daripada sumber laut, seterusnya menghasilkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan mampan. Justeru, kualiti hidup masyarakat yang bergantung kepada sumber lautan akan dipertingkatkan.



Pengerusi SIG Ekonomi Biru

**Emeritus Profesor Dr Phang Siew Moi FASc**


Kertas posisi tersebut juga mengetengahkan cara menangani cabaran dan menyediakan input dalam pengurusan sumber marin dan lautan negara pada setiap sektor strategik untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memberi manfaat kepada masyarakat dan industri yang bergantung kepada lautan sebagai sumber pencarian.

Melalui pembentukan ekosistem bagi 8 sektor strategik menggunakan 10-10 MySTIE, 8i dan prinsip NCBE 8R, anggaran trajektori pertumbuhan Ekonomi Biru menunjukkan bahawa sektor tersebut akan menyumbang sebanyak 31.5% kepada KDNK menjelang 2030 dengan hasil bersih kumulatif sebanyak RM1.4 trilion daripada tahun 2020 hingga 2030, berbanding dengan hanya 21.3% daripada sumbangan KDNK jika beroperasi pada *status quo*.

Cadangan-cadangan dalam laporan ini selaras dengan agenda pembangunan yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan RMK-12 untuk menyeimbangkan kekayaan ekonomi dengan pertimbangan kesihatan planet.

Penggunaan cadangan oleh Kerajaan dan agensi-agensinya pelaksana adalah penting bagi memastikan pengurusan lautan dan sumber marin serantau yang berkesan.

Integrasi falsafah 8R-NCBE (*Nature-centric Blue Economy*) menjadi asas kepada pembangunan ekonomi di mana kehidupan lautan dan pantai sangat dihargai dan dihormati. Ia dapat memupuk populasi manusia yang mengenali potensi ancaman sumber lautan dan pantai negara serta memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat terhadap kepentingan amalan pemuliharaan biodiversiti marin yang mampan.



### Cadangan



Kerajaan perlu merangka Dasar Lautan Nasional dan Dasar Ekonomi Biru berdasarkan STIE bagi memperkasa pentadbiran dan memberi hala tuju untuk Ekonomi Biru ke arah ekosistem yang bersepadu, efektif, dan mampan dengan merungkai potensi sektor ini.



Menguatkan lapan sektor strategik Ekonomi Biru di Malaysia selaras dengan falsafah *8R-Nature-centric Blue Economy* (8R-NCBE) ke arah menjana nilai dan pembangunan sosioekonomi serta dilaksanakan dalam PTKPN.



Mewujudkan *RDICE Matching Fund Scheme for Blue Financing* untuk meningkatkan penyertaan awam dan swasta dalam memperkasa Ekonomi Biru.



Imbas untuk baca



## PROJEK PEMBUKTIAN KONSEP (POC) SISTEM WIRELESS BRIDGING DI KAMPUNG KUALA PAJAM, BERANANG, SELANGOR

ASM dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan projek POC teknologi sistem *Wireless Bridging* di Kampung Kuala Pajam, Beranang, Selangor. Projek POC ini diketuai oleh Profesor Madya Dr Muhammad Ramlee bin Kamarudin dari UTHM, seorang penerima TRSM. Melalui pendekatan ini, liputan internet diperluas daripada kemudahan internet utama yang mempunyai keupayaan internet berkelajuan tinggi ke kawasan yang tidak mempunyai sambungan internet dan kepada komuniti yang kekurangan perkhidmatan internet.

### Objektif

- Menunjukkan kebolehlaksanaan teknologi sistem *Wireless Bridging* dalam meningkatkan capaian internet di Kampung Kuala Pajam, Selangor.
- Memberikan penyelesaian segera kepada masyarakat luar bandar, terutamanya dalam kalangan pelajar untuk pembelajaran secara atas talian dan menggalakkan aktiviti e-keusahawanan dalam kalangan penduduk kampung.



Kampung Kuala Pajam, Beranang, Selangor merupakan kawasan yang mempunyai radius anggaran 1.5 kilometer persegi. Pusat Komuniti Desa (PKD) Kuala Pajam dijadikan sebagai sumber internet utama projek ini. Semasa tempoh POC tersebut, kelajuan internet ditingkatkan mencecah 300Mbps. Ini telah membolehkan kampung berdekatan seperti Kampung Sesapan Kelubi (sekitar 2.5 kilometer) untuk mendapat capaian internet.

Tujuh lokasi telah dipilih dengan penerima dan pengguna internet yang terhad, iaitu 25 hingga 30 orang pada satu masa. Data menunjukkan bahawa penggunaan internet pada bulan April sebanyak 350GB telah meningkat kepada hampir 700GB pada bulan Jun, peningkatan hampir 100 peratus ini menunjukkan impak projek POC tersebut.


### Penambahbaikan

- Menjalankan aktiviti ukur tanah serta menggunakan teknologi yang sesuai untuk masyarakat luar bandar sebelum projek dilaksanakan.
- Menggunakan teknologi yang melengkapkan sistem *Wireless Bridging* seperti peralatan premis pelanggan (CPE), antena gandaan tinggi dan pemantul meta-permukaan.
- Menggunakan teknologi berkuasa solar untuk melestarikan lokasi penyambung (*relayer*).
- Melibatkan jurutera pakar dalam bidang pembinaan struktur sejak awal projek.

### Cabaran

- Kajian awal muka bumi tidak dibuat di kawasan POC.
- Penggunaan kren untuk pemasangan yang besar-besaran meningkatkan kos.
- Jika lokasi penyambung menghadapi masalah, rumah penerima dari *relayer* tidak akan mendapat capaian internet.
- Tiada pengesahan reka bentuk dan pemasangan tiang oleh jurutera.

Projek ini berhasrat untuk melaksanakan teknologi sistem *Wireless Bridging* di Bandar Petri Jaya, Kota Tinggi, Johor dan kawasan-kawasan lain yang memerlukan teknologi tersebut.



## BIODIVERSITI KEPERSISAN: PROGRAM PENDIGITALAN & IOT

ASM komited menetapkan Kesihatan Planet sebagai prinsip bagi penggubalan dasar untuk masa depan Malaysia. Pada tahun 2019, satu SIG untuk Biodiversiti telah ditubuhkan untuk mengkaji penggunaan teknologi dalam memelihara, memantau dan menguruskan biodiversiti negara. Bagi menguji idea biodiversiti kepersisan, Kertas Strategik Biodiversiti Kepersisan telah dihasilkan. Kebersisan yang dihasilkan oleh SIG ini telah menjana satu projek perintis iaitu program Pendigitalan dan IoT untuk Biodiversiti yang mengambil masa lima tahun, bermula pada 1 Januari 2022 di Hutan Simpan Pasoh, Negeri Sembilan. Projek ini juga telah menerima geran pembangunan sebanyak RM7 juta di bawah RMK-12.

Untuk menguji keberkesanan cadangan-cadangan yang dikemukakan, Hutan Simpan Pasoh telah dipilih sebagai medan ujian bagi mengaplikasikan kecerdasan buatan (AI) dan Internet Pelbagai Benda (IoT) untuk mengumpul data biodiversiti dan alam sekitar secara jitu dan waktu sebenar. Pendekatan pengumpulan data ini telah menggantikan operasi manual yang memerlukan tenaga kerja secara intensif.

Bekalan data yang berterusan daripada sistem AI dan IoT membolehkan penganalisan data dalam mengurus biodiversiti dijalankan dengan lebih efektif dalam negara ini. Simulasi ekologi akan dibangunkan untuk mengkaji impak aktiviti manusia dan perubahan alam sekitar ke atas biodiversiti.

Pakatan PBD telah dibentuk bertujuan memberi bimbingan untuk membangunkan simulasi sistem dan ekologi dalam projek perintis ini. Dalam jangka masa panjang, pakatan ini berusaha menerapkan sains dan teknologi dalam pengurusan biodiversiti. Sistem ini akan diletakkan di bawah bidang kuasa *Malaysia Biodiversity Centre* (MBC) yang masih dalam pembangunan bagi memastikan sistem ini cukup mampan untuk dilaksanakan pada peringkat nasional.

Salah satu cabaran utama program ini adalah untuk memastikan kemampuan sistem setelah program ini tamat pada 2025. Melalui perbincangan penting bersama pemegang taruh, pakatan PBD akan memastikan bahawa bukan sahaja projek perintis ini sahaja kekal terjaga, malahan aplikasi sains dan teknologi dalam pengurusan biodiversiti di masa hadapan juga turut diberi perhatian. Kerjasama tersebut akan berlandaskan pendekatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan masyarakat untuk kepentingan bersama.

Pada tahun 2023, pasukan teknikal akan mula melaksanakan proses integrasi data dengan pangkalan data sedia ada, penyusunan data, dan pembangunan fungsi mengenalpasti spesis berdasarkan AI. Pasukan teknikal juga akan membangunkan sistem dan fasiliti pengumpulan data, termasuk pemasangan penerima di lapangan. Sesi perkongsian ilmu dan teknologi bersama pegawai akan dilaksanakan untuk memastikan mereka dibekalkan dengan pengetahuan AI dan IoT untuk menguruskan fasiliti dan sistem yang telah ditubuhkan pada masa akan datang. Pasukan tersebut juga akan berkolaborasi untuk menghasilkan Garis Panduan Pengurusan Data FAIR untuk Keboleholangan dalam Penyelidikan Biodiversiti.



Bilangan  
bengkel  
**3**



Bilangan mesyuarat  
dan lawatan tapak  
**16**



Disertai oleh  
**Pasukan Petugas, Kumpulan  
Teknikal dan pemegang taruh  
utama** (JPSM, FRIM, KeTSA)



Jawatan tertinggi Pasukan Petugas  
berkenaan program Pendigitalan &  
IoT Biodiversiti

**Dr Helen Nair FASc**  
(Pengerusi pasukan petugas)

**Profesor Dr Wickneswari  
Ratnam FASc**  
(Timbalan Pengerusi pasukan  
petugas)

**Profesor Ir Ts Dr Ahmad 'Athif  
Mohd Faudzi**  
(Ketua Pasukan Projek)

**Profesor Madya Dr  
Nurfadhlina Mohd Sharef**  
(Naib Ketua Pasukan Projek)



Tarikh selesai  
**Disember 2025**

## PEMBANGUNAN MODEL PERNIAGAAN UNTUK INDUSTRI NADIR BUMI BUKAN RADIOAKTIF (NR-REE) DI MALAYSIA

Unsur Nadir Bumi (REE) semakin mendapat perhatian berbanding sebelum ini di pasaran global kerana penggunaannya yang meluas dalam aplikasi teknologi tinggi. Nilai pasaran Nadir Bumi (RE) mencecah USD 13.2 bilion pada 2019 dan dianggarkan mencecah USD 19.8 bilion menjelang 2026. Ini tidak termasuk nilai produk pengilangan hiliran.

Anggaran awal nilai sumber Bumi Nadir Bukan Radioaktif (NR-REE) di Malaysia adalah sekitar USD182 bilion. Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 telah mengiktiraf REE sebagai komoditi strategik negara.

Untuk merealisasikan potensi industri NR-REE di Malaysia, KeTSA melantik ASM sebagai rakan strategik untuk menjalankan Kajian Membangunkan Model Perniagaan bagi Industri Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Malaysia. Kajian bermula pada Ogos 2022 dan dijangka siap menjelang Februari 2023.

Projek tersebut bertujuan mencadangkan Model Perniagaan untuk membangunkan industri NR-REE di Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada negeri Perak. Model perniagaan ini akan menjadi panduan kepada kementerian kerajaan, agensi, industri dan pemegang taruh lain yang berkaitan untuk mempercepatkan pembangunan industri NR-REE.

Lawatan tapak telah dijalankan ke loji projek perintis: Lynas Advanced Material Plant, Pusat Alam UMP dan Pejabat Tanah dan Galian Perak. Perbincangan kumpulan berfokus dengan agensi kerajaan dan pihak industri telah dijalankan untuk mengumpul input. Setakat ini, Laporan Pemulaan dan Laporan Interim telah diserahkan kepada KeTSA.

Mendapan Elemen Nadir Bumi Tanah Liat Penjerapan Ion (IAC-REE) sangat unik dimana nadir buminya berlaku dalam bentuk unsur tanah liat, berbeza dengan bentuk mendapan nadir bumi lain di mana ia berlaku dalam bentuk mineral. Mineralisasi IAC-REE adalah bersifat supergen dan kerap berlaku dalam profil luluhawa yang dihasilkan dalam batuan granit di kawasan iklim panas lembap. Unsur-unsur tersebut yang terdiri daripada unsur nadir bumi berat (HREE) yang lebih bernilai boleh dicairkan dengan mudah daripada tanah liat menggunakan kaedah larut lesap in-situ (ISL).

Kaedah ISL mengepam bahan pengikat ke dalam tanah untuk mengekstrak REE dan seterusnya larutan sarat dikumpul di bahagian bawah ufuk tanah. Kaedah perlombongan ini memerlukan penyingkiran tanah lapisan atas yang sedikit, tumbuh-tumbuhan kekal utuh dan kawasan tanah yang agak kecil digunakan pada satu-satu masa.



Bilangan bengkel

**2**



Bilangan mesyuarat dan lawatan tapak

**15**



Disertai oleh  
**Pasukan Petugas, Ahli Kumpulan Bekerja, Pemegang taruh**

(lebih daripada 40 organisasi kerajaan, industri, akademik, dan masyarakat umum)



Pengerusi Pasukan Petugas Pembangunan Model Perniagaan untuk Industri NR-REE di Malaysia

**Academician Datuk Fateh Chand FASC**



Tarikh selesai

**Februari 2023**



## RANGKA KERJA 10-10 SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI DAN EKONOMI MALAYSIA (MySTIE)

Penerimaan dan penggunaan Rangka Kerja 10-10 MySTIE sangat meluas oleh pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta sejak pelancarannya pada bulan Disember 2020. ASM telah bergiat aktif di peringkat kebangsaan untuk memperkenalkan rangka kerja tersebut. Tambahan pula, input berkaitan ekosistem STIE tempatan dan pengaplikasian 10-10 MySTIE secara khusus telah mendapat perhatian masyarakat antarabangsa.

Rangka Kerja 10-10 MySTIE telah terbukti menjadi alat panduan dan pemboleh strategik yang berpengaruh ke arah perancangan dan pelaksanaan projek-projek inklusif dan berimpak tinggi oleh pemegang taruh tempatan dan antarabangsa.

e-Buku Transformasi 10-10 MySTIE telah dimuat turun sebanyak 9,000 kali dari 72 buah negara oleh 14,000 pembaca. Edisi Bahasa Malaysia yang terbaharu juga telah meningkatkan capaian rangka kerja yang berpengaruh ini.

Pada tahun 2023, pasukan 10-10 MySTIE akan meneruskan usaha untuk meluaskan pengaruh rangka kerja ini pada peringkat serantau dan negeri bagi menilai penggunaan teknologi dan pemahaman perangka dasar negeri serta pelaksana 10-10 MySTIE. 10-10 MySTIE 2.0 juga akan merangkumi lagi satu dimensi iaitu 10 kuasa global yang akan digunakan bagi memformulasikan ASEAN STI *Ecosystem Foresight* 2035.



Imbas untuk baca



Pengenalan kepada Rangka Kerja 10-10 MySTIE: Panggilan Rasmi bersama Cik Elinor Buxton, Pengarah Serantau Pejabat Komanwel & Pembangunan (FCDO) Sains Asia Tenggara – 10 Februari

Ekspo Osaka 2025 (ASM sebagai ahli Bulatan Pakar) – beberapa siri mesyuarat Bulatan Pakar telah dijalankan

Seminar Sains, Teknologi dan Inovasi: Hala Tuju dan Inisiatif oleh Kerajaan Persekutuan dan Sarawak – 11 Ogos

Perbincangan Meja Bulat mengenai Keselamatan Siber dalam Era Kuantum (ASM diwakili oleh Prof Dato' Dr Mohamed Ridza Wahiddin FASc dan seorang analis kanan) – 19 Oktober

Pembentangan 10-10 MySTIE dan Bakat Sedia Industri di Bengkel Perancangan Strategik MARA *Way Forward* 2023 anjuran Bahagian Penganjuran Pelajar MARA – 8 dan 15 Disember

Sidang Pleno: Keadilan dalam Sains - Bagaimana untuk Memastikan Sains Mencerminkan Masyarakat yang Kita Mahukan? (ASM sebagai ahli panel) – 9 Disember

Bengkel Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah – 12 Januari

Forum IsDB (ASM sebagai panelis) - Peranan Ekosistem STI yang Teguh dalam Membina Daya Tahan Ekonomi dan Pertumbuhan Mampan di Negara Anggota IsDB – 23 Mei

Gambaran Keseluruhan Masyarakat Masa Depan Malaysia: Makmal Ekspo Osaka 2025 berkenaan Pembangunan Rangka Kerja Kandungan untuk Penyertaan Malaysia (ASM sebagai penceramah) – 27 Julai

Sesi Libat Urus Industri MIDA dengan *Domestic Specific Project Mission* (DSPM) bersama Advanced Technology and R&D Division, MIDA (ASM telah dijemput untuk menyertai delegasi MIDA dalam 12 penglibatan industrinya) - 9 -12 Ogos

Bengkel Pembinaan Kapasiti mengenai Inovasi dan Sokongan Dasar MSME (dianjurkan bersama oleh Unit Perancang Ekonomi dan Bank Dunia)(ASM sebagai penceramah) – 10 November

Forum Sains Dunia di Cape Town, Afrika Selatan

## SIG ON INDUSTRY-READY TALENT (SIGIRT)

Pada masa ini, ekosistem bakat Malaysia berhadapan dengan krisis baharu yang belum pernah berlaku sebelum ini yang memerlukan penyelesaian yang cekap dan lincah untuk menghadapi perkembangan global, sosial, ekonomi dan teknologi. Bakat Malaysia memerlukan kemahiran seperti kemajuan dalam teknologi Deep (teknologi mendalam), teknologi yang melangkaui pelbagai domain teknologi, dan mempengaruhi pelbagai aplikasi untuk kekal berdaya saing. Oleh itu, melahirkan bakat dengan kemahiran teknikal dan insani yang kuat sahaja tidak mencukupi, peralihan ke arah “kemahiran pintar” (kemahiran yang dibangunkan bersama dengan manusia lain) dan “kemahiran tajam” (kemahiran yang dibangunkan bersama dengan komputer) juga diperlukan.

Selain itu, ketidakpadanan kemahiran telah menjadi isu yang berterusan di Malaysia sejak sedekad lalu dan semakin ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ketidakpadanan kemahiran ini timbul daripada ketidakselarasan antara kemahiran graduan dan peluang yang disediakan oleh industri, ini membawa kepada penggunaan tenaga mahir yang kurang. Ketidaksepadanan ini telah menyebabkan graduan mahir menerima pekerjaan separuh mahir atau mahir rendah kerana kekurangan jawatan mahir dalam pasaran kerja. Separuh daripada mereka yang berumur antara 15-24 tahun mungkin dikategorikan sebagai terlebih layak untuk jawatan mereka.

Maka dengan itu, intervensi strategik untuk menyelaraskan pendidikan tinggi dengan kehendak industri serta menggalakkan rangka kerja pembangunan bakat yang mampan secara konstruktif adalah penting untuk memastikan bakat yang dihasilkan adalah bersesuaian dengan keperluan Malaysia.

Oleh itu, ASM telah menubuhkan SIGIRT untuk melaksanakan kajian dan menyediakan kertas posisi berkenaan pembangunan bakat di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti status dan cabaran semasa sepanjang saluran bakat tersebut daripada pendidikan tinggi kepada pekerjaan serta merangka hala tuju strategik untuk penjana tenaga mahir yang sedia industri dan berfokuskan kemahiran masa depan untuk memacu pembangunan ekonomi pengetahuan di Malaysia.



Bilangan bengkel dan mesyuarat

**5**



Organisasi yang terlibat

**59**



Pengerusi Bersama SIG *Industry-Ready Talent*  
**Profesor Dato' Ir Dr Abdul Rahman FASc**  
**Dr Shahidah Mohd Sharif FASc**



Tarikh selesai  
**April 2023**



Bilangan penyertaan

**68**

## KAJIAN MODEL PERNIAGAAN BAHARU BAGI ORGANISASI PENYELIDIKAN BERKAITAN KERAJAAN (GLRO)

GLRO boleh didefinisikan sebagai organisasi yang menerima dana penuh atau separa penuh daripada kerajaan. GLRO menjalankan atau menyokong komponen rantai nilai Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi (RDICE), atau sebagai badan pengantara RDICE ke arah memenuhi kepentingan negara. GLRO tidak menjana pendapatan, ia ditubuhkan bagi menjalankan penyelidikan untuk kepentingan awam dan secara lazimnya sebagai institut penyelidikan, syarikat berhad menurut jaminan (CLBG), atau syarikat berhad menurut syer (CLBS).

GLRO dibentuk untuk menghasilkan dan menjadi pengantara dalam kerjasama antara pemegang taruh dalam *quadruple helix*, juga sebagai pengantara menghubungkan kerajaan, komuniti saintifik, dan sektor swasta. Pulangan nilai (ROV) GLRO diukur melalui "6-Dimensions of Impact" yang mengambil kira bakat kreatif, pengetahuan baharu, rangkaian pengetahuan & rantai nilai, penjana kekayaan, pembangunan masyarakat dan penjenamaan & kedudukan. Perubahan penetapan minda yang menyeluruh diperlukan untuk bergerak ke arah ROV.

Kajian ini bertujuan bagi menilai prestasi keseluruhan GLRO di Malaysia serta memberikan syor bagi kemampuan organisasi ini. Kajian ini juga akan menilai ROV untuk mengetahui nilai sebenar yang telah disumbangkan oleh GLRO kepada ekosistem STIE negara.

- Siri Perbincangan Kumpulan Fokus (Mei-Julai)
- Siri Temubual (Julai – Ogos)
- Bengkel Penulisan Laporan Interim GLRO (25 Jun)
- Bengkel ROV MIMOS bersama ASM & *Sunway Institute for Global Strategy and Competitiveness* (IGSC) (11 Ogos)
- Siri Pembentangan Penemuan Kajian kepada Kementerian & Agensi (Ogos – Disember)

ASM mencadangkan KPI berdasarkan ROV berbanding ROI untuk diguna pakai oleh penggubal dasar di peringkat nasional untuk mengkaji impak yang dijana oleh GLRO dalam keseluruhan ekosistem STI dengan lebih tepat serta nilai yang terhasil kepada ekosistem STI.

ASM juga bercadang untuk menjalankan fasa kedua kajian ini untuk menilai ROV bagi GLRO terpilih dalam ekosistem STIE seperti yang ditampung oleh dana ses, GLC dan agensi kerajaan. Ini kerana GLRO akan memberi faedah ketara dan tidak ketara serta ROV ke arah membangunkan negara berteknologi tinggi.



Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Model Perniagaan Baharu GLRO

**Profesor Dr Mahendhiran Sanggaran Nair FASc**

**Dr Hj Mohamad Kamal Hj Jarun FASc**



Penasihat

**YM Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc**



## BILIK GERAKAN PENYELESAIAN TEKNOLOGI MOSTI (WAR ROOM) UNTUK MENANGANI ISU KETERJAMINAN MAKANAN DI MALAYSIA

MOSTI telah memulakan Bilik Gerakan Penyelesaian Teknologi pada Jun 2022 untuk menangani isu keterjaminan makanan dengan menggunakan teknologi yang membantu penternak, peladang dan petani dalam memastikan kemampuan rantai bekalan makanan. Inisiatif ini menghubungkan pemain utama seperti agensi kerajaan, pengusaha, pihak industri dan ahli akademik bagi membantu menangani isu keterjaminan makanan negara dengan segera.

Berikutan itu, ASM diberi mandat oleh MOSTI untuk memberi khidmat nasihat dan memudahcara kerjasama awam-swasta bagi menyokong inisiatif Bilik Gerakan tersebut.

Pembangunan Dashboard Bilik Gerakan adalah untuk memantau dan menganalisis sentimen masyarakat harian tentang isu keterjaminan makanan.

Dashboard diaktifkan pada 20 Jun



ASM telah bekerjasama dengan Petronas untuk mengkaji potensi ammonium sulfat sebagai baja untuk mengawal harga baja yang kian meningkat.

8 Ogos - 14 Oktober



ASM telah memberi input untuk penilaian awal tentang daya maju dan kesesuaian *Black Soldier Fly Larvae* (BSFL) sebagai sumber protein alternatif untuk haiwan ternakan berikutan kenaikan harga import makanan ternakan.

20 Jun - 24 November



Dashboard Bilik Gerakan telah membantu MOSTI dalam memantau tren isu keterjaminan makanan menggunakan kata kunci khusus mengenai harga makanan yang tinggi, kekurangan bekalan ayam dan telur dan usaha-usaha kerajaan dalam bidang pertanian berdasarkan ulasan orang awam, berita dan media massa. Di samping itu, input daripada Jawatankuasa Pertanian ASM tentang industri baja dan haiwan ternakan telah membantu kerajaan membuat keputusan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kerjasama antara ASM dan PETRONAS akan dicapai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) untuk memperkenalkan produk baharu baja ammonium sulfat ke pasaran tempatan dan menghasilkannya secara tempatan untuk kemampuan jangka masa panjang.

Kerjasama awam-swasta seperti ini menunjukkan bahawa teknologi dan penyelesaian terbaik boleh digunakan bagi menangani isu keterjaminan makanan.








## KAJIAN PEMBANGUNAN

### PELAN HALA TUJU PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, PENGKOMERSIALAN, INOVASI DAN EKONOMI (R,D,C,I & E)

Ekosistem STI Malaysia bersifat tidak menyeluruh terutamanya daripada aspek kitaran tadbir urus, pelaburan, pembangunan bakat, dan infrastruktur yang disebabkan oleh pelaksanaan yang tidak tertumpu dan tidak konsisten. Oleh sebab itu, sumber yang sedia ada tidak dapat dimanfaatkan dengan sempurna yang menyebabkan pelaburan tidak berimpak tinggi. Tambahan pula, kebanyakan industri di Malaysia tidak cenderung untuk membuat pelaburan dalam bidang P&P untuk mengurangkan risiko.

Oleh itu, satu pelan hala tuju strategik peringkat nasional yang perlu diadakan untuk memperkemas strategi utama ke arah memastikan ekosistem penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersialan dan ekonomi holistik serta aktif. Pelan hala tuju tersebut turut meraikan inovasi yang dipacu permintaan ke arah membangunkan sistem penyampaian dipacu pasaran. Strategi dan inisiatif yang digariskan dalam pelan hala tuju ini dijangka menjana hasil berteknologi tinggi dan bernilai tinggi ke arah mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, pada masa yang sama mengurangkan jurang inovasi antara P&P akademik serta perusahaan berasaskan STI.

#### Objektif

-  Untuk memastikan ekosistem penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi yang holistik dan aktif melalui penyelarasan STI serta perancangan dan matlamat ekonomi.
-  Untuk meningkatkan P&P dipacu permintaan dan sistem penyampaian dipacu pasaran untuk hasil berteknologi tinggi dan bernilai tinggi, seperti perbelanjaan P&P oleh perniagaan dan perusahaan yang lebih tinggi serta geran padanan nilai atau geran bermatlamat yang lebih tinggi.
-  Untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan menghubungkan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan serta mengambil langkah berimpak; *Venture Building* kepada perusahaan berasaskan STI.
-  Untuk meningkatkan kemampunan pembiayaan ekosistem RDICE secara keseluruhan ke arah impak sosioekonomi yang positif.
-  Untuk membangunkan bakat sedia masa depan yang dipacu pengetahuan demi meningkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa dalam usaha menjadi sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030.

Penghasilan pelan hala tuju ini akan dibiayai oleh MOSTI melalui kerjasama strategik yang akan mempengaruhi penggubal dasar seperti Unit Pengurusan Penyelidikan di bawah EPU berdasarkan strategi dan pelan tindakan yang digariskan untuk memastikan ekosistem RDICE yang aktif dan selanjar.

Asalnya, projek ini dinamakan sebagai R, D, C, I & E. ASM telah mencadangkan agar terma RDICE digunakan dalam pelan hala tuju. Keputusan tersebut akan ditentukan setelah kajian ini diluluskan.



Bilangan  
bengkel  
**3**



Bilangan  
mesyuarat  
**37**



Disertai oleh  
**100** peserta



Pengerusi Bersama kumpulan kerja  
Pelan Hala Tuju R,D,C,I,E

**Profesor Datuk Wira Dr  
Raha Abdul Rahim FASc  
En Jaffri Ibrahim, CEO of CREST**



Kajian ini akan selesai menjelang  
akhir suku pertama tahun  
**2023**

## JAWATANKUASA INTER-AGENSI PEMANTAUAN DAYA SAING INDEKS INOVASI GLOBAL (GII)

MOSTI memainkan peranan penting dalam mengurusperdanakan STI, yang bertindak sebagai peneraju dan pelaksana bagi memacu inovasi dan produktiviti untuk pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Penubuhan jawatankuasa ini merupakan inisiatif MOSTI selaras dengan hasrat RMK-12 untuk meletakkan Malaysia dalam kalangan 20 negara terbaik dalam Laporan GII menjelang tahun 2025.

Laporan GII yang diterbitkan dengan kerjasama *European Institute of Business Administration* (INSEAD), *Cornell University* dan *World Intellectual Property Organization* (WIPO) melaporkan prestasi daya saing sesebuah negara khususnya berkaitan dengan inovasi. Laporan berasaskan data ini bertujuan untuk membantu penggubal dasar dalam menilai prestasi inovasi serta membuat pertimbangan dasar yang tepat.

ASM bertindak memantau prestasi daya saing serta memberikan input strategik bagi tonggak Pembangunan Modal Insan dan Penyelidikan untuk meningkatkan prestasi keseluruhan. ASM akan terlibat selama lima tahun, iaitu dari tahun 2021 sehingga 2025.

### Objektif



Melaksana dan menambahbaik pemantauan ke atas indeks daya saing supaya lebih sistematik dan berkesan dalam meningkatkan prestasi negara dalam Laporan GII.



Memastikan indikator dikesan, dikumpul, disimpan dan dikemaskini dengan tepat dan mengikut waktunya oleh penjaga/pembekal data dalam pangkalan data antarabangsa dan seterusnya menonjolkan pencapaian sebenar negara.



Mengenal pasti sasaran jangka pendek, pertengahan dan jangka panjang untuk memperbaiki skor dan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Laporan GII.

Dengan pemantauan berkala, diharap prestasi Malaysia dalam Laporan GII dapat diperbaiki dan mencapai kedudukan 20 teratas pada masa akan datang. Malaysia berada di tangga ke-36 mengikut Laporan GII 2022.

### Cadangan



Mewujudkan sistem bersepadu untuk memusatkan pengumpulan data daripada kementerian/agensi yang berbeza. Sistem ini juga akan berfungsi sebagai mekanisme berterusan untuk melindungi dan menganalisis data.



Untuk mereka semula soalan kaji selidik supaya data dapat dikumpul setiap tahun untuk memastikan ketepatan masa dan kesesuaian. Pada masa ini, data dikumpul setiap dua tahun.



Untuk menjalankan daya jangka bagi mengelak kemungkinan penurunan prestasi disebabkan oleh situasi yang belum pernah berlaku seperti pandemik, kemelesetan ekonomi dan ketidakstabilan geopolitik.

MOSTI bersama MIGHT kini sedang membangunkan sebuah model simulasi bagi membuat unjuran prestasi berasaskan bukti.



Bilangan bengkel

**2** (dijalankan oleh MOSTI)



Bilangan mesyuarat

**2**



Pengerusi Jawatankuasa MOSTI (Tonggak kedua)

**Profesor Dr Yvonne Lim Ai Lian FASc**



Tarikh selesai

**2025**

## THE NEXUS OF BIODIVERSITY CONSERVATION AND SUSTAINABLE SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT IN SOUTHEAST ASIA

Campaign for Nature (CFN) telah menugaskan ASM untuk menghasilkan laporan ringkas untuk mengkaji bagaimana negara anggota ASEAN boleh memberi tumpuan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti sebagai satu cara untuk mencapai *Sustainable Development Goals* (SDGs). Laporan tersebut tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi, bekalan air bersih, keterjaminan makanan, pembangunan luar bandar, pewujudan pekerjaan dan pembasmian kemiskinan.

Asia Tenggara merupakan salah satu kawasan biodiversiti tinggi di dunia yang mempunyai terumbu karang dan kawasan paya bakau yang berfungsi sebagai penyerap karbon yang efektif untuk planet ini.

Indeks *Biodiversity Intactness* menunjukkan bahawa negara-negara maju telah menghabiskan sumber semula jadi mereka. Namun begitu, Asia Tenggara masih mengekalkan biokepelbagaian dengan baik dan mempunyai kira-kira 80% daripada biodiversiti dunia.

Walau bagaimanapun, masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Asia Tenggara boleh menjadi agen perubahan dan contoh bagi pembangunan ekonomi melalui perlindungan alam semula jadi. Oleh itu, laporan tersebut bertujuan untuk menjadi sumber rujukan bagi perancangan serantau dalam memelihara biodiversiti dan menjana pembangunan ekonomi mampan di Asia Tenggara.

### Objektif



Untuk menilai keadaan terkini pemeliharaan biodiversiti di Asia Tenggara sejak *Rio Earth Summit 1992*.



Untuk mengenal pasti pemacu utama perubahan dan cabaran dalam usaha memelihara biodiversiti di rantau ini.



Untuk mewujudkan kesedaran tentang kesalinghubungan ekosistem-ekonomi dan nilai perkhidmatan ekosistem yang mampan.



Untuk mengkaji langkah dalam memastikan usaha pemeliharaan biodiversiti dipergiat seiring dengan pembangunan ekonomi yang mampan.

Objektif-objektif tersebut boleh dicapai melalui strategi komprehensif yang digariskan dalam sasaran pemeliharaan 30x30 *Global Biodiversity Framework*. Rangka kerja tersebut menyeru agar 30% daripada kawasan darat, kawasan air pedalaman serta kawasan pesisiran dan laut di bawah perlindungan dan pengurusan efektif menjelang 2030.

Laporan ini menggunakan Rangka Kerja *8i Nature-Centric Ecosystem* sebagai asas untuk mengkaji kekuatan dan kelemahan dalam landskap biodiversiti rantau ASEAN. Berdasarkan kajian tersebut, sembilan cadangan utama telah diusulkan untuk mengatasi kelemahan dan memastikan bahawa pembangunan sosio-ekonomi dan biodiversiti boleh wujud bersama demi kesihatan planet dan kesejahteraan rakyat Asia Tenggara.

Ringkasan laporan dan cadangan utama telah dibentangkan semasa *United Nation's Convention on Biological Diversity (COP-15)* pada bulan September 2022 di China. Laporan tersebut bertindak sebagai rujukan penting untuk perancangan rantau Asia Tenggara dalam usaha memelihara biodiversiti dan membentuk usaha sama pembangunan ekonomi yang mampan.



Imbas untuk  
baca



Penasihat Bersama

**Academician Emeritus Profesor Tan Sri Dr  
Zakri Abdul Hamid FASc**

**Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc**



Pengerusi Jawatankuasa Biodiversiti

**Dr Helen Nair FASc**

## PROJEK REHABILITASI & KONSERVASI GAMAT DI LANGKAWI

Kepupusan Gamat Emas (*Stichopus horrens*) di Langkawi telah memberi impak kepada industri gamat yang merupakan warisan dan juga tarikan pelancongan utama Langkawi. Sehubungan itu, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah mendapatkan bantuan MOSTI untuk mencari penyelesaian bagi isu ini. Lanjutan itu, pihak MOSTI telah mengamanahkan ASM untuk melaksanakan Projek Rehabilitasi dan Konservasi Gamat di Langkawi sebagai salah satu usaha di bawah *National Social Innovation Sandbox* (NSIS). Projek ini diterajui oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

Objektif projek ini adalah untuk memulih dan memelihara Gamat Emas di Langkawi bagi menjamin kemampanan industri dan biodiversiti gamat. Selain itu, projek ini juga bertujuan meningkatkan penggunaan teknologi tempatan dalam usaha pemeliharaan serta meningkatkan sosio-ekonomi Langkawi.

### Activities

Lawatan tapak ke *Centre for Marine and Coastal Studies* (CEMACS), Pulau Pinang bersama YBrs Dr K. Nagulendran, TKSU (T), MOSTI pada 22 April 2022.

Lawatan tapak ke CEMACS oleh YBhg Datuk Zainal Abidin Abu Hassan, KSU MOSTI pada 24 Mei 2022.

Lawatan tapak ke syarikat-syarikat gamat dan *Fisheries Research Institute* (FRI) di Langkawi bagi meninjau peluang kerjasama.

Mesyuarat dengan LADA untuk membincangkan projek gamat ini.



### Partners



### Dapatan

- Meningkatkan populasi gamat di perairan Langkawi.
- Meningkatkan hasil komersial yang membawa kebaikan kepada masyarakat tempatan dan Langkawi secara keseluruhan.
- Memelihara warisan dan meningkatkan sektor pelancongan Langkawi.
- Meningkatkan kesedaran tentang gamat.

Projek Gamat akan dijalankan di Langkawi sehingga tahun 2030. Projek ini bakal menyediakan solusi yang komprehensif dan mampan, dari sektor hulu ke sektor hiliran melalui empat sub-projek:

- Projek Pembiakan dan Pemulihan Gamat
- Projek Inovasi Sosial untuk Produk Berasaskan Gamat
- Projek Pemulihan Ekosistem
- Projek Pengklonan Gamat



Pengerusi SIG *Social Innovation*  
**Profesor Dato' Dr Aileen Tan Shau Hwai FASc**



Tarikh selesai  
**2030**



Dari kiri: Dr Abe Woo (Ahli YSN-ASM & Pensyarah Kanan CEMACS, USM), Encik Yusof (PSTI, MOSTI), Dato' Dr Aileen Tan Shau Hwai FASc & Ts Dr K. Nagulendran (Timbalan Ketua Setiausaha, Perancangan & Pembudayaan Sains, MOSTI) melawat CEMACS di bawah Program Inovasi Sosial MOSTI.



Gamat Emas (*Stichopus horrens*).



## PENILAIAN KELESTARIAN

### LEMBANGAN TASIK CHINI (LTC) DAN RIZAB BIOSFERA TASIK CHINI (RBTC)

Tasik Chini yang terletak lebih kurang 100 kilometer dari Kuantan, Pahang merupakan tasik air tawar kedua terbesar di negara ini. Tasik ini dianugerahkan dengan kekayaan biodiversiti tropika sehingga diiktiraf sebagai tapak rizab biosfera pertama di Malaysia oleh UNESCO di bawah program *Man and the Biosphere* (MAB) pada tahun 2009.

#### Objektif



Untuk meneliti dan mengenalpasti impak kelestarian sosioekonomi berikutan ancaman dan risiko berkaitan pembangunan di LTC yang sedia ada serta dalam perancangan.



Untuk melaksanakan semakan ringkas mengenai status biodiversiti dan ekosistem LTC dan RBTC.



Untuk menilai instrumen-instrumen tadbir urus semasa bagi LTC.



Untuk mencadangkan pendekatan yang bersesuaian bagi mempercepatkan proses pemulihan LTC dan RBTC.

Perbincangan bersama KeTSA telah diadakan pada 11 Februari 2022. Perbincangan adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai inisiatif memelihara dan memulihara yang telah dilaksanakan dan yang sedang dirancang oleh KeTSA. Perbincangan tersebut juga mendapatkan pandangan KeTSA mengenai projek-projek kritikal bagi kelestarian LTC dan RBTC.

ASM telah bekerjasama dengan KeTSA untuk membentangkan hasil kajian tersebut kepada Kerajaan Negeri Pahang. ASM turut meninjau peluang kerjasama dan pembiayaan dengan KeTSA untuk menjalankan kajian yang lebih teliti ke atas Tasik Chini terutamanya kualiti air dan hakisan tanah.

Cadangan yang telah diusulkan dibuat melalui perspektif tadbir urus, biofizik serta sosioekonomi untuk menambahbaik biodiversiti LTC dan RBTC. Cadangan tersebut memberi fungsi perkhidmatan dan kestabilan ekosistem yang penting kepada kawasan tersebut melalui rangka kerja pengurusan bersepadu hasil daripada kerjasama pemegang taruh. Laporan tersebut dijangka akan menjadi dokumen sokongan yang diguna pakai oleh pihak berkuasa negeri dan persekutuan dalam memastikan integriti dan kelestarian LTC dan RBTC sentiasa terpelihara.

Penglibatan dan persetujuan Kerajaan Negeri Pahang adalah penting kerana LTC dan RBTC terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tersebut. Oleh itu, ASM telah melibatkan Pejabat Setiausaha Negeri Pahang sebagai rakan kerjasama utama. Sehubungan itu, jaringan kerjasama yang kukuh antara ASM dan kerajaan-kerajaan negeri perlu dibangunkan dan dikekalkan untuk memastikan penglibatan dan persetujuan mereka dalam segala inisiatif ASM.

Pada bulan Februari dan Mac 2022, libat urus bersama Kerajaan Negeri Pahang telah diadakan untuk mendapatkan pandangan pemegang taruh utama LTC dan RBTC:

- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Pahang
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang (PLANMalaysia@Pahang)
- Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPSM)
- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Pahang
- Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang
- Pejabat Daerah & Tanah Pekan
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Pahang

Lawatan tapak dan tinjauan ke Tasik Chini telah diadakan untuk mengumpul maklumat primer dalam bentuk sampel biologi dan pemerhatian serta input daripada masyarakat tempatan.



Jumlah bengkel

1



Jumlah mesyuarat

8



Penglibatan

154 peserta



Pengerusi jawatankuasa

**Profesor Dato' Dr Mohd Tajuddin Abdullah FASc**



Tarikh selesai

**September 2022**


## JAWATANKUASA WEHAB++

Jawatankuasa WEHAB++ merangkumi Jawatankuasa Air, Tenaga, Kesihatan, Pertanian dan Biodiversiti, Ekonomi Biru, Pembangunan Bakat, Alam Sekitar, Pendigitalan dan Perubahan Iklim & Pengurangan Risiko Bencana. Penubuhan semula Jawatankuasa WEHAB++ telah dicadangkan oleh majlis ASM untuk mendepani cabaran dalam setiap bidang WEHAB++ daripada pelbagai perspektif. Sepuluh bidang jawatankuasa ini memberi kesan yang mendalam terhadap cara hidup, interaksi dengan alam semula jadi, dan masa depan manusia.

Jawatankuasa WEHAB++ boleh mengenal pasti keperluan dan keutamaan negara secara proaktif. Ini dilakukan dengan menjalankan kajian atau menyediakan kertas kerja mengenai isu-isu berkait yang berkepentingan kepada negara.

Di samping itu, jawatankuasa tersebut menyediakan input strategik, maklum balas, ulasan dan pandangan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan setiap bidang jawatankuasa. Rangkaian Pakar ASM dan pakar luar telah bekerjasama dalam menerokai idea, menyelidik konsep dan membangunkan kertas konsep untuk kelulusan STIPAC.

Pada tahun ini, ASM telah melaksanakan lima aktiviti keterlibatan yang diketuai oleh Jawatankuasa WEHAB++:



Bengkel Strategi Mitigasi untuk Harga Makanan yang Meningkatkan pada 2 Ogos 2022.

## ASM CHAPTERS

ASM *Chapters* telah ditubuhkan bagi menyatukan Jaringan Pakar ASM, komuniti saintifik dan pemegang taruh setempat untuk menjayakan visi dan misi ASM. ASM *Chapters* menganjur program dan aktiviti yang dirumus khas berdasarkan keperluan dan menyelesaikan isu masyarakat setempat melalui STIE. Dengan aktiviti ini, ASM berharap untuk meningkatkan keterlihatan dan penglibatan aktif komuniti saintifik setempat atau di peringkat negeri.

ASM *Chapter* Wilayah Utara telah menjalankan Program STEM *Youth* melibatkan 16 sekolah menengah dari kawasan utara. Program tahunan ini dijalankan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan pembelajaran berasaskan masalah. Pelajar telah dilatih melalui beberapa siri bengkel dan latihan untuk melengkapkan sebuah projek mini.


Manakala, ASM *Chapter* Sabah bersama dengan ASM telah menandatangani MoU dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Sabah pada 25 April 2022. MoU ini berfungsi sebagai jalinan kerjasama antara ASM dan KSTI untuk meneroka peluang bagi meningkatkan keupayaan program STI di Sabah. Selain itu, mereka juga telah mengadakan bengkel lima hari untuk membangunkan rangka kerja pelaksanaan penyelidikan untuk Program Penyelidikan dan Latihan Hutan Hujan Lembah Imbak (ICRRTP). Rangka kerja ini bertujuan untuk mempertingkatkan pembangunan dan kerjasama penyelidikan di Kawasan Pemeliharaan Lembah Imbak antara penyelidik Malaysia.


ASM *Chapter* Wilayah Selatan telah menganjurkan Forum Kesihatan Planet, ceramah STEM dan aktiviti latihan STEM bersempena dengan MSN Keluarga Malaysia di Kota Tinggi, Johor.

 Pengerusi *Chapter*  
Wilayah Pantai Timur:  
**Profesor Dato' Dr  
Jafri Malin Abdullah FASc**

 Pengerusi *Chapter*  
Wilayah Utara:  
**Profesor Dato' Ir Dr Abdul  
Rahman Mohamed FASc**

 Pengerusi *Chapter*  
Wilayah Selatan:  
**Profesor Datuk Dr  
Ahmad Fauzi Ismail FASc**

 Pengerusi  
*Chapter* Sabah:  
**Dr Rahimatsah  
Amat FASc**

 Pengerusi *Chapter*  
Sarawak:  
**Profesor Datuk Dr  
Jayum Anak Jawan FASc**



Majlis menandatangani MoU antara ASM dan KSTI.





MEMUPUK  
**BUDAYA**  
**KECEMERLANGAN**  
STIE DI MALAYSIA

## TOP RESEARCH SCIENTISTS MALAYSIA (TRSM)

Setiap tahun, ASM mengiktiraf penyelidik Malaysia yang unggul dengan *Top Research Scientists Malaysia*. Penerima TRSM merupakan penyelidik terkemuka dengan minda perintis untuk menggerakkan Malaysia ke arah ekonomi berasaskan inovasi. Program pengiktirafan ini dijalankan pada setiap tahun untuk membina rangkaian kritikal penyelidik Malaysia terkemuka.

Pada tahun ini, seramai 29 penyelidik telah diiktiraf melalui TRSM. Mereka menerima pengiktirafan ini semasa majlis pengumuman TRSM 2022 dari YB Dato' Sri Dr Adham Baba, Menteri MOSTI pada 20 September 2022. Sejurus itu, penerima TRSM mengambil bahagian dalam sesi induksi atas talian yang dijalankan pada 23 Ogos 2022. Sesi ini bertujuan bagi memberi pemahaman tentang fungsi ASM dan bagaimana penerima TRSM dapat memberi sumbangan kepada negara melalui ASM.

Selain daripada mengenal pasti saintis yang berpotensi, ASM turut menjalankan proses semakan semula penerima TRSM. Pangkalan data TRSM dikemaskini setiap tahun untuk mengekalkan senarai penyelidik yang aktif dalam tempoh tiga tahun.



Penerima *Top Research Scientists Malaysia* 2022 bersama dengan sijil dan plak mereka.



YB Dato' Sri Dr Adham Baba, Menteri MOSTI, menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.



Jumlah penerima TRSM  
(2012-2020)

**247**



Data dan Maklumat  
Lengkap Penyelidik

**6,149**



Top Research Scientists Malaysia 2022 semasa Majlis Penganugerahan Felo ASM dan Pengumuman TRSM pada 20 September 2022

### TRSM mengikut disiplin:



**61**  
Sains  
Kejuruteraan



**14**  
Sains Biologi,  
Pertanian dan  
Alam Sekitar



**11**  
Sains  
Perubatan dan  
Kesihatan



**14**  
Teknologi  
Maklumat  
dan Sains  
Komputer



**8**  
Matematik,  
Fizik dan  
Sains Bumi



**8**  
Sains  
Kimia



**7**  
Sains  
Sosial dan  
Kemanusiaan



**4**  
Pembangunan  
Sains &  
Teknologi dan  
Industri



Jumlah ahli TRSM  
yang aktif  
**127**

## MAKNA CANCER RESEARCH AWARD (MCRA) 2022

Selaku rakan strategik MAKNA, ASM telah menyumbang kepada proses pemilihan MCRA pada setiap tahun. Geran penyelidikan MCRA akan diberikan kepada Saintis Muda Malaysia yang telah memberi sumbangan kepada bidang penyelidikan kanser. Tujuan MCRA adalah untuk mempergiat penyelidikan kanser dalam kalangan Saintis Muda.



Dari kiri: En Vemmanah Appannah (Timbalan Pengurus Besar MAKNA), Profesor Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc (Ahli Majlis ASM), Academician Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc (Lembaga Pemegang Amanah MAKNA & Bendahari Kehormat ASM), Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc (Presiden ASM), Academician Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak FASc (Lembaga Pemegang Amanah MAKNA), Pn Farahida Mohd Farid (Pengurus Besar MAKNA), En Zainol Talib & En Rohaizad Ismail (Ahli EXCO MAKNA) di majlis penyampaian MCRA



Penerima MCRA berkongsi cadangan penyelidikan mereka dan menerima geran penyelidikan

### 50

Jumlah permohonan diterima

### 66

penyelidik menerima sejumlah RM2,017,035 dari tahun 2001 hingga 2022

### 3

Geran berjumlah RM121,681 telah diberikan kepada penerima pada tahun 2022:

1. **Profesor Madya Dr Ooi Ean Hin** (Monash University)
2. **Dr Lee Sau Har** (Taylor's University)
3. **Dr Phan Chia Wei** (Universiti Malaysia)



## THE MALAYSIAN CODE OF RESPONSIBLE CONDUCT IN RESEARCH (MCRCR)

MCRCR merupakan modul yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Integriti Penyelidikan Kebangsaan (NCRI) untuk menjadi salah satu instrumen penting bagi ahli akademik dalam menjaga etika dan tanggungjawab dalam menjalankan penyelidikan. MCRCR dibangunkan bagi meningkatkan daya saing negara, pembangunan dan inovasi dalam penyelidikan dan kekal sebagai pakar di mata masyarakat global.

Objektif program MCRCR ini adalah untuk menyemai sifat integriti dalam kalangan penyelidik dan saintis tempatan dan menggalakkan pelaksanaan dasar dan strategi yang efisien melalui ketelusan dan akauntabiliti dalam penyelidikan. Kod integriti nasional ini juga bertujuan untuk membuktikan bahawa penyelidik Malaysia bukan sahaja mempunyai kepakaran, pengetahuan, dan kemahiran tetapi juga mengamalkan etika dalam penyelidikan.

Pada tahun 2022, bengkel MCRCR yang pertama telah dijalankan secara fizikal di UCSI University pada 11 April 2022. Tenaga pengajar untuk bengkel latihan

ini adalah Dr Chau De Ming, Profesor Dr Abhimanyu Veerakumarasivam dan Profesor Madya Dr Chai Lay Ching. Seramai 40 peserta dari kalangan saintis dan penyelidik telah menyertai bengkel ini.

Selepas menyertai bengkel ini, peserta perlu mengambil ujian penilaian yang akan menguji pemahaman mereka tentang MCRCR. Ujian penilaian ini telah dilaksanakan pada 21 Mei 2022 di UCSI University dan 35 peserta telah lulus ujian penilaian dan menerima sijil akuan yang sah untuk tempoh lima tahun.

Modul ini penting untuk mengekalkan etika dan kebertanggungjawaban dalam menjalankan penyelidikan dan meningkatkan daya saing, pembangunan dan inovasi negara.

NCRI merancang untuk menjadikan bengkel dan penilaian MCRCR sebagai keperluan di universiti tempatan, terutamanya bagi penyelidik yang ingin memohon geran. Pengaplikasian MCRCR adalah amat penting untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam aktiviti penyelidikan.



Bilangan bengkel  
**1**



Bilangan mesyuarat  
**1**



Penyertaan  
**40**



Pengerusi Jawatankuasa Integriti Penyelidikan Kebangsaan  
**Academician Profesor Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusof FASc**



Peserta bengkel MCRCR yang dilatih oleh Dr Chau De Ming, Profesor Dr Abhimanyu dan Profesor Madya Dr Chai Lay Ching



## MINGGU SAINS NEGARA KELUARGA MALAYSIA (MSNKM) 2022

MOSTI telah menganjurkan Minggu Sains Negara Keluarga Malaysia (MSNKM) 2022 dengan tema “Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi” bermula dari bulan April hingga Oktober 2022. Inisiatif sains kebangsaan ini bertujuan untuk menyemai budaya sains, meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan STI dalam kehidupan harian dan menerapkan minat serta meningkatkan jumlah pelajar dalam subjek STEM. Pelbagai program di peringkat kebangsaan telah dijalankan secara kolaborasi antara pelbagai kementerian, kerajaan negeri, agensi kerajaan, sektor korporat, badan profesional dan masyarakat awam.

Program MSNKM telah dijalankan berdasarkan bidang fokus dalam bulan tertentu. Oleh itu, ASM selaku agensi peneraju untuk bulan April telah mengadakan program di bawah bidang fokus Kesihatan Planet. Pelbagai program dan bahan kandungan atas talian telah diwujudkan untuk mendidik masyarakat awam serta menyemai minat terhadap STEM.

ASM menerusi YSN-ASM telah melaksanakan lapan program sepanjang MSNKM 2022:

### Webinar Kesihatan Planet 1 April 2022

Webinar ini bertujuan memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai Kesihatan Planet serta faktor-faktor yang membawa kesan kepadanya. Sejumlah 375 penonton di Zoom dan 152 penonton di YouTube telah mengikuti webinar tersebut.



### Sesi Libat Urus YBM MOSTI Bersama YSN-ASM & Pelancaran Buku Modul Komunikasi Sains 26 APRIL 2022

Seramai 90 ahli YSN-ASM telah menghadiri program ini. Mereka berpeluang untuk berkongsi pandangan masing-masing mengenai landskap STI negara bersama YB Dato' Sri Dr Adham Baba sekali gus mengemukakan cabaran, kebimbangan dan kejayaan menerusi perspektif mereka.

Bersempena dengan sesi ini, YB Dato' Sri Dr Adham Baba juga telah melancarkan buku Modul Komunikasi Sains. Modul ini merupakan salah satu instrumen terbaik bagi membantu penyelidik dan saintis untuk menyampaikan ilmu sains, kaedah, pengetahuan dan penyelidikan kepada masyarakat dengan lebih efektif, tepat dan menarik.



Ahli YSN-ASM bersama YB Dato' Sri Adham Baba, Menteri MOSTI

## E-Games Kesihatan Planet

11 April to 27 April 2022

Objektif *e-games* ini adalah untuk menggalakkan pelajar meneroka subjek yang berkaitan dengan Kesihatan Planet, sekali gus meningkatkan pemahaman mereka terhadap subjek STEM. Terdapat 3 permainan *e-games* yang dijalankan setiap minggu:

Minggu 1: Kesihatan dan Penyakit Tidak Berjangkit  
Minggu 2: Perubahan Iklim dan Kesihatan Biodiversiti  
Minggu 3: Air dan Keterjaminan Makanan

Lebih 600 pelajar telah menyertai *e-games* ini.



## Borak Sains Ihya' Ramadan Tenggara

16 April 2022

Program yang dianjurkan di Bandar Tenggara, Johor ini telah dihadiri oleh 100 orang tetamu bagi meraikan anak yatim dalam masa yang sama membudayakan kesedaran sains kepada masyarakat. Borak Sains Ihya' Ramadan telah dilaksanakan dengan topik berikut:

- Sains dan Puasa
- Sains dan Zakat
- Sains dan Ibadah



YB Dato' Sri Dr Adham Baba, Menteri MOSTI, menghadiri sesi Borak Sains

## Karnival Sains MOSTI 2022

14 Mei 2022

Program ini telah diadakan di Kota Tinggi, Johor bagi meningkatkan minat terhadap sains dalam kalangan masyarakat setempat. YSN-ASM telah mengadakan beberapa aktiviti STEM antaranya, eksperimen Kebuk Awan, Permainan Langkah Matematik, dan sesi bual bicara bertajuk *Wireless Bridging System* untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat mengenai keperluan asas kepada sebuah sistem Internet.



Menteri MOSTI, YB Dato' Sri Dr Adham Baba, mempromosikan STEM kepada orang ramai di ruang pameran ASM

## Modul Pendidikan Sains Berdasarkan Inkuiri (Ibse)

2 Jun hingga 25 Ogos 2022

Latihan IBSE bersiri telah dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran guru STEM terhadap penggunaan kaedah IBSE dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka.

Bengkel IBSE YSN-ASM untuk guru STEM telah diadakan seperti berikut:

- Bengkel IBSE di ASM (bengkel persediaan) pada 2 Jun 2022
- Bengkel IBSE di Pusat Latihan Guru Dalam Perkhidmatan (PLDGP), Hutan Melintang pada 18 hingga 21 Julai 2022
- Bengkel IBSE di Pusat Bahasa Inggeris IPGK Dato Razali Ismail pada 25 hingga 28 Julai 2022
- Bengkel IBSE di Pusat Latihan Guru Dalam Perkhidmatan (PLDGP), Kulai pada 22 hingga 25 Ogos 2022



Pertandingan ini dibuka kepada pelajar berumur 13 hingga 17 tahun untuk mencabar keupayaan mereka supaya berfikir, mengenal pasti dan memahami masalah berkaitan Kesihatan Planet, serta menghasilkan cara penyelesaiannya dengan kreatif melalui video TikTok. Terdapat tiga pemenang utama, Anugerah Pilihan Ramai serta lima hadiah saguhati.



### Impak

Aktiviti ini telah mendapat sambutan dan penyertaan yang memberangsangkan, terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Pembelajaran sains terbukti boleh menjadi menyeronokkan walaupun secara maya menerusi aktiviti ini. Pelajar juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap sains terutamanya berkenaan Kesihatan Planet.

Aktiviti MSNKM 2022 bukan sahaja tertumpu kepada pelajar sekolah, malah turut terlibat juga saintis muda, penyelidik, guru, dan masyarakat awam. Hal ini penting bagi memupuk sains sebagai pendekatan seluruh negara (*whole-of-nation approach*). ASM bekerjasama dengan pelbagai organisasi termasuk institut pengajian tinggi dan masyarakat umum.

Video tentang Kesihatan Planet ditayangkan sepanjang MSNKM 2022 supaya mesejnya jelas disampaikan terutama sekali kepada pelajar sekolah.

YSN-ASM dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan program *Science & Arts @ Home* yang disertai oleh 100 pelajar. Kit eksperimen sains *slime* dan pasir jerlus telah dihantar ke rumah pelajar bagi membolehkan mereka melaksanakan aktiviti tersebut bersama dengan fasilitator YSN-ASM secara maya. Pelajar melaksanakan aktiviti tersebut sambil menjawab soalan kuiz sains.

Seramai 56 pelajar juga telah menyertai Pertandingan Poster Sains yang dianjurkan bersama program *Science & Arts @ Home*.



Seorang pelajar mencuba aktiviti tersebut dengan bantuan secara maya oleh YSN-ASM

### Cadangan



Untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti praktikal yang mempunyai kit eksperimen sains untuk pelajar sekolah.



Untuk menganjurkan aktiviti yang melibatkan pelajar universiti, sekolah menengah dan sekolah rendah. Ini akan menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan yang lebih luas, sesi mentor serta menggalakkan ciri-ciri kepimpinan.

## KAJIAN IMPAK NEWTON-UNGKU OMAR FUND (NUOF)

NUOF telah dilancarkan pada tahun 2014 sebagai sebuah kolaborasi sains dan inovasi antara United Kingdom dan Malaysia. Tujuan utama kolaborasi dana ini adalah untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan Malaysia menerusi penyelidikan asas dan *translational*, serta melalui aktiviti pembangunan kapasiti.

ASM, sebagai salah satu rakan kongsi tempatan yang dilantik oleh MIGHT, telah melaksanakan tujuh program NUOF yang merangkumi 62 projek dengan jumlah peruntukan sebanyak RM18 juta. Program tersebut telah berakhir dengan kejayaan 61 projek dan satu projek yang ditamatkan. Kesemuanya telah dicapai dalam tempoh tujuh tahun sepanjang berkolaborasi bersama lima rakan strategik UK yang terkenal.

Aktiviti di bawah Program NUOF adalah seperti berikut:

Meningkatkan kapasiti komuniti sains dan inovasi Malaysia melalui perkumpulan, skim mobiliti dan pusat bersama.

Menjalinkan kerjasama penyelidikan mengenai topik pembangunan.

Menubuhkan rakan inovasi dan dana cabaran untuk membangunkan penyelesaian inovatif mengenai topik pembangunan.

Impak projek ini yang diuruskan oleh ASM diukur melalui Bengkel Analisis Impak NUOF untuk mengumpul pengeluaran dan hasil projek NUOF daripada penerima dana.

Menurut data yang diperolehi, majoriti penerima NUOF berpuas hati dengan projek mereka dan berharap program sebegini dapat diteruskan bagi membantu penyelidik muda dalam membentuk rangkaian dan hubungan mereka dengan pakar antarabangsa. Menerusi projek NUOF ini, penyelidik daripada Malaysia dan UK telah bekerjasama untuk meluaskan kapasiti masing-masing serta mempatenkan penemuan penyelidikan mereka. Ini sekali gus menjadi dasar kepada pembangunan polisi di masa akan datang serta memperbaiki kaedah penyelidikan dan proses teknologi masa kini.

Pada masa akan datang, program NUOF boleh diperluaskan dan model dana padanan yang sama boleh ditubuhkan bersama negara-negara industri lain. Inisiatif ini akan membantu penyelidik tempatan dengan memberi mereka pendedahan kepada kemudahan bertaraf antarabangsa dan meningkatkan daya saing dalam penyelidikan berimpak tinggi.

## MESYUARAT KE-71 *LINDAU NOBEL LAUREATE*

ASM telah menghantar enam saintis muda Malaysia bagi menghadiri Mesyuarat ke-71 *Lindau Nobel Laureate* di Jerman bermula 26 Jun 2022 hingga 1 Julai 2022. Fokus mesyuarat tahun ini adalah dalam bidang Kimia yang menampilkan 35 pemenang *Nobel*. Ini merupakan platform kepada saintis muda untuk berinteraksi bersama mereka. Sepanjang mesyuarat ini, pemenang *Nobel* tersebut berkongsi mengenai penyelidikan mereka, pembangunan profesional dan mengadakan sesi perkongsian bersama para peserta dari seluruh dunia.

### Hasil

- Terdapat pelbagai aktiviti yang mengumpulkan para peserta untuk berinteraksi dengan *Nobel Laureate*.
- Para peserta pulang dengan lebih bersemangat dan dengan pandangan yang lebih jelas mengenai bidang masing-masing.
- Konsep terbuka dan santai mesyuarat tersebut membolehkan mereka berhubung dan berkongsi hasil kerja dengan rakan penyelidik lain.

Peserta terdahulu berpendapat bahawa mesyuarat *Lindau Nobel Laureate* ini memberi pengalaman menarik yang membolehkan mereka berkongsi dan bertukar pendapat sesama rakan penyelidik dalam bidang yang sama. Maklum balas positif ini mendorong lebih banyak saintis muda untuk mengikuti jejak langkah pemenang *Nobel* tersebut dan memohon program ini. *Council Lindau* juga sentiasa berusaha ke arah penganjuran program yang berkesan.

**79** peserta sejak tahun 2004.



Beberapa saintis muda Malaysia yang terpilih di mesyuarat ke-71 *Lindau Nobel Laureate* yang diadakan di Jerman pada 26 Jun – 1 Julai 2022



## MAJLIS PENGANUGERAHAN FELO ASM DAN PENGIKTIRAFAN PENERIMA TRSM 2022

Jaringan pakar ASM yang berpengalaman luas, berdedikasi dan bijaksana sentiasa bersedia untuk menyumbang kepakaran mereka dalam program ASM demi kemajuan STIE negara. Kini, ASM mempunyai 917 pakar yang kian bertambah saban tahun.

Pada tahun ini, ASM telah melantik Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc dan Emeritus Profesor Tan Sri Dato' Dzul kifli Abdul Razak FASc sebagai Felo Kanan untuk tahun 2022. Anugerah Felo Kanan ini diberikan kepada individu yang telah memberikan sumbangan yang signifikan dan menunjukkan kepimpinan yang unggul di ASM, pada peringkat nasional dan antarabangsa. Felo Kanan akan membawa gelaran "*Academician*" pada awal nama mereka. 39 Felo baru lain yang dipilih juga telah diberi penganugerahan di Majlis Penganugerahan Felo ASM pada 20 September 2022 tersebut. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Dr Adham Baba, Menteri MOSTI.



Felo tahun ini di Majlis Penganugerahan Felo ASM yang berlangsung pada 20 September 2022



Bendahari Kehormat ASM, Datin Paduka Setia Dato' Aini Ideris FASc, telah dilantik sebagai Felo Kanan tahun 2022



Emeritus Profesor Tan Sri Dato' Dzul kifli Abdul Razak FASc dilantik sebagai Felo Kanan tahun 2022



Felo Baru  
**39**



Bilangan Felo ASM  
setakat ini  
**451**

ASM telah melaksanakan Inisiatif *ArtScience™* ASM sejak tahun 2019 untuk menggalakkan penghayatan seni ke arah pembudayaan sains di Malaysia. Inisiatif ini akan menjadi pemangkin untuk memupuk kreativiti dan menggembeng minat dan aktiviti baru yang menggabungkan seni dan sains di antara pemuzik, jurutera, antropologi, pereka, arkitek dan lain-lain.

### 2022 ASM ArtScience Prize

*ArtScience Prize 2022* ASM merupakan pertandingan yang diadakan pada setiap dua tahun sekali bagi meraikan dan membudayakan penghasilan karya yang menyatukan seni dan sains. Pertandingan ini merupakan hasil kolaborasi bersama ASM, *Maybank Foundation* serta; UM, USM, *Toccata Studios*, Balai Seni Negara (BSN), Universiti Multimedia (MMU), Yayasan TM, *Monash University* dan UiTM sebagai rakan strategik.

### Forum “Kesihatan Planet melalui Lensa ArtScience”

Sebuah forum yang membincangkan hubung kait antara Kesihatan Planet dan *ArtScience* yang menampilkan Dr Roslina Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana *ArtScience Prize 2022*, Profesor Madya Dr Jalaini Abu Hassan dari UiTM, Dr Mohd Shahrul Azmi Mohamad Yusoff dari SIRIM, dan Dr Lim Teck Wyn dari Resource Stewardship Consultants Sdn Bhd.

Bilangan  
mesyuarat



2 Mesyuarat Jawatankuasa Induk

6 Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana *ArtScience Prize 2022*

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Inisiatif ArtScience ASM:



**Academician Profesor Emerita Tan Sri  
Dato' Seri Dr Mazlan Othman FASc**

### Kesihatan Planet melalui Lensa ArtScience di Fresh Brew @ RTM2

Dr Roslina Ismail dan pemenang *ArtScience Prize 2020*, Dr Ahmad Hanif Ahmad Baharin, telah ditemu ramah dalam Fresh Brew di slot RTM2 pada 27 November 2022 untuk meningkatkan kesedaran mengenai konsep *ArtScience* dan *ArtScience Prize 2022*. Temu ramah ini telah berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai konsep *ArtScience*.

Inisiatif *ArtScience* ASM telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan 8 institusi yang lain, begitu juga dengan menggunakan media massa untuk meningkatkan keterlihatan dan promosi pertandingan tersebut. Meskipun begitu, pembentukan jalinan hubungan strategik dengan institusi dan yayasan tempatan telah meningkat secara positif.

Inisiatif *ArtScience* ASM akan terus menjalin kerjasama strategik dengan organisasi tempatan dan antarabangsa untuk meningkatkan kesedaran dan minat dalam kalangan mereka yang bekerja dalam bidang yang hubung kait dengan sains dan seni.



Forum Kesihatan Planet melalui Lensa *ArtScience* secara hibrid di Studio ASM.



# AKAN DATANG PAMERAN ArtScience ASM



Kesehatan Planet melalui Lensa ArtScience





MEMBANTU DALAM  
**MENAIK TARAF  
KEUPAYAAN  
TEKNOLOGI**  
SEKTOR PERINDUSTRIAN MALAYSIA

## MALAYSIA SCIENCE ENDOWMENT (MSE)

Penubuhan MSE adalah cadangan daripada ASM yang telah diambil dan dilaksanakan oleh MOSTI menerusi DSTIN 2021-2030. Ia telah diluluskan di Parlimen pada Ogos 2022.

Usaha untuk menjenamakan Kumpulan Wang Amanah - Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan (KWA-MSPK) kepada Kumpulan Wang Amanah - *Malaysia Science Endowment* (KWA-MSE) telah diluluskan di Parlimen pada 4 Ogos 2022, melambangkan penubuhan MSE. Ini akan membawa ASM selangkah ke hadapan ke arah memenuhi peranannya sebagai "*Think and Do Tank*".

### Objektif



Untuk membantu menaik taraf kebolehan teknologi bagi sektor industri Malaysia



Untuk meningkatkan jaringan dan kerjasama antarabangsa

Perancangan strategik MSE berpaksikan kepada komponen-komponen berikut:

#### Kemampuan dana alternatif

Pembiayaan untuk RDICE di Malaysia amat bergantung kepada kerajaan. Oleh itu, MSE berhasrat mengurangkan beban kerajaan dengan merealisasikan MSE sebagai dana kekal untuk pembiayaan alternatif daripada mekanisme pembiayaan sedia ada.

#### Kerjasama industri dan antarabangsa

Demi memupuk budaya R&D di industri, MSE berhasrat untuk berkerjasama dengan pemain industri melalui projek-projek R&D yang diterajui oleh industri. Selain itu, MSE bakal tampil secara aktif di platform-platform antarabangsa bagi menjalin kerjasama antarabangsa dan mengusahakan peluang untuk dana padanan.

#### Pembangunan Bakat

MSE berhasrat untuk mengukuh keupayaan STI negara dengan melahirkan bakat-bakat dalam '*deep tech*' dan '*future skills*' yang selaras dengan saranan 10-10 MySTIE.

Tahun ini, ASM menerima kunjungan hormat daripada AT&S, sebuah syarikat Austria yang mereka dan menghasil papan litar bercetak berkualiti tinggi dan substrat litar bersepadu (IC). Selaras dengan pembinaan kilang penghasilan baharu di Kulim, Kedah, prospek dan cabaran dalam pembangunan STI telah dibincangkan semasa lawatan AT&S ke ASM. ASM turut memanjangkan jemputan untuk bekerjasama dengan AT&S memandangkan kerjasama ini menyahut kerangka 10-10 MySTIE dalam memastikan Malaysia menjadi Negara Berteknologi Tinggi menjelang tahun 2030.

Bank Pembangunan Islam (IsDB) merupakan sebuah bank pembangunan pelbagai hala yang berhasrat menubuhkan ekosistem vaksin halal untuk memanfaatkan negara-negara ahlinya. Bagi menjadikan Malaysia sebagai pencipta ekosistem vaksin halal yang mampan, ASM sedang berusaha untuk memperoleh tawaran IsDB. Ekosistem vaksin halal boleh dilaksanakan di Malaysia melalui kerjasama antara ASM dengan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI), syarikat-syarikat farmaseutikal, dan agensi-agensi lain. Pandemik ini telah mencipta peluang untuk memberi tumpuan kepada R&D, terutamanya penyakit zoonotik. Kolaborasi ini boleh dijadikan sebagai kajian kes pengoperasian MSE.

Pelancaran MSE dijangka berlangsung pada tahun 2023 di mana laman sesawang yang interaktif dan menyeluruh akan diperkenalkan untuk memaklumkan orang awam tentang perkembangan MSE.

Untuk menerajui rangka kerja kolaboratif berdasarkan model *quadruple helix*, MSE berhasrat untuk mengalu-alukan lebih banyak rakan usaha untuk memastikan kemajuan ekosistem STI yang mampan.

i-Connect merupakan jaringan kolaboratif yang diterajui oleh industri bagi mewujudkan ekosistem inovasi yang kondusif melalui rangka kerja *quadruple helix* yang terdiri daripada industri, penyelidik, kerajaan, dan masyarakat sivil. Sasaran i-Connect adalah untuk mendorong industri Malaysia menerapkan elemen Sains & Teknologi, membangunkan produk tempatan yang berinovasi dan juga memberikan penyelesaian dalam:

Menubuhkan jaringan kolaboratif inovasi disruptif (produk/perkhidmatan/model perniagaan baharu) dalam sektor industri yang strategik di Malaysia untuk memanfaatkan peluang ekonomi baharu bagi membangunkan pasaran baru dan meluaskan capaian global.

Membangunkan kluster pengetahuan dan hab bakat industri yang rakyat Malaysia boleh berhubung ke arah ekonomi berasaskan inovasi.

Memperkasa Penyelidikan & Pembangunan (R&D) berasaskan keperluan dan sistem penyampaian berpandukan pasaran ke arah meningkatkan kapasiti inovasi Malaysia.

Menentu dan memacu penambahbaikan ekosistem dalam sektor kumpulan fokus.

## Membangunkan Rangka Kerja Tahap Kesediaan Inovasi (IRL)



Sesuatu instrumen yang digunakan oleh i-Connect untuk menilai, mengukur dan memantau projek. Ia juga menjelaskan ketidakpastian serta proses inovasi.



Rangka kerja ini menunjukkan gambaran keseluruhan dan fasa-fasa yang perlu ditangani sepanjang aktiviti-aktiviti inovasi.



Model IRL merangkumi tiga bidang utama pembangunan inovasi iaitu:

- Tahap Kesediaan Teknologi (TRL);
- Tahap Kesediaan Perniagaan (BRL); dan
- Tahap Kesediaan Pengkomersialan (CRL)

Jawatankuasa Pemandu i-Connect telah mencadangkan untuk melaksanakan pendekatan Kembar Digital (“Digital Twin”) serta strategi *Moonshot* ke dalam ekosistem bagi setiap sektor. Strategi *Moonshot* membantu entiti neutral (NEs) dalam menghasilkan projek-projek yang menyokong ekosistem bidang fokus tertentu yang boleh digabungkan dengan projek kolaboratif lain. Strategi *Moonshot* berorientasikan misi ini boleh memperkasakan rantaian dalam ekosistem tersebut dan menghasilkan nilai yang lebih tinggi kepada negara.

Pada masa akan datang, i-Connect akan meningkatkan kerjasama baharu dengan rakan strategik seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Penglibatan JAKIM memainkan peranan penting dalam sektor Rantaian Bekalan Halal manakala penglibatan MyIPO dapat membantu i-Connect dalam mendapatkan khidmat nasihat dalam permohonan kelulusan paten, tanda dagang dan hak cipta bagi melindungi harta intelek sebelum dikomersialkan.

i-Connect bertujuan untuk memastikan peralihan yang lancar oleh entiti *Technology Commercialisation Accelerator* (TCA) dan bagi menentukan sektor-sektor baharu yang boleh diselaraskan dengan empat sektor semasa itu.

## Aktiviti:

Mesyuarat Kelulusan Projek dan Jawatankuasa Pemandu - 15 Disember 2022



Mesyuarat Pemantauan Projek - Setiap bulan



Pelantikan wakil MRANTI bagi setiap sektor - 3 Februari 2022



Pelantikan Ketua Pengarah Eksekutif (KPE) MRANTI sebagai ahli Jawatankuasa Pemandu - 22 November 2022



Bengkel Tahap Kesediaan Inovasi (IRL) - 22-23 Disember 2022



## PLATFORM SAINS TERBUKA MALAYSIA (MOSP)

MOSP merupakan inisiatif yang telah dilancarkan untuk mengumpul dan menyatukan data mentah penyelidikan yang merupakan aset berharga negara di dalam satu platform yang membenarkan perkongsian data dan akses berdasarkan prinsip FAIR (*Findable, Accessible, Interoperable, Reusable*).

### Dapatan:

**40** penyelia data telah dilatih di bawah latihan *Data Stewardship on Open Science*

Seramai **201** penyelia data telah dilatih setakat 31 Disember 2022.

Latihan juga kini bertambah kepada modul domain tertentu. Sebagai contoh, modul latihan ASM telah dimasukkan dalam FAIR *Biodiversity Data Stewardship* yang dijalankan oleh Universiti Malaya.

**1** Satu Laporan Landskap Sains Terbuka di Malaysia telah diterbitkan.



**2** Satu Garis Panduan MOSP tentang Sains Terbuka dalam Penyelidikan Biayaan Awam telah dihasilkan.



**4** Dua buah agensi kerajaan (MASTIC & MAMPU) telah bersetuju untuk bekerjasama bagi menjayakan inisiatif MOSP.

**3** Lima buah universiti penyelidikan telah bersetuju untuk bekerjasama bagi menjayakan inisiatif MOSP.



Salah satu cabaran MOSP adalah untuk meningkatkan kadar peserta yang menamatkan program Latihan *Data Stewardship on Open Science*. MOSP mencatatkan purata 60% jumlah peserta yang berjaya menamatkan latihan pada tahun 2022. Dengan membenarkan penyertaan daripada lebih ramai peserta, kadar peserta yang menamatkan latihan tersebut akan meningkat. MOSP juga telah menambah lebih banyak penceramah dan meluaskan lagi tahap penyebaran bagi meningkatkan capaiannya.



AKAN DATANG.  
PELANCARAN  
**PLATFORM  
SAINS  
TERBUKA  
MALAYSIA**







MENGGALAKKAN  
**KESEDARAN**  
**AWAM**  
BAGI MEMAHAMI SAINS

# NATIONAL SCIENCE CHALLENGE

NSC bertujuan untuk memupuk, menggalakkan dan meningkatkan minat pelajar untuk menerokai subjek STEM. Pertandingan ini juga bertujuan menyemai dan memupuk minat pelajar untuk memilih kerjaya dalam bidang STEM pada masa hadapan.

## Peringkat awal

13 hingga 16 Jun 2022

- 60 soalan aneka pilihan meliputi subjek Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik.
- Pelajar sekolah akan menjawab kuiz di atas talian selama satu jam dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Disertai oleh **3,895** pasukan.

## Peringkat Negeri

1 hingga 24 Julai 2022

- Disertai oleh 75 pasukan.

## Peringkat Akhir

20 Oktober 2022

- Lima pasukan teratas telah dicabar dengan kuiz sains dan pusingan pembentangan prototaip.
- Juara: Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Jit Sin Pulau Pinang

## Peringkat Separuh Akhir

3 hingga 27 Ogos 2022

- Pasukan tersebut telah menghadiri enam sesi syarahan, empat bengkel dan dua ceramah industri.

Melalui aktiviti yang dijalankan dalam NSC, peserta telah menimba ilmu pengetahuan daripada idea baharu, trend dan kehendak yang berkaitan dengan subjek STEM. NSC juga telah meningkatkan kesedaran mengenai sains serta menunjukkan kepada pelajar sekolah yang turut menyaksikan peringkat akhir NSC bahawa sains itu menyeronokkan.



Jumlah sekolah  
**412**

Sekolah bandar  
**342**

Sekolah luar bandar  
**70**



Jumlah peserta  
**11,685**



**39.94%**  
Lelaki



**60.06%**  
Perempuan



**5.5x** ganda peningkatan dalam penyertaan tahun ini berbanding tahun lepas.

#### Cadangan:

- Untuk meningkatkan penyertaan sekolah, terutamanya sekolah luar bandar.
- Untuk menambah aktiviti baharu NSC setiap tahun seiring dengan kurikulum STEM semasa.

#### Penambahbaikan yang telah dilaksanakan:

Anugerah baharu telah diperkenalkan untuk pelajar di setiap peringkat seperti berikut:

- 750 pelajar terbaik seluruh negara telah dianugerahkan Sijil Pencapaian atas pencapaian cemerlang mereka. Terdapat tiga kategori iaitu Emas, Perak dan Gangsa.
- Anugerah Sekolah Hijau.
- Anugerah Inovasi Terbaik

#### Rakan strategik baharu:

- > Persatuan Sains Matematik (PERSAMA)
- > MYSTEM *Ambassador*
- > *Global Environment Centre* (GEC)
- > Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI)  
Melalui kolaborasi dengan KSTI, NSC Peringkat Negeri Sabah telah diadakan pada 16 hingga 17 Julai di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk meningkatkan kesedaran dan minat terhadap STEM dalam kalangan pelajar Sabah.
- Komponen baharu diperkenalkan seperti berikut:  
Pelajar perlu memperkenalkan Prototaip Inovasi Hijau dengan membina prototaip sebenar berdasarkan tema Pengurusan Air untuk menyelesaikan isu di sekolah mereka. Lima pasukan terbaik dengan prototaip telah dianugerahkan wang tunai, manakala juara untuk prototaip Inovasi Hijau telah dianugerahkan Geran *National River Care Fund* (NRCF) untuk melaksanakan prototaip yang dicadangkan pada skala yang lebih besar dan dikehendaki menyerahkan laporan dalam tempoh enam bulan.



Datuk Ts Dr Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI dan YB Dato' Sri Dr Adham Baba, Menteri MOSTI bersama Pemenang NSC 2022.

#### Cabaran:

- Memastikan pelajar dapat berinteraksi dengan baik semasa kem sains secara maya di Peringkat Separuh Akhir. Aktiviti secara maya perlu dijalankan dengan kaedah yang lebih menarik berbanding dengan aktiviti fizikal.
- Tempoh masa kuliah dan bengkel sains perlu dibahagikan secara sama rata untuk memastikan pelajar boleh berinteraksi dan memberi tumpuan yang sepenuhnya sewaktu kem sains secara maya tersebut.

#### Berikut adalah perancangan masa hadapan untuk NSC:

- Untuk berkolaborasi dengan DidikTV di bawah KPM untuk mempromosikan dan menyiarkan NSC Peringkat Akhir 2023.
- Meningkatkan kerjasama yang erat dengan semua pemegang taruh NSC seperti KPM, Majlis Amanah Rakyat (MARA) and Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).
- Memperbanyakkan aktiviti secara praktikal semasa aktiviti kem sains secara maya di Peringkat Separuh Akhir.
- Pemenang akan menyertai lawatan kajian ke Jepun pada bulan Mei 2023.

ASM telah diamanahkan oleh MSAF untuk menjalankan proses penilaian MSA. MSA 2022 terbuka kepada kategori Perubatan Tropika dan Sumber Asli Tropika. Hasilnya, Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biakbaka (ABBC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah dipilih sebagai pemenang bagi MSA 2022. ABBC, MPOB telah diberi penganugerahan di atas daya jangkanya dalam meneroka potensi plasma germa minyak sawit sebagai sumber penting untuk memacu nilai sosioekonomi industri kelapa sawit di peringkat nasional dan global.

### 25 April

Satu pencalonan daripada Sumber Asli Tropika telah disyorkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemandu Anugerah Sains ASM dan penilaian lanjut oleh IAP.



### 17 Mac

Sebanyak 22 pencalonan telah diterima daripada MSAF. Empat pencalonan daripada Perubatan Tropika dan Sumber Asli Tropika telah disenarai pendek untuk penilaian lanjut.



### 9 hingga 19 Ogos

Undian atas talian oleh Felo ASM telah dijalankan.



### 9 Mei hingga 31 Julai

Dua IAP telah memberi ulasan penilaian mereka mengenai pencalonan yang disyorkan.



### 3 Oktober

Mesyuarat Lembaga Pengarah MSAF telah bersetuju dengan ABBC, MPOB sebagai pemenang.



### 19 September

EXCO ASM bersetuju dengan keputusan Latihan Pemilihan MSA 2022.



## TEMA PERTANDINGAN MENULIS ESEI ANTARABANGSA “SCIENCE FOR YOUTH” 2022: PERANAN SAINS DALAM PEMBANGUNAN & KELESTARIAN KAWASAN TROPIKA

Pertandingan esei antarabangsa ini berhasrat untuk menarik minat golongan muda untuk menunjukkan penghargaan mereka terhadap kawasan tropika dan menjelaskan bagaimana sains boleh meningkatkan taraf hidup di kawasan tropika. MSAF menyokong penuh penglibatan belia dalam sains, khususnya untuk peningkatan kualiti hidup di negara asal mereka. Oleh itu, MSAF dengan kerjasama ASM telah menganjurkan pertandingan esei antarabangsa ini dengan tujuan meneliti pemikiran orang muda tentang cara mereka melihat tropika dan bagaimana sains boleh meningkatkan kehidupan di kawasan tropika tersebut.

### Objektif:



Meningkatkan kesedaran dan pemahaman belia tentang peranan sains dalam membangunkan kawasan tropika.



Menggalakkan perbincangan dalam kalangan belia tentang faedah dan cabaran hidup di kawasan tropika.




Meluaskan demografi yang mendapat manfaat daripada aktiviti MSAF dan rakan kerjasamanya.

Pertandingan ini dibuka dari 17 Mei hingga 22 Ogos 2022 kepada peserta yang berumur antara 13 hingga 18 tahun pada tahun tersebut. Penyertaan dinilai oleh empat orang juri bagi setiap kategori. MSAF telah menerima sebanyak 465 penyertaan dari Malaysia, serta negara lain seperti Brazil, Nigeria, Filipina dan Zambia. Selain daripada memenangi wang tunai, esei daripada pemenang juga dipaparkan di portal e-estidotmy.

Pada masa akan datang, acara susulan selepas pertandingan boleh diadakan untuk meningkatkan kemahiran peserta. Academician Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak FASc telah menawarkan untuk menganjurkan bengkel penulisan bersama Jabatan Bahasa Inggeris UIAM.

*e-estidotmy*  
Enriching Minds Through STEM



Imbas kod QR untuk  
mengetahui lebih lanjut

ASM telah menganjur FAScinate bagi meningkatkan pemahaman dan penghayatan masyarakat umum ke arah STIE. Penceramah yang dijemput adalah dalam kalangan Jaringan Pakar ASM sendiri. Selain bertindak sebagai 'Peranan Model', mereka juga berkongsi tentang pencapaian dan perjalanan peribadi mereka untuk memperoleh pengetahuan.

Jumlah bilangan penceramah setakat ini: **29**

Bilangan penonton di Youtube channel ASM **2,615**



**FAScinate 1 Jun 2022**      **FAScinate 22 November 2022**  
Kesihatan Planet      Biodiversiti Keperisian



***Our Malaysian Tin Industry: to Mine or to Mind***  
Encik Teoh Lay Hock FASc  
Malaysian Chamber of Mines



***The Death of Seri Gulum Dragon in Tasik Chini Basin***  
Profesor Dato' Dr Mohd Tajuddin Abdullah FASc



***Groundwater, The Hidden Blue Gold of the Ages: The S&T Behind It***  
Encik Loganathan Ponnambalam FASc



***What Makes Ice Cream Smooth and Creamy?***  
Profesor Dr Lim Phaik Eem  
Universiti Malaya



***Between Global Warming and Coral Eating Snails – are Coral Reefs at Risk?***  
Dr Nursalwa Baharuddin  
Universiti Malaysia Terengganu



***Eyes in the Sky, Boots on the Ground: Using Satellites to Better Manage Our Forests***  
Dr Nur Hazwani Abdul Bahar  
Tropical Rainforest Conservation and Research Center



***Healing Our Coastlines with Ecological Engineering***  
Dr Chee Su Yin  
Universiti Sains Malaysia



***Conserving Endangered Species with Artificial Intelligence (AI)***  
Dr Afnizanfaizal Abdullah  
Synapse Innovation Sdn Bhd

## Science and Spirituality in Pursuit of Planetary Health

Masyarakat umum kini menyaksikan kemerosotan alam semula jadi secara global yang belum pernah berlaku sebelum ini. Kesihatan ekologi yang semakin merosot ini juga telah menarik perhatian masyarakat dunia untuk menangani isu Kesihatan Planet dengan lebih seimbang dan menyeluruh. Sehubungan itu, kita perlu melindungi dan memelihara alam sekitar kita secara aktif untuk mewujudkan ekosistem ekonomi yang berdaya saing dan inovatif demi Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

Tema ideaXchange ke-36 yang diadakan pada 22 Mac 2022 adalah *Science and Spirituality in Pursuit of Planetary Health*. Sesi kali ini membincangkan peranan sains dalam menyelesaikan masalah atau krisis. Ia juga mengesahkan bahawa pengaruh kerohanian adalah penting dalam menzahirkan sikap dan tingkah laku seseorang terhadap alam semula jadi.

Sesi secara atas talian ini telah mencapai lebih daripada 500 peserta serta lebih daripada 600 penonton

### Ahli panel:



**Academician YM  
Datuk Dr Tengku  
Mohd Azzman FASc**  
(Moderator)



**Emeritus Profesor Datuk  
Dr Osman Bakar FASc**  
(Scene-setter)

Profesor & Penyandang  
Kursi Al-Ghazali dalam  
Bidang Epistemologi dan  
Pengajian dan Pembaharuan  
Ketamadunan, ISTAC,  
Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia (UIAM)



**Profesor Dr Mahendhiran  
Sanggaran Nair FASc**

Pro Naib Canselor,  
Penglibatan & Impak  
Penyelidikan, Sunway  
University



**Profesor Datuk Azizan  
Baharuddin**

Pengarah Pusat Dialog  
Peradaban, UM &  
Penyandang Kursi  
Kelestarian UKM-YSD



**Profesor Ir Dr Ewe  
Hong Tat FASc**

Presiden/KPE, Universiti  
Tunku Abdul Rahman  
Malaysia



## PERHIMPUNAN

### AGUNG KE-14

#### *Blue Economy: Unlocking the Value of Our Oceans*

Lautan merangkumi lebih kurang 71% permukaan bumi. Mereka mewakili perspektif ekonomi baharu iaitu Ekonomi Biru yang sebahagian besarnya didorong oleh permintaan yang semakin meningkat untuk sumber makanan, pekerjaan dan peluang ekonomi yang baharu dan mampan daripada sumber lautan.

Perhimpunan Agung ke-14 telah diadakan pada 29 Ogos 2022 untuk membincangkan tajuk *Blue Economy: Unlocking the Value of Our Oceans*. Bagi merealisasikan sepenuhnya potensi Ekonomi Biru di Malaysia, sektor awam & swasta serta komuniti perlu bekerjasama untuk memudahcara pembangunan platform kolaboratif dan kreatif. Kerjasama ini akan menjana ROV yang lebih baik daripada lautan dan sumber marin.

#### Ahli panel:



**Profesor Dr Mahendhiran Sanggaran Nair FASc**

(Moderator cum Scene-setter)

Pro Naib Canselor,  
Penglibatan & Impak  
Penyelidikan, Sunway  
University



**Emeritus Profesor Dr Phang Siew Moi FASc**

Pengerusi Jawatankuasa  
Ekonomi Biru ASM,  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Pasca  
Graduan) UCSI University



**Profesor Dato' Dr Nor Aieni Haji Mokhtar**

Felo Kehormat, INOS  
UMT, Felo Kehormat  
MIMA, Lembaga  
Penasihat *UN Decade*,  
*IOC-UNESCO*



**Encik Soo Jee Main**

Presiden, Persatuan Industri  
Marin Malaysia (AMIM)




Jumlah  
penonton FB

**648**



Jumlah  
peserta Zoom

**278**







Ahli **257**      Ahli gabungan **103**      Ahli kehormat **20**      Alumni **110**

Pengerusi YSN-ASM kini merupakan ahli Majlis Sains Negara yang akan mewakili suara Saintis Muda Malaysia.

Seramai 45 finalis daripada *Chrysalis Award* sejak 2020-2022 telah menyertai program pemeraksanaan ini di mana semua finalis akan dilantik sebagai Felo 'YSN-ASM Chrysalis Award' serta akan dijemput untuk menyertai aktiviti YSN-ASM untuk tahun berikutnya (sukarelawan asas) untuk menyumbang kepada ekosistem STI.

YSN-ASM menyediakan platform untuk saintis muda yang cemerlang menyuarakan pendapat mereka secara kolektif, libatkan diri dalam penggubalan dasar, serta menyumbang kepada negara. Di samping itu, ahli YSN-ASM adalah saintis muda terkemuka di Malaysia yang komited terhadap menambah baik ekosistem dan memberi impak yang ketara kepada masyarakat.

Bersempena dengan ulangtahun ke-10 YSN-ASM, sebanyak 20 program utama telah dianjurkan untuk pelajar sekolah, pelajar universiti, penyelidik dan pensyarah universiti.



### Mendalami pemahaman tentang STI, meningkatkan pengetahuan melalui Sains Komunikasi



Website: <https://ysn-asm.org.my>



MENINGKATKAN  
**RANGKAIAN  
DAN KERJASAMA  
ANTARABANGSA**

## ASEAN FORESIGHT ALLIANCE

**(AFA)** - ke arah ekosistem STI yang dinamik untuk memacu pembangunan ekonomi, pemeraksanaan komuniti, dan kelestarian alam sekitar ASEAN 2035

ASEAN adalah sebahagian daripada gambaran yang lebih besar di mana kemajuan dan gangguan berlaku dengan serentak. Pada masa yang sama kita membuat kemajuan pesat dalam pelbagai aspek; ketidakpastian ekonomi, peralihan besar, dan ketidakpastian global juga telah menjejaskan wilayah ini secara menyeluruh. Apa yang diperlukan oleh ASEAN ialah pertumbuhan yang mampan untuk memastikan wilayah ini muncul sebagai blok yang kukuh dan bertenaga.

Menyedari perkara ini, pembentukan inisiatif ASEAN *Foresight Alliance* (AFA) telah diluluskan pada mesyuarat Jawatankuasa ASEAN Sains, Teknologi dan Inovasi (COSTI) yang ke-74 di Thailand. Perikatan 10 Negara Anggota ASEAN (AMS) ini telah komited memainkan peranan mereka dalam menangani cabaran global yang terdesak sepanjang beberapa dekad akan datang. Fungsi perikatan tersebut adalah untuk menghasilkan laporan kajian ASEAN *STI Ecosystem Foresight 2035*.

Dalam memudahkan dan menyokong kajian mereka, kohort penyelidik daya jangka tetap yang dipanggil *ASEAN Foresight Research Cohort* (AFRC) telah ditubuhkan. Mereka terdiri daripada penyelidik yang akan menjadi titik fokus untuk bekerjasama dengan pasukan kajian dalam menyediakan data serta pandangan tentang sains, teknologi dan landskap inovasi (STI) setiap negeri.

Kajian itu akan merangkumi penerapan 10 pemacu Sains dan Teknologi, transformasi 10 bidang sosioekonomi dan 10 *Forces of Change* yang membentuk masa depan berdasarkan Rangka Kerja 10-10 MySTIE. Kajian itu adalah satu usaha untuk memperkukuh landskap STI dengan menggerakkan STI ke arah pembangunan sosioekonomi serantau ini. Ia bertujuan untuk menunjukkan apa yang di sebalik 2025 bagi ASEAN berdasarkan kapasiti dan kecekapan STI, sekali gus menjadikan ASEAN lebih tangkas dalam menghadapi cabaran masa depan dan membentuk rancangan dan penyelarasan yang berpandangan hadapan dari segi STI.

Perikatan tersebut akan melibatkan pemimpin pemikiran, ikon dan personaliti untuk menyediakan laporan kajian yang akan akan dibentangkan pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (AMMSTI) untuk diterima pakai pada Jun, 2024.




NEGARA-NEGARA  
ASEAN



BRUNEI



KEMBOJA



INDONESIA



LAOS



MALAYSIA



MYANMAR



FILIPINA



SINGAPURA



THAILAND



VIETNAM



Bengkel  
AFRC

3



Mesyuarat Lembaga  
Penasihat AFA

2



Lembaga Penasihat AFA  
(Malaysia)

**Academician Profesor  
Emerita Tan Sri Dato'  
Seri Dr Mazlan Othman  
FASc**



Pengerusi ASEAN STI  
Ecosystem Foresight 2035

**Profesor Dr  
Mahendhiran Sanggaran  
Nair FASc**

## WORLD SCIENCE FORUM (WSF) & GLOBAL KNOWLEDGE DIALOGUE

Sejak tahun 2003, WSF yang diadakan setiap dua tahun merupakan platform perbincangan antara komuniti saintifik dan masyarakat. Forum ini dianjurkan oleh *Hungarian Academy of Sciences* bersama-sama UNESCO, *International Council for Science (ICSU)* dan *the American Association for the Advancement of Science (AAAS)*.

Tahun ini, ASM mengambil bahagian dalam WSF untuk julung kalinya. Forum dwitahunan ini diadakan dari 5 hingga 9 Disember 2022 di Cape Town, Afrika Selatan dengan tema "*Science for Social Justice*". Presiden Afrika Selatan, Matamela Cyril Ramaphosa, telah memberi ucapan pada majlis pembukaan WSF 2022. Beliau menyeru agar wakil antarabangsa yang hadir untuk bekerjasama dalam menangani ketidaksaksamaan, kemiskinan, kemusnahan alam sekitar dan keterpinggiran.

*Global Knowledge Dialogue* anjuran *International Science Council (ISC)* telah diadakan bersempena WSF 2022 di mana ASM dijemput sebagai ahli dialog tersebut. Dialog ini telah mencetus idea dan perbincangan tentang reformasi budaya, pendidikan dan keterangkuman. "*Access does not mean success*", ujar salah seorang ahli panel – menyeru ahli-ahli ISC untuk tidak hanya memberi akses semata-mata kepada pihak yang memerlukan tetapi juga bekerjasama ke arah memberi impak yang berkesan.

Forum ini mempunyai program-program sampingan di mana ASM telah mengambil bahagian dalam pelbagai perbincangan, seperti sistem pengetahuan tempatan, diplomasi sains dan sains terbuka. Forum ini merupakan peluang keemasan untuk ASM bekerjasama dengan insituti-institusi yang lain untuk berusaha ke arah mencapai matlamat demi memajukan sains, teknologi dan inovasi. Sebagai ahli ISC, Profesor Emerita Datuk Asma Ismail FASc telah menyampaikan pembentangan beliau bertajuk "*Justice in Science – How to Ensure Science Reflects The Society We Want - The Malaysian Experience*". Pembentangan beliau menarik perhatian khalayak ramai, seterusnya meningkatkan keterlihatan Malaysia di arena global.

ASM juga telah mengadakan perjumpaan bersama Puteri Sumaya El Hasan, Presiden *Royal Scientific Society (RSS)* bagi membincangkan potensi kerjasama dengan ASM untuk mengeratkan hubungan kedua-dua akademi ini.



Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc, Presiden ASM, membentangkan tajuk "*Justice in Science – How to Ensure Science Reflects The Society We Want - The Malaysian Experience*"



Ts Dr K. Nagulendran (Timbalan Setiausaha-Agung, Bahagian Perancangan & Pembudayaan Sains, MOSTI), salah seorang panel yang membincangkan topik "*Interfacing Scientific and Indigenous Knowledge Systems to Deepen Social Justice in the SADC Region (AUDA NEPAD SANBio)*"

## VIRTUAL THINK TANK ON THE IMPACT OF COVID-19 ON WOMEN IN THE STEM WORKFORCE ASIA-PACIFIC

ASM turut serta menganjurkan *Virtual Think Tank On The Impact Of COVID-19 On Women In The STEM Workforce (Asia-Pacific)* pada 27 Oktober 2022 berdasarkan laporan yang dihasilkan oleh Akademi Sains Australia.

Laporan ini menggambarkan pengalaman hidup wanita serta mengetengahkan kesaksamaan yang akan hilang sekiranya tindakan tidak diambil. Selain itu, laporan ini juga membentangkan dapatan utama tentang impak ke atas kerjaya STEM, kesejahteraan individu serta tindakan yang boleh diambil oleh organisasi dan individu dalam menangani cabaran yang dibawa oleh COVID-19. Projek ini juga telah menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 telah menyebabkan ketaksaksamaan jantina dalam tenaga kerja STEM semakin runcing di rantau Asia Pasifik.

- Ketaksaksamaan tersebut disebabkan oleh perubahan gaya hidup serta percampuran antara bidang kerja dan rumah, tanggungjawab rumahtangga yang meningkat menyebabkan produktiviti kerja menurun, pengaturan kerja yang tidak selamat, serta kekurangan akses kepada perkhidmatan penyelidikan dan tempat kerja disebabkan perintah berkurung.
- Situasi tersebut telah memberi kesan kepada kesejahteraan individu khususnya wanita dalam STEM yang bertindak balas berdasarkan perubahan sosial dan menyeimbangkan kehendak budaya dan keluarga.
- Peserta dari rantau Asia Pasifik telah berkongsi pengalaman tentang kapasiti mereka dalam usaha bertindak balas kepada impak negatif yang dialami. Kerjasama serantau berserta komuniti dan tempat kerja yang positif boleh mengurangkan impak pandemik yang berfokuskan jantina dalam tenaga kerja STEM, pada masa kini serta semasa tempoh pemulihan pasca pandemik.

Penglibatan ini mengupas tindak balas impak COVID-19 ke atas wanita dalam tenaga kerja STEM dalam konteks serantau dan tempatan. Bengkel ini turut memperkenalkan inisiatif *Women Global Network STEM* yang akan dilancarkan pada tahun 2023 oleh AAS, yang bertindak sebagai platform bagi wanita dalam STEM untuk berhubung, membina jaringan dan bekerjasama seperti mana yang dicadangkan dalam laporan tersebut.

Laporan tersebut juga membentangkan penemuan tentang impak pandemik ke atas kerjaya STEM dan kesejahteraan individu serta kaedah-kaedah untuk mendepani cabaran yang boleh diambil oleh organisasi dan individu dalam ekosistem STEM. Sebanyak empat tema utama telah ditemui menunjukkan konteks saling berkait yang dihadapi wanita dalam tenaga kerja STEM. Tema-tema tersebut adalah:

- Impak ke atas golongan profesional di tempat kerja
- Sempadan yang dicabar antara bidang kerja dan bukan kerja
- Perubahan sosial dan kesejahteraan individu
- Impak di dalam dan luar rantau Asia Pasifik

### Cadangan:



#### Menyokong golongan profesional di tempat kerja

- Mengakui bahawa ketaksaksamaan peluang antara jantina telah sedia wujud sejak sebelum pandemik lagi.
- Mengambil langkah dasar untuk memahami keterangkuman dan kepelbagaian dalam organisasi serta menilai tindakan yang diambil untuk memantau kemajuan.
- Menyokong dan melaksanakan rangka kerja kepelbagaian, keterangkuman dan kesaksamaan organisasi di setiap peringkat.
- Mengekalkan dan menambahbaik strategi kepelbagaian dan kesaksamaan yang sedia ada.
- Membangunkan budaya tempat kerja yang fleksibel dan merangkum.
- Sentiasa menerima maklum balas daripada pekerja tentang sokongan yang diperlukan serta perubahan yang diterima pakai.
- Meneroka peranan intervensi seperti biasiswa yang boleh membantu golongan tertentu.
- Menyokong langkah yang boleh meningkatkan keterlihatan wanita dalam STEM dan arah tuju STEM.
- Menyedari bahawa penerbitan bukan satu-satunya cara untuk menilai produktiviti dan kejayaan dalam STEM, tetapi juga kaedah fleksibel seperti peluang pengajaran, pementoran dan kerjasama.



### Mengurus sempadan yang terkesan

- Mendalami pemahaman dan kesedaran tentang kesan peningkatan penglibatan dalam talian terhadap kerja dan kehidupan peribadi.
- Pastikan kebolehcapaian digital dan sokongan tersedia untuk semua.
- Melibatkan semua ahli di serata hierarki organisasi dalam membuat perubahan positif dan saksama terhadap budaya dan keadaan tempat kerja.
- Membiasakan amalan kerja fleksibel yang boleh diakses oleh semua jantina.
- Menyediakan penjagaan kanak-kanak dan sokongan pembelajaran awal yang berkualiti dan berpatutan.
- Menyediakan cuti bergaji kepada ibu bapa yang mencukupi, untuk semua ibu bapa, tanpa mengira jantina.
- Menyokong pembangunan kemahiran dan keupayaan baharu dalam pengajaran dan kerjasama dalam talian.



### Menyokong kesejahteraan individu semasa perubahan sosial

- Mengakui bahawa kesihatan dan kesejahteraan individu adalah keutamaan dan terdapat keperluan untuk sokongan.
- Memastikan akses terbuka untuk sokongan kesihatan mental dan berusaha secara aktif untuk memahami jurang.
- Mengambil pendekatan yang fleksibel untuk bertindak balas dengan lebih baik kepada keadaan individu dan menyokong kesihatan mental mereka.
- Meneroka dan membangunkan peluang bekerja secara kolaboratif untuk membina rangkaian dan mengurangkan pengasingan.
- Menubuhkan dan menyokong rangkaian sosial profesional.
- Menawarkan fleksibiliti dan lanjutan untuk permohonan geran dan hasil penyelidikan dalam geran, yang mengiktiraf kesan khusus pandemik ke atas wanita dalam STEM.



### Di luar dan serantau Asia Pasifik

- Mendorong komitmen dan tindakan berterusan untuk memajukan gerakan *APEC Women in STEM Principles and Actions*.
- Beriltizam semula sebagai ekonomi dan komuniti kepada Deklarasi PBB Beijing 1995 dan SDG, serta memantau kemajuan kesaksamaan jantina yang digariskan dalam rangka kerja ini.
- Mencipta peluang perkongsian amalan terbaik dalam kalangan ekonomi di rantau ini, yang mengambil kira inisiatif ISC untuk merapatkan jurang jantina dalam sains dan matematik.
- Memanfaatkan strategi domestik sedia ada yang menangani kesaksamaan jantina dalam STEM lalu menerapkannya sebagai pelan tindakan untuk meluaskan jangkauan strategik tersebut ke seluruh rantau ini.



ASM akan terus bekerjasama dan menjuarai inisiatif berkaitan wanita dalam bidang sains tempatan dan antarabangsa.

Imbas untuk  
baca



Penyertaan

**190** peserta berdaftar dari  
**35** buah negara



Ahli panel perbincangan  
pleno:

- **Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc**,  
Presiden ASM
- **Profesor Dr Cheryl Praeger**,  
Felo Akademi Sains Australia
- **Profesor Dr Abhimanyu Veerakumarasivam**,  
Provost, Sunway University, Malaysia





# PENERBITAN DAN LAPORAN SAINTIFIK

## PENERBITAN DAN JUMLAH PEMBACA MERAIKAN SAINS MALAYSIA MELEPASI SEMPADAN

Usaha ASM untuk mencapai pihak pemegang taruh mampu dilaksanakan dengan sinergi yang strategik antara Unit Komunikasi Pemasaran, Unit Pengeluaran Kreatif dan Reka Bentuk, dan ASM Press. ASM telah mengeluarkan data yang boleh dipercayai dan relevan daripada kajian-kajian dan analisisnya di mana media juga telah menerbitkan pengetahuan yang berkaitan, pada peringkat tempatan atau antarabangsa.

### Buku untuk Dijual



*Science Communication in Practice: A Malaysia Perspective with Global Relevance*



*Just an Individual of a Species: An Autobiography of Ahmad Mustaffa Babjee*



*The Biology of Long-necked Weevil (Cycnotrachelus sp.)*

### Kajian Bertauliah



*Water Sector Transformation 2040:*  
2 Laporan Akhir (BM & BI)  
2 Laporan Eksekutif (BM & BI)  
8 Laporan Sektor  
9 Modul



Teknologi Wireless Bridging System untuk komuniti yang ketinggalan (*unserved*) dan terbatas (*underserved*) di Kampung Kuala Pajam, Beranang, Selangor

### Kajian ASM



Rangka Kerja 10-10 MySTIE



*The Nexus of Biodiversity Conservation and Sustainable Socioeconomic Development in Southeast Asia*



*Position Paper on Hydrogen Economy*

### Laporan



*The Landscape of Open Science in Malaysia*



*International Conference on Tropical Sciences: Contributions to Sustainability*

## ASM & Jaringan Pakar



ASM Strategic Plan 2021-2025




Pelan Strategik ASM 2021-2025



ASM Expert Network  
2020-2021



ASM Expert Network 2022



Laporan Tahunan 2021  
ASM

### e-Penerbitan

Untuk mengakses semua penerbitan, imbas di sini

Pembaca	Capaian	Muat turun	
<b>26,100</b>	<b>139,804</b>	<b>37,019</b>	daripada
		<b>125</b>	negara



### ASM Science Journal

Artikel diterbitkan - **76**

H-Index - **8**

**117,838** Lawatan ke *Open Access Journal*

Pengindeksan


- *Directory of Open Access Journal (DOAJ)*
- *Elsevier Scopus*
- *ASEAN Citation Index (ACI)*
- *Malaysia Citation Centre (MCC)*
- *Google Scholar*

Jumlah Artikel  
Diterbit

**937**

Jumlah  
Muat Turun

**345,901**



### ASM Focus

Isu

**12**

Artikel

**34**

Pembaca

**11,954**



### e-estidotmy

Bahan yang  
Diterbit

**82**

Pembaca


**15,341**



## KOMUNITI MEDIA SOSIAL


Sama ada platform media konvensional atau baharu, keterlihatan ASM melalui pelbagai program STEM dan input Jaringan Pakar kami terhadap perkara berkaitan STIE berjaya diketengahkan secara langsung untuk semua pemahaman pihak pemegang taruh.

JUMLAH KESELURUHAN PENGIKUT MEDIA SOSIAL PADA TAHUN 2022:  
**54,918**



## SIRI PODCAST

JUMLAH MAINAN PADA PODCAST  
**329** (16 EPISOD)



No	Episode Title	Duration
1	EP 2- Kesehatan Planet Berpaksikan Sains, Teknologi, Inovasi & Ekonomi (STIE)	47:55
2	EP 1- Saksama Bersama	26:16
3	EP 3- Adakah bimbang itu normal?	8:20
4	EP 21- National Science Challenge: Reviving STEM interest in Gen-Z	34:19
5	EP 17- ASM towards becoming a Changemaker	28:46
6	EP 18- Amanat Tahun 2023 Menteri MOSTI	14:55
7	EP 16- Plant-based Milk as Substitute for Dairy	6:26
8	EP 4- Food Miles: To Eat Locally, To Eat Locally Not	7:45
9	EP 20- The Rise of Lab-Grown Meat	6:25
10	EP 19- MSA Laureate Public Lecture	36:15

Imbas untuk  
mendengar





**DALAM KENANGAN**



## ACADEMICIAN PROFESOR DATO' DR KHAIRUL ANUAR ABDULLAH FASc

3 MEI 1948 – 16 JANUARI 2022

Academician Profesor Dato' Dr Khairul Anuar Abdullah FASc dilahirkan di Batu Gajah, Perak pada tahun 1948. Beliau merupakan pakar dalam penyakit tropika dan telah menyumbang secara signifikan dalam diagnosis dan pengurusan *toxoplasma* pada kaum ibu dan bayi baru lahir.

Dr Khairul memperoleh ijazah dalam Sains Bioperubatan dari Universiti Gajah Mada pada tahun 1975 dan menamatkan pengajian Sarjana dalam Kesihatan Awam dan PhD di Universiti Tulane, New Orleans, Amerika Syarikat. Pada tahun 1986, beliau telah dianugerahkan *Fulbright Scholar*, yang melayakkan beliau ke Harvard Medical School, Amerika Syarikat, sebagai saintis perubatan jemputan.

Kerjaya beliau bermula apabila beliau menyertai Fakulti Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Ahli Pengasas Fakulti pada tahun 1982. Beliau memainkan peranan penting dalam penubuhan Fakulti Perubatan USM dengan kurikulum bersepadu berasaskan penyelesaian masalah.

Pada tahun 1995, beliau berpindah ke Universiti Malaya untuk mengetuai Jabatan Parasitologi. Kemudian, sebagai Timbalan Dekan dan Pemangku Dekan Fakulti Perubatan, beliau menerajui kurikulumnya kepada seperti yang sedia ada sekarang. Pada tahun 1998, beliau mengetuai sekumpulan penyelidik untuk menjalankan kajian ke atas pekerja asing di negara ini, yang mendedahkan kepentingan pemeriksaan kesihatan pekerja ini untuk mencegah penularan penyakit berjangkit. Beliau telah menerbitkan lebih 175 artikel dalam jurnal saintifik dan telah menerima pelbagai anugerah seperti *Malaysian Toray Science & Technology Award* (1999) dan *The Sandosham Gold Medal* (2000).

Dr Khairul merupakan Dekan Pengasas Fakulti Perubatan Kolej Universiti MAHSA, di mana beliau menubuhkan pusat latihan klinikal di kawasan bandar dan luar bandar. Penggabungan peralatan IT dan multimedia dalam pengajaran perubatan sememangnya telah merevolusikan pendidikan perubatan di Malaysia. Beliau juga pernah memegang jawatan Naib Canselor Universiti MAHSA.

Di peringkat antarabangsa, beliau berkhidmat sebagai ahli Majlis APEC di Jepun (1997 - 2002) berkaitan jangkitan *helminth* melalui tanah dan memainkan peranan dalam penggubalan dasar mengenai langkah kawalan dan rawatan jangkitan cacing di Asia. Beliau adalah ahli jawatankuasa pemandu di Geneva mengenai Penghapusan Global Filariasis Limfatik, dan ahli lembaga pengarah *Asia Pacific Academic Consortium on Public Health* (APACPH).

Dr Khairul telah dilantik sebagai Felo ASM pada 2002 dan kekal aktif melalui pelbagai jawatankuasa dan pasukan petugas berkenaan hal ehwal kesihatan. Beliau merupakan wakil ASM di beberapa mesyuarat antarabangsa, antaranya Ahli Lembaga Pengarah *Association of Academies of Sciences in Asia* (AASA) dan ahli *Federation of Asian Scientific Academies & Societies* (FASAS). Dr Khairul telah memberi sumbangan yang hebat dalam diagnosis penyakit berjangkit dan telah membangunkan kaedah pendidikan yang inovatif di Malaysia. Jasa beliau akan sentiasa dikenang.





## PROFESOR DR ZHARI ISMAIL FASc

28 JUN 1949 – 18 JANUARI 2022

Profesor Emeritus Dr Zhari Ismail FASc dilahirkan pada 28 Jun 1949 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau merupakan pakar dalam bidang sains farmaseutikal khususnya dalam bidang etnofarmakologi. Beliau mempunyai minat penyelidikan yang mendalam dalam produk semula jadi yang mempunyai aktiviti urolitik; penyeragaman herba; farmakognosi; pembuatan dan penilaian *prodrugs*. Beliau mempunyai pengalaman yang banyak sebagai ahli farmasi, guru, saintis dan ahli lembaga pengurusan untuk syarikat permulaan dan syarikat biasa.

Selepas menamatkan pengajian di Institut Teknologi Bandung (ITB) dengan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Sarjana Farmasi pada tahun 1976, beliau diterima oleh USM sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Sains Farmasi. Beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Strathclyde, Scotland untuk mendapatkan PhD dalam bidang Kimia Farmaseutikal pada tahun 1982.

Penyelidikan beliau tertumpu terutamanya pada fikokimia dan farmakognosi tumbuhan ubatan tempatan untuk mengubati penyakit batu ginjal, gout, antiangiogenesis dan penyakit yang berkaitan. Dalam kerja P&P mengenai herba perubatan, beliau memegang paten untuk penyeragaman ekstrak *Orthosiphon stamineus*. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 250 artikel saintifik dalam jurnal antarabangsa dan nasional, monograf, prosiding, abstrak, beberapa buku dan monograf termasuk Indeks Tumbuhan Ubat Malaysia. Beliau terlibat sebagai ahli pasukan Penyelidik dalam Malaysia-MIT (USA) *Biotechnology Partnership Program* (MMBPP) bagi *Eurycoma longifolia* (Tongkat Ali) dan *Centella asiatica* (Pegaga).

Dalam bidang aplikasi teknologi maklumat yang berkaitan dengan bidang teras, beliau telah menjadi ahli kumpulan penyelidikan USM untuk biosensor, melibatkan kromatografi gas prestasi tinggi (teknologi *z-Nose*), pengiktirafan pola, rangkaian neural buatan (ANN), kemometrik dan metabolomik untuk penyeragaman dan kawalan kualiti herba yang memenangi beberapa anugerah kebangsaan dan antarabangsa.

Setelah persaraannya pada tahun 2005, beliau meneruskan perkhidmatannya di USM sebagai Ketua Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) untuk *Centre for Herbal Standardisation* (CHEST), sebuah projek kerjasama antara Biotropics Malaysia Berhad dan USM. Beliau juga menubuhkan Program Diploma Penjagaan Kesihatan Berasaskan Herba di Kolej Kemahiran Tinggi, MARA, Lenggong, Perak.

Dalam bidang penerbitan, beliau merupakan ahli Sidang Editorial *Journal of Tropical Medicinal Plants* (Malaysia) dari tahun 2000 hingga 2011. Beliau juga telah dijemput sebagai ahli Lembaga Editorial *Journal of Ethnopharmacology* yang berpusat di Amsterdam, Belanda dari tahun 2005 hingga 2011.

Bagi mengiktiraf jasa dalam bidang kepakaran beliau, Dr Zhari telah dianugerahkan sebagai Saintis Halal HDC pada tahun 2010 dan juga menerima Anugerah Khas Negeri Pulau Pinang sempena sambutan Maulud Rasul pada tahun 2011.

Nilai kepimpinan beliau terserlah melalui pelantikannya sebagai Ketua Kluster Penyeragaman dan Pembangunan Produk Herba di Pejabat Pembangunan Herba (NKEA, Kementerian Pertanian), Pengerusi Kumpulan Kerja Farmaseutikal Halal (Jabatan Standard Malaysia, MOSTI), Pengerusi Garis Panduan Farmaseutikal Halal MS 2424:2012, serta Pengerusi Piawai Herba (SIRIM).

Jasa beliau akan sentiasa dikenang.



**PROFESOR EMERITUS DATO' DR  
MAKHDZIR MARDAN FASc**

25 FEBRUARI 1953 – 13 MEI 2022

Profesor Emeritus Dato' Dr Makhdzir Mardan FASc dilahirkan pada 25 Februari 1953 di Muar, Johor. Beliau merupakan pakar terkemuka dalam bidang penternakan lebah di Malaysia yang telah mengkaji spesies lebah yang berbeza.

Dato' Makhdzir memulakan kerjaya beliau sebagai pensyarah di Fakulti Pertanian pada tahun 1979 di Universiti Pertanian Malaysia. Sepanjang tempoh kerjaya beliau selama 30 tahun di UPM, beliau telah menjalankan penyelidikan dan perundingan dalam bidang lebah madu gergasi, reka bentuk sarang lebah tukang kayu, penderiaan jauh dan GIS mengenai pengedaran lebah madu gergasi di hutan *Melaleuca* di Marang, Terengganu, pengedaran dan penempatan pokok lebah di Hutan Hujan Belum, pembentukan penternakan lebah dan koperasi pengumpulan madu, pendebungaan pokok dusun tropika dan lain-lain lagi.

Beliau telah menerima pelbagai anugerah kebangsaan dan antarabangsa atas pencapaian cemerlangnya dalam penyelidikan seperti *IDRC Fellowship Award* (1985), *The Royal Thailand Excellent Research Award* dalam penyelidikan ternakan lebah melalui *Asian Apicultural Association* (AAA) (1993) dan *UPM Research Excellent Award* (1999).

Selain daripada penyelidikan, beliau juga terlibat secara aktif dalam pengurusan universiti dan persatuan profesional. Antara jawatan penting yang disandang ialah Timbalan Naib Canselor Pembangunan (2001 - 2003), Pengarah Unit AgroBio Canseleri UPM (2003 - 2005), Pengarah Institut Kajian Perladangan (2004 - 2006), Naib Presiden Asian Apicultural Association (sejak 2011), Naib Presiden *World Propolis Science Forum* (sejak 2012) dan ahli Lembaga Penasihat untuk *International Union Studies of Social Insects* (IUSI) (sejak 2011).

Profesor Emeritus Dato' Dr Makhdzir Mardan FASc mengilhamkan model pembangunan untuk penternakan lebah di Malaysia. Jasa beliau akan sentiasa dikenang.



**TAN SRI DATO' IR (DR) WAN ABDUL  
RAHMAN HJ WAN YAACOB FASc**

21 JUN 1941 – 2 JULAI 2022

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman Hj Wan Yaacob FASc merupakan mantan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (1990 - 1996). Beliau telah menyertai perkhidmatan awam sebagai kadet teknikal pada 1 Jun 1964 dan telah bersara pada 21 Jun 1996. Beliau merupakan seorang jurutera yang berpengalaman dan telah menyumbang kepada pembangunan negara. Beliau juga pernah berkhidmat di JKR Terengganu, Selangor, Cameron Highlands dan Perak.

Beliau pernah berkhidmat di Institut Teknologi Kebangsaan sebagai Penolong Pensyarah selama satu tahun. Antara jawatan penting yang pernah disandang ialah Pengarah JKR Selangor dan Terengganu dan sebagai Pengarah Bahagian Teknikal di Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah selama tiga tahun. Beliau turut berkhidmat sebagai Pengarah Kerja Raya Pahang, Pengarah Pengurusan Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya dan Ketua Pengarah Kerja Raya.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman pernah menerima Anugerah Institusi Jurutera Malaysia (IEM) pada tahun 1994 atas sumbangan beliau dalam pembangunan infrastruktur negara. Selepas bersara sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya pada 1996, beliau pernah menjadi pengerusi bagi IJM Corporation Berhad, Litrak, Northport, Malaysian International Merchant Bankers Berhad, Minconsult dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Beliau juga aktif dalam Persatuan Kriket Melayu Malaysia. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau telah memastikan UiTM menandatangani perjanjian sebagai salah satu pusat prestasi tinggi Kriket Melayu di peringkat pusat pengajian tinggi pada 25 Februari 2011. Dua lagi pusat prestasi tinggi persatuan itu adalah di UKM dan Universiti Asia Pasifik. Pada 29 Januari 2014, beliau juga memeterai perjanjian dengan *Princess of Naradhiwas University* (PNU) di Narathiwat(PNU) Thailand. Persefahaman ini memudahkan pemain kriket di pusat pembangunan Kriket Melayu di Pattani, Thailand, dapat melanjutkan pelajaran ke PNU.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman Hj Wan Yaacob FASc meninggal dunia pada 2 Julai 2022. Sumbangan beliau sebagai peneraju industri kejuruteraan awam negara dan sebagai Felo ASM akan sentiasa dikenang.



## PROFESOR EMERITUS DATO' DR KHALID ABDUL KADIR FASc

3 JUN 1948 – 26 OKTOBER 2022

Profesor Emeritus Dato' Dr Khalid Abdul Kadir FASc cemerlang dalam akademik sejak usia muda. Beliau telah dianugerahkan Pingat Perak Pelajar Terbaik dari Kolej Sultan Abdul Hamid. Selepas menamatkan pendidikan menengah rendah, Profesor Khalid menghadiri Maktab Tentera Diraja di Sungai Besi, dan menamatkan pendidikan menengah atas seterusnya memenangi anugerah Pelajar Terbaik Hadaiah Komandan yang berprestij. Profesor Khalid memulakan pengajian perubatan beliau di Monash University, Australia, dan telah memperoleh kepujian kelas pertama B.Med.Sc. pada tahun 1973 serta kepujian kelas pertama dalam MBBS pada tahun 1975. Beliau juga telah memenangi *Henry Hindlip Green Prize* dalam Perubatan Klinikal dan *Harriet Power Prize in Medicine*.

Beliau berkhidmat di *Alfred Hospital* dan *Prince Henry's Hospital, Melbourne*, di mana beliau dilatih untuk FRACP dalam bidang endokrinologi pada tahun 1982 dan memperoleh PhD dalam Perubatan pada tahun 1984. Profesor Khalid mula mengajar di UKM pada tahun 1982. Kecemerlangan Profesor Khalid di UKM terserlah melalui kenaikan pangkat sebagai Profesor Madya pada tahun 1984 diikuti oleh Ketua Jabatan Perubatan pada tahun berikutnya. Pada tahun 1990, Profesor Khalid menjawat jawatan profesor penuh dan dilantik sebagai Dekan Fakulti Perubatan, UKM. Beliau kemudiannya menjadi Pengarah Hospital

UKM (HUKM) pada tahun 1996, seterusnya dilantik sebagai Profesor Kanan Perubatan pada tahun 2000. Profesor Khalid telah bersara pada tahun 2004 dan dilantik sebagai Profesor Emeritus.

Dedikasi Dr Khalid dengan tugasnya sebagai doktor, penyelidik dan guru tidak dapat dipertikaikan. Beliau memainkan peranan penting dalam penubuhan sekolah penyelidikan di HUKM dan percaya akan kepentingan penyelidikan. Sebagai pengiktirafan beliau sebagai guru dan penyelidik, Dr Khalid telah dianugerahkan Penyelidik Terbaik dan Guru Terbaik daripada UKM.

Penglibatan aktif Dr Khalid dalam penyelidikan diabetes juga terbukti melalui kajian berkenaan peningkatan kes diabetes dalam kumpulan umur yang lebih muda. Beliau menerajui *Young Diabetes Study (YDP)* dari tahun 1996 hingga 1999. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai status kesihatan golongan dewasa muda Malaysia yang didiagnos menghidap diabetes sebelum umur 40 tahun. Kejadian diabetes di awal peringkat umur semakin meningkat. Seramai 1,000 pesakit telah mengambil bahagian dalam kajian ini dari pelbagai pusat kesihatan seluruh negara, menghasilkan sembilan penerbitan yang diterbitkan di dalam jurnal saintifik.

Emeritus Dr Khalid terus memperjuangkan penyelidikan diabetes walaupun selepas bersara. Walaupun sibuk dengan tanggungjawab mengajar di Monash University Malaysia, beliau menerima tawaran untuk mengambil bahagian di dalam projek penyelidikan yang dicadangkan oleh KKM pada tahun 2007. Penyelidikan Sindrom Metabolik di Malaysia (MSSM) kini hampir siap. Ia dijangka menghasilkan banyak data yang diperlukan oleh KKM untuk membendung penyakit diabetes yang semakin meningkat dan komplikasinya di negara ini.

Pencapaian Dr Khalid telah memberi impak yang mendalam kepada Malaysia dan rakyatnya, dengan hampir 300 artikel mengenai diabetes dan endokrinologi telah diterbitkan. Melalui penyelidikan beliau yang berterusan, Dr Khalid telah meningkatkan pemahaman terhadap endokrinologi. Kajian beliau mengenai keberkesanan rawatan diabetes dan pemantauan diabetes di Malaysia telah membantu dalam merangka strategi untuk memerangi penyakit tersebut. Beliau juga telah menyumbang kepada pembangunan dan pelaksanaan strategi dan program kebangsaan untuk mencegah dan mengawal diabetes, dan mengurangkan risikonya. Penyelidikan epidemiologi Dr Khalid dan ujian ubat klinikal, serta penyelidikan tentang rintangan insulin telah membantu dalam mencipta rawatan baharu untuk diabetes.

Sumbangan beliau dalam bidang perubatan dan sebagai Felo Pengasas ASM akan sentiasa dikenang.



## EMERITUS PROFESOR DATUK DR ABDUL LATIF IBRAHIM FASc

1 SEPTEMBER 1938 – 11 DISEMBER 2022

Profesor Emeritus Dato' Dr Abdul Latif Ibrahim dianggap sebagai salah seorang saintis yang terkemuka dalam bidang mikrobiologi dan bioteknologi di negara ini. Dilahirkan pada 1 September 1938 di Kajang, beliau menamatkan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kajang pada tahun 1956. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pembantu Veterinar sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Perubatan Veterinar di *East Pakistan Agriculture University* pada tahun 1961. Selepas menamatkan pengajian pada tahun 1967, beliau bekerja sebagai Pegawai Veterinar Daerah. Pada tahun 1969, beliau telah dianugerahkan biasiswa *Fulbright Hays/East-West Center* untuk mengikuti program MSc. dalam bidang Mikrobiologi di *University of Hawaii*. Setelah menamatkan pengajian pada tahun 1971, beliau telah dilantik sebagai pegawai penyelidik di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. Dr Latif menyertai Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1972, dan pada tahun yang sama, beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat PhD dalam bidang Mikrobiologi di *University of California, Davis*.

Setelah menerima PhD pada tahun 1976, beliau meneruskan kerjaya di UPM. Semasa di UPM, beliau pernah memegang beberapa jawatan seperti pensyarah, profesor madya, profesor, ketua jabatan dan timbalan dekan sehingga beliau bersara pada tahun 1995. Beliau aktif dalam P&P vaksin yang membawa kepada pembangunan Vaksin Penyakit Newcastle yang telah dikomersialkan.

Beliau telah ditawarkan jawatan sebagai Pengarah Urusan Direktorat Bioteknologi Kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) pada bulan Jun 1995. Sebagai pengarah urusan, beliau bertanggungjawab merancang beberapa program untuk membangunkan bidang bioteknologi di Malaysia. Program-program tersebut adalah P&P, Pengkomersialan Bioteknologi, Pembangunan Sumber Manusia & Bioteknologi, Kerjasama Strategik dan Program Jangkauan Luar.

Bagi melaksanakan program tersebut, beliau telah membangunkan beberapa inisiatif seperti Pusat Korporat Bioteknologi (BCC) dan Program Kluster Penyelidikan Bioteknologi di mana tiga institut penyelidikan dalam bidang genomik, agrobioteknologi dan nutraseutikal & farmaseutikal telah dibangunkan. Bagi merencanakan pembangunan bidang bioteknologi di Malaysia, beliau telah membangunkan program kerjasama dengan MIT di bawah *Malaysia MIT Biotechnology Partnership Programme* (MMBPP). Objektif MMBPP adalah untuk memperoleh kepakaran daripada MIT dan menggunakan sumber asli di Malaysia untuk membangunkan produk komersial. Pembangunan Sumber Manusia juga merupakan sebahagian daripada program tersebut.

Pada Jun 2003, beliau menyertai Universiti Selangor (UNISEL) sebagai profesor kanan dan dilantik sebagai Pengarah Institut Bio-IT Selangor. Sebagai pengarah, beliau bertanggungjawab untuk membangunkan bidang bioteknologi di Selangor melalui penyelidikan dan pendidikan. Salah satu projek penyelidikan mengenai Kimia Hijau telah dibiayai oleh MOSTI. Beliau juga membangunkan Program Antarabangsa yang dikenali sebagai *International Islamic Academy for Life Sciences and Biotechnology* (IAB). IAB bertujuan untuk meluaskan rangkaian dan meningkatkan kerjasama dalam S&T di Dunia Islam.



Beliau memberi sumbangan cemerlang dalam penyelidikan mikrobiologi dan bioteknologi di Malaysia dan akan sentiasa dikenang sebagai salah satu Felo Pengasas ASM.



# PENYATA DAN ANALISIS KEWANGAN


Penyata kewangan Akademi Sains Malaysia dan laporannya disediakan mengikut Akta Akademi Sains Malaysia (AKTA 524) dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan ASM serta ringkasan urusan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 13 Februari 2023 dan Ketua Audit Negara telah memperakukan dan mengeluarkan sijil pada 14 April 2023. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, ASM mencatatkan lebih selepas cukai sebanyak RM1,189,873 berbanding dengan tahun 2021 sebanyak RM2,111,348.





## Jumlah Perbelanjaan



# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

## Aset

### Wang Tunai

Baki wang tunai pada tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah RM2.96 juta berbanding RM4.43 juta pada tahun berakhir 31 Disember 2021.

### Pelaburan

Pelaburan di ASM dibuat dalam tempoh antara 12 bulan atau kurang bergantung kepada keperluan tunai ASM dan kadar faedah yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Pada tahun berakhir 31 Disember 2022, pelaburan berjumlah RM18.24 juta berbanding RM20.56 juta bagi tahun berakhir 2021. Baki Pelaburan ini berkurang kerana keperluan tunai meningkat pada tahun 2022.

Jadual 1 menunjukkan kedudukan baki Wang Tunai dan Pelaburan bagi tahun 2022 dan 2021:

JADUAL 1: BAKI WANG TUNAI DAN PLABURAN				
	2022 RM Juta	2021 RM Juta	Kenaikan / (Penurunan)	Peratusan %
Wang Tunai & Baki di Bank	2.96	4.43	-1.48	-33%
Pelaburan	18.24	20.56	-2.32	-11%
<b>Jumlah Baki Wang Tunai dan Pelaburan</b>	<b>21.19</b>	<b>24.99</b>	<b>-3.80</b>	<b>-15%</b>

## Liabiliti

### Liabiliti Semasa

Jumlah Liabiliti Semasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah RM2.63 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak 20.0% berbanding RM2.19 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Perubahan ini disebabkan oleh peningkatan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar dimana perbelanjaan geran tertunda telah diakrukan bagi tahun semasa berjumlah RM0.88 juta.

Jadual 2 menunjukkan liabiliti semasa bagi tahun 2022 dan 2021:

JADUAL 2: LIABILITI SEMASA				
	2022 RM Juta	2021 RM Juta	Kenaikan / (Penurunan)	Peratusan %
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	1.59	0.65	0.93	143%
Peruntukan Manfaat Pekerja	0.23	0.26	-0.03	-12%
Pendapatan Tertunda	0.82	1.16	-0.35	-30%
Lain-lain Liability Semasa	-	0.11	-0.11	-100%
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>	<b>2.63</b>	<b>2.19</b>	<b>0.44</b>	<b>20%</b>

### Liabiliti Bukan Semasa

Jumlah Liabiliti Bukan Semasa mencatatkan penurunan sebanyak 25.0% bagi tahun 2022 iaitu berjumlah RM10.15 juta berbanding tahun lalu (FY2021: RM15.51 juta). Perubahan ini disebabkan oleh penerimaan peruntukan geran tertunda yang rendah dan pemulangan peruntukan projek pada tahun 2022.

Jadual 3 menunjukkan liabiliti bukan semasa bagi tahun 2022 dan 2021:

JADUAL 3: LIABILITI BUKAN SEMASA				
	2022 RM Juta	2021 RM Juta	Kenaikan / (Penurunan)	Peratusan %
Peruntukan Manfaat Pekerja	0.05	0.04	0.01	39%
Geran Tertunda	10.05	15.47	-5.42	-35%
Geran Tertunda- Pembangunan	0.05	-	0.05	100%
Geran Tertunda- Antarabangsa	-	0.01	-0.01	-100%
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>	<b>10.15</b>	<b>15.51</b>	<b>-5.36</b>	<b>-35%</b>

# PENYATA PRESTASI KEWANGAN


## Prestasi Belanjawan

Pada tahun 2022, Geran Operasi yang diterima berjumlah RM13.5 juta, meningkat sebanyak 26.0% berbanding RM10.74 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan Operasi (Mengurus) ASM bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berjumlah RM12.80 juta juga meningkat sebanyak 20% berbanding RM10.69 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada bayaran gaji dan upahan, perkhidmatan dan bekalan, perbelanjaan program sains, pemberian dan kenaikan bayaran tetap, manfaat kakitangan dan juga perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Jadual 4 menunjukkan prestasi belanjawan bagi tahun 2022 dan 2021:

JADUAL 4: PRESTASI BELANJAWAN ASM							
	2022			2021			% Jumlah Sebenar 2022 vs 2021
	Bajet	Jumlah Sebenar	Belanja %	Bajet	Jumlah Sebenar	Belanja %	
	RM Juta	RM Juta		RM Juta	RM Juta		
Geran Operasi Diterima	13.50	13.50	95%	10.13	10.74	100%	26%
Perbelanjaan Operasi	13.50	12.80		10.13	10.69		20%
<b>Lebihan / (Kurangan)</b>	<b>-</b>	<b>0.70</b>		<b>-</b>	<b>0.05</b>		

Carta 1 menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan bagi tahun 2018 hingga 2022:



## Hasil

Hasil terdiri daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Urus Niaga Pertukaran. Urus Niaga Bukan Pertukaran termasuklah geran operasi, geran program, caj sewaan pejabat dan lain-lain, manakala Urus Niaga Pertukaran termasuklah caj pengurusan program, faedah simpanan tetap dan lain-lain hasil. Jumlah hasil pada tahun 2022 yang diterima sebanyak RM19.77 juta meningkat sebanyak 4.0% berbanding RM18.96 juta yang diterima pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan oleh penerimaan geran operasi dan geran program berjumlah RM13.64 juta.

Jadual 5 menunjukkan prestasi hasil bagi tahun 2022 dan 2021:

JADUAL 5: PRESTASI HASIL				
	2022	2021	Kenaikan / (Penurunan)	Peratusan %
	RM Juta	RM Juta		
Geran Operasi (Mengurus)	13.50	10.74	2.77	26%
Geran Program	0.14	0.41	-0.27	-67%
Pelunasan Hasil Geran Tertunda	5.09	6.09	-1.01	-17%
Caj Pengurusan Program	0.27	0.96	-0.69	-72%
Faedah Deposit Semasa dan Tetap	0.50	0.44	0.07	15%
Lain-lain Hasil	0.28	0.33	-0.05	-15%
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>19.77</b>	<b>18.96</b>	<b>0.82</b>	<b>4%</b>

## Perbelanjaan

### Perkhidmatan dan Bekalan

Perbelanjaan bagi Perkhidmatan dan Bekalan terdiri daripada perbelanjaan pengurusan pentadbiran, perbelanjaan kakitangan kontrak, komunikasi sains dan hal ehwal keahlian. Jumlah perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berjumlah RM8.33 juta telah meningkat sebanyak 28.0% berbanding RM6.51 juta bagi tahun 2021 disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pengurusan pentadbiran dan hal ehwal keahlian.

Jadual 6 menunjukkan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan bagi tahun 2022 dan 2021:

JADUAL 6: PERKHIDMATAN DAN BEKALAN				
	2022	2021	Kenaikan / (Penurunan)	Peratusan %
	RM Juta	RM Juta		
Perbelanjaan Pengurusan Pentadbiran	1.55	1.00	0.54	54%
Perbelanjaan Kakitangan Kontrak	5.83	4.91	0.92	19%
Komunikasi Sains	0.36	0.25	0.11	44%
Hal Ehwal Keahlian	0.60	0.35	0.25	72%
<b>Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan</b>	<b>8.33</b>	<b>6.51</b>	<b>1.82</b>	<b>28%</b>

**Perbelanjaan Program Sains** Perbelanjaan program sains merupakan aktiviti-aktiviti teras yang dilaksanakan bagi memenuhi 14 fungsi ASM seperti yang dimandatkan dalam Akta Akademi Sains Malaysia 1994. Jumlah perbelanjaan program sains bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berjumlah RM6.64 juta menunjukkan penurunan sebanyak 7.0% berbanding tahun lalu (FY2021: RM7.14 juta). Penurunan ini disebabkan oleh perbelanjaan yang rendah bagi program *flagship*.

Jadual 7 menunjukkan perbelanjaan program sains bagi tahun 2022 dan 2021:

JADUAL 7: PRESTASI PROGRAM SAINS				
	2022	2021	Kenaikan / (Penurunan)	Peratusan %
	RM Juta	RM Juta		
Aktiviti Jaringan Kerjasama dan Kecemerlangan Sains (One-off project)	1.55	1.04	0.51	49%
Perbelanjaan Geran Tertunda	4.05	4.06	-0.01	0%
Perbelanjaan Geran Tertunda-Pejabat Antarabangsa	-	1.67	-1.67	-100%
Perbelanjaan Geran Tertunda Pembangunan	0.90	-	0.90	100%
Perbelanjaan Pendapatan Tertunda	0.14	0.36	-0.23	-63%
<b>Jumlah Perbelanjaan Program Sains</b>	<b>6.64</b>	<b>7.14</b>	<b>-0.50</b>	<b>-7%</b>

# RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

JADUAL 8: RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

	2018	2019	2020	2021	2022
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Hasil	25.36	17.89	16.33	17.44	18.93
Perbelanjaan	24.33	15.86	17.10	16.73	18.45
Lebihan Sebelum Cukai	2.63	2.69	0.93	2.22	1.32
Jumlah Aset Bersih	7.31	8.42	9.43	11.55	12.74
Jumlah Aset	62.38	23.79	23.94	29.24	25.52
Jumlah Liabiliti	55.08	15.37	14.50	17.70	12.78





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
AKADEMI SAINS MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Akademi Sains Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 34.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Akademi Sains Malaysia pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 [Akta 524].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Akademi Sains Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Penegasan Perkara**

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap Nota 8 Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, iaitu kerja dalam kemajuan berjumlah RM286,052. Sejumlah RM190,304 daripada baki tersebut merupakan pembelian aset dan kerja yang akan dilaksanakan pada tahun 2023. Perkara ini menyebabkan amaun kerja dalam kemajuan terlebih nyata pada tahun semasa.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Majlis, Akademi Sains Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 [Akta 524]. Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Akademi Sains Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Akademi Sains Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Akademi Sains Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Akademi Sains Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Hal-hal Lain

Saya ingin menarik perhatian terhadap konsep pepadanan perakaunan antara hasil dan belanja. Akademi Sains Malaysia perlu menambah baik kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan yang melibatkan pengiktirafan hasil dan perbelanjaan yang melangkaui tempoh perakaunan agar selaras dengan konsep pepadanan.

Sijil ini dibuat untuk Majlis, Akademi Sains Malaysia berdasarkan keperluan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 [Akta 524] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
(RUSNI BINTI MOHAMED)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA  
14 APRIL 2023





Academy of Sciences Malaysia

**PENYATA NAIB PRESIDEN DAN BENDAHARI KEHORMAT AKADEMI SAINS MALAYSIA  
STATEMENT BY VICE-PRESIDENT AND HONORARY TREASURER OF THE ACADEMY OF  
SCIENCES MALAYSIA**

